

**Bil. 28**

**Khamis  
15 Mei 1997**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

# KANDUNGAN

## PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Ucapan Takziah Kepada Balu Serta Keluarga Allahyarham  
YAB. Dato' Seri Mohd Zin Bin Abdul Ghani, Ketua Menteri Melaka (Ruangan 1)

## RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997 (Ruangan 1)  
Rang Undang-undang Tafsiran (Pindaan) 1997 (Ruangan 58)  
Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1997 (Ruangan 60)  
Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1997 (Ruangan 65)

## USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan 13)

Mac, 1997.

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “                      Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “                      Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “                      Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “                      Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “                      Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “                      Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “                      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “                      Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “                      Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “                      Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “                      Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting (Pontian)
- “                      Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “                      Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “                      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “                      Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “                      Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “                      Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “                      Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

Yang Berhormat	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)



Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- Yang Berhormat      Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “                         Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “                         Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “                         Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “                         Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “                         Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,  
                            P.J.K. (Bagan Serai)
- “                         Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “                         Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “                         Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,  
                            S.P.M.S. (Gua Musang)
- “                         Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “                         Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “                         Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “                         Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “                         Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “                         Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “                         Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “                         Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “                         Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “                         Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “                         Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “                         Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “                         Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “                         Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “                         Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,  
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.  
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 15 Mei 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA BALU SERTA KELUARGA ALLAHYARHAM YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MOHD. ZIN BIN ABDUL GHANI, KETUA MENTERI MELAKA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan amat sedihnya saya maklumkan bahawa pada 14 Mei 1997, jam 4.05 petang, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Zin bin Abdul Ghani, Ketua Menteri Melaka telah meninggal dunia di Hospital Tawakal, Kuala Lumpur. Allahyarham Yang Amat Berhormat itu adalah seorang yang berdedikasi, menjalankan tugas-tugasnya sebagai Ketua Menteri Melaka dengan amat baiknya. Oleh itu, negara telah kehilangan seorang ahli politik yang berkebolehan dan sangat disegani serta dihormati.

Kita, ahli-ahli Dewan Rakyat mengucapkan takziah kepada balu beliau, Datin Seri Fatimah binti Samsudin dan anak-anak serta keluarga Allahyarham itu di atas kehilangan Allahyarham. Kita berdoa moga-moga roh Allahyarham itu dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama roh orang yang soleh.

Saya mengarahkan rekod prosiding ini hendaklah dihantarkan kepada balu beliau, Datin Seri Fatimah binti Samsudin dan disimpan di dalam arkib Parlimen. Dengan ini saya dengan hormatnya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat bangun memberi hormat. Ahli-ahli yang beragama Islam hendaklah membaca Al-Fatihah untuk dihadiahkan kepada roh Allahyarham, yang bukan beragama Islam bertafakur selama dua minit untuk mengenangkan roh Allahyarham itu.

*[Majlis bertafakur selama dua minit dan yang beragama Islam menghadahkan Al-Fatihah]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**RANGUNDAUNG-UNDANG**

**RANG UNDAUNG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) 1997**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

2.37 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang untuk meminta Akta Pengambilan Tanah 1960 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi notis bahawasanya oleh kerana ianya melibatkan 33 Fasal, saya memerlukan sedikit masa Dewan ini untuk membentangnya.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita telah mencatatkan pertumbuhan yang mantap lagi pantas pada dekad ini dan dijangka ianya akan berterusan pada dekad yang akan datang sehingga menjangkau tahun 2020. Pembangunan ekonomi negara yang pesat ini menunjukkan peningkatan kepada faktor-faktor pengeluaran seperti modal, tenaga kerja dan keusahawanan. Walau bagaimanapun, satu lagi faktor pengeluaran yang penting tidak berkembang selari dengan lain-lain faktor, faktor itu ialah tanah. Secara relatifnya, dengan izin, 'land has shrunk'. Oleh kerana itu, permintaan terhadap tanah akan terus meningkat sedangkan sumbernya adalah terhad. Untuk mengatasi masalah ini, penggunaan tanah yang optimum dan pengurusan pentadbiran tanah yang cekap adalah diperlukan.

Pertumbuhan negara yang pesat memerlukan pengurusan yang cekap oleh semua pihak bagi memastikan negara mencapai pertumbuhan yang baik setiap tahun. Pentadbiran dan pengurusan tanah adalah satu proses yang dinamik yang sentiasa memerlukan perubahan mengikut arus pembangunan yang pesat. Oleh itu, bagi menentukan undang-undang yang mengawal pembangunan tanah tidak menjadi faktor penghalang kepada pembangunan, maka undang-undang yang sedia ada perlu dipinda bagi memenuhi keperluan ini di samping bertujuan untuk melindungi kepentingan kerajaan dan juga kepentingan tuan tanah.

Dengan pembangunan pesat yang dialami oleh negara ketika ini, keluasan tanah kerajaan yang sedia

ada sudah tidak mencukupi bagi menampung projek-projek pembangunan yang dirancangan. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan tidak mempunyai pilihan lain kecuali menggunakan peruntukan undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini iaitu Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi memperolehi tanah yang sesuai untuk pembangunan negara bagi maksud kepentingan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengambilan Tanah 1960 ini telah dipinda beberapa kali, walau bagaimanapun pindaan-pindaan tersebut bukanlah dibuat secara *ad-hoc*, sebaliknya ia mencerminkan pertumbuhan ekonomi negara yang begitu dinamik. Oleh itu, adalah perlu bagi akta ini dipinda bagi menentukan prosedur pengambilan tanah yang lebih telus dan dapat memberi lebih keadilan kepada rakyat.

Menyedari akan isu-isu yang timbul, maka kerajaan telah membuat kajian yang teliti dan mendalam bagi meminda beberapa peruntukan yang ada. Kajian yang dibuat bukan sahaja berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan kerajaan semata-mata, malahan mengambil kira juga pandangan dan ulasan dari badan-badan profesional bukan kerajaan. Perjumpaan dengan badan-badan profesional bukan kerajaan seperti Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia, Persatuan Penilai, Persatuan Perunding Harta Swasta Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peladang Bersatu Malaysia dan Persatuan Pemilik Estet Malaysia telah diadakan sebanyak dua kali bertempat di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Rang undang-undang ini juga telah dibincangkan dalam Majlis Tanah Negara yang ke-53 di mana semua kerajaan negeri turut terlibat.

Setelah kajian yang mendalam dan teliti dibuat dengan mengambil kira pandangan semua pihak, termasuk dari media cetak dan elektronik dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Parlimen, kerajaan akhirnya memutuskan untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya terdapat 33 peruntukan yang terlibat dengan cadangan pindaan ini. Antara objektif pindaan akta ini ialah:

- (i) untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam melaksanakan seksyen 3(b) dan 3(c);
- (ii) untuk memperjelaskan cara-cara pelaksanaan seksyen 3(b) dan (c) supaya ianya seragam, lebih telus, rasional,

bertanggungjawab dan boleh melindungi kepentingan tuan tanah secara total;

- (iii) untuk memperkemas lagi peruntukan-peruntukan lain di dalam akta ini bagi memenuhi keperluan semasa; dan
- (iv) untuk menentukan asas penilaian pampasan yang lebih tepat, cepat dan lebih adil kepada semua pihak serta menggambarkan nilai sebenar tanah yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi objektif pertama iaitu untuk mengatasi kelemahan dalam pelaksanaan seksyen 3(b) dan (c), beberapa peruntukan baru telah dimasukkan bagi menyenangkan dan menyeragamkan tatacara.

Fasal 3 rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa mana-mana permohonan yang dibuat di bawah seksyen 3(1)(b) atau (c) perlu menggunakan borang khas yang akan disediakan di dalam Kaedah. Pemohon pengambilan tanah dikehendaki mengemukakan bersama-sama borang permohonannya dokumen-dokumen seperti cadangan projek, pelan tataatur, pelan pengambilan tanah, laporan awal penilaian tanah, bayaran pemprosesan dan deposit. Ini adalah bagi memastikan hanya pemohon yang tulen sahaja akan memohon pengambilan tanah bagi maksud pembangunan ekonomi yang dinyatakan di bawah seksyen 3(1)(b) atau (c).

Peruntukan juga dimasukkan di dalam Fasal 3, subseksyen baru 3(6) di mana sekiranya tanah yang dipohon telah dikeluarkan kelulusan pembangunan (development approval) dan permohonan pengambilan tanah ini bukan bagi maksud kemudahan awam (public facility), maka pihak berkuasa negeri tidak boleh menimbang permohonan tersebut dan Pentadbir Tanah hendaklah menolak permohonan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif yang kedua iaitu untuk memperjelaskan lagi cara-cara pelaksanaan seksyen 3(b) dan (c) supaya ianya seragam, lebih telus, lebih rasional, bertanggungjawab dan boleh melindungi kepentingan tuan tanah secara total ada diterangkan di dalam Fasal 4 rang undang-undang ini.

Memandangkan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) merupakan satu institusi yang mempunyai kapakanan dan pegawai yang terlatih dalam bidang yang diperlukan, maka ianya dipertanggungjawabkan untuk meneliti permohonan yang diterima dari pentadbir tanah. Bagi permohonan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,

pentadbir tanah akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, setelah menerima permohonan, perlu meneliti dan menyemak beberapa perkara seperti;

- (a) kepentingan awam;
- (b) keupayaan dan kemampuan pemohon untuk melaksanakan projek yang dicadangkan;
- (c) daya maju projek; dan
- (d) kelulusan pembangunan yang dikeluarkan kepada pemilik tanah berdaftar.

Bagi melindungi kepentingan tuan tanah, maka di bawah Fasal 4, iaitu seksyen 3A(2), (3), (4), (5), (6) dan (7) dan seksyen 3B, UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu menentukan sama ada sesuai atau tidak tuan tanah melibatkan diri dalam projek yang dicadangkan. Sekiranya UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berpendapat sesuai bagi tuan tanah untuk melibatkan diri, maka kedua-dua pihak ini dikehendaki mengarahkan supaya rundingan dijalankan antara pemohon pengambilan tanah dengan tuan tanah mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan sesuai seperti dalam bentuk kerjasama dan perjanjian komersial serta penglibatan ekuiti.

Sekiranya rundingan tersebut gagal mencapai apa-apa persetujuan, maka UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu menilai dan mengkaji sama ada penglibatan tuan tanah sesuai atau tidak bagi projek yang dicadangkan. Bagi tanah yang tidak mempunyai apa-apa kelulusan pembangunan, UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu menilai dan mengkaji sama ada penglibatan tuan tanah sesuai atau tidak dan rundingan perlu diadakan mengikut kaedah yang sama seperti yang dinyatakan di atas. Setelah perundingan selesai, UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu mengkaji laporan hasil perundingan yang dikemukakan oleh pemohon pengambilan tanah. Berdasarkan laporan ini dan setelah kajian teliti dibuat, UPEN akan membuat perakuan-perakuan yang difikirkan sesuai dan mengemukakannya kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah di peringkat negeri. Sementara bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan membuat perakuan-perakuan yang sesuai kepada pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan wujudnya keseimbangan atau, dengan izin, check and balance di dalam akta ini, maka di bawah seksyen 3C, 3D dan 3E, satu Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah yang dipengerusikan oleh setiausaha kerajaan negeri atau bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil-wakil jabatan yang berkaitan. Bagi memastikan ianya adalah badan yang bebas, maka dicadangkan agar keahliannya terdiri dari kalangan pegawai kerajaan yang profesional dari pelbagai bidang. Ini akan dapat membantu jawatankuasa khas ini mengkaji secara lebih mendalam dan menyeluruh permohonan yang diterima termasuk dari aspek-aspek sosial, alam sekitar, perundangan dan sebagainya.

Jawatankuasa khas ini dikehendaki mengemukakan apa-apa perakuan yang difikirkan sesuai seperti mengenakan apa-apa syarat atau sekatan kepentingan ke atas tanah yang dipohon dalam tempoh dua bulan kepada pihak berkuasa negeri. Pihak berkuasa negeri pula boleh membuat keputusan sama ada hendak melulus atau menolak setiap permohonan yang diterima seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 4, seksyen 3E.

Sementara seksyen 3F diadakan bagi maksud melindungi kepentingan pemilik tanah, lain-lain orang yang berkepentingan dan pihak kerajaan sendiri sekiranya pemohon pengambilan tanah menarik balik permohonannya yang telah diluluskan. Dalam keadaan ini, pentadbir tanah akan menentukan jumlah deposit yang boleh dirampas bagi membolehkan bayaran dibuat terhadap apa-apa kerosakan dan kerugian yang dialami oleh pemilik tanah dan lain-lain orang yang berkepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif ketiga ialah untuk memperkemas lagi peruntukan-peruntukan lain di dalam akta ini bagi memenuhi keperluan semasa bagi menentukan proses pengambilan tanah dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna. Bagi mencapai matlamat ini beberapa tafsiran di bawah Fasal 2 dicadang supaya dipinda dan beberapa takrif baru dimasukkan. Takrif, dengan izin, building, land, person interested dan state land law dipinda bagi memudahkan pentadbir tanah mengendalikan siasatan atau perbicaraan. Takrif 'commissioner' dan 'land administrator' juga dipinda bagi menyelaraskan dengan peruntukan yang ada dalam Kanun Tanah Negara. Sementara takrif bagi perkataan-perkataan 'committee', 'committee for the Federal Territory of Kuala Lumpur', 'develop-

ment approval', 'Economic Planning Unit', 'public utility', 'sewerage system', 'State Economic Planning Unit' dan 'valuer' merupakan takrif baru yang diwujudkan bagi memudahkan pelaksanaan tugas pengambilan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 yang dicadangkan ialah untuk meminda seksyen 8 akta ini bagi membolehkan bayaran pampasan dibuat kepada mana-mana pihak yang berkepentingan akibat daripada luputnya tarikh berkuatkuasa warta pengambilan.

Pindaan di bawah Fasal 7 adalah untuk meminda seksyen 9 bagi memotong sebutan mengenai Pulau Pinang dan Melaka kerana catatan di dalam Dokumen Hakmilik Daftar melibatkan semua pejabat pendaftar atau pejabat tanah. Oleh itu, ianya tidak lagi perlu disebut secara berasingan.

Fasal 8 pula memasukkan seksyen 9A yang baru bagi membolehkan pentadbir tanah mendapatkan maklumat mengenai pelan pembangunan dan guna tanah yang sangat penting bagi membantunya menentukan jumlah pampasan yang akan ditawarkan kepada orang yang berkepentingan.

Fasal 9 adalah bagi maksud proviso baru di bawah seksyen 12 bagi membolehkan pentadbir tanah mendapatkan pandangan bertulis dari mana-mana penilai sebelum memberikan award pampasan.

Fasal 10 pula adalah merupakan cadangan pindaan kepada seksyen 14 di mana dalam menentukan kos yang terlibat dalam prosiding pengambilan, pentadbir tanah hendaklah mengambil kira kos penilaian tanah yang ditanggung oleh tuan tanah. Ini akan dapat mengurangkan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh tuan tanah akibat daripada pengambilan tanah tersebut.

Fasal 14 dan 15 adalah pindaan yang bertujuan memotong peruntukan mengenai 'registration of deeds system', dengan izin, yang terdapat dalam seksyen-seksyen 24 dan 27 yang tidak lagi digunakan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 18 memasukkan seksyen 32A yang baru bagi memudahkan penentuan pengiraan bayaran denda lewat yang perlu dibayar oleh agensi pemohon kepada orang yang berkepentingan.

Fasal 23 adalah bagi memasukkan beberapa peruntukan baru bagi memastikan prosiding di mahkamah mengenai bantahan terhadap jumlah pampasan dapat didengar dan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Seksyen baru 40A memperuntukkan supaya mahkamah yang akan mengadili kes tersebut terdiri daripada hakim yang akan dibantu oleh dua orang penilai yang akan dilantik oleh hakim yang berkenaan. Seorang daripadanya adalah merupakan penilai swasta yang berdaftar di bawah 'Valuers, Appraisers and Estate Agents Act 1981', sementara seorang lagi adalah merupakan penilai kerajaan.

Seksyen 40B pula menetapkan bahawa adalah menjadi keperluan undang-undang bagi kedua-dua penilai yang dilantik untuk hadir ke mahkamah apabila diarah. Setiap penilai swasta yang dilantik oleh hakim akan dibayar fee sebanyak tidak melebihi daripada RM500 sehari dan tindakan disiplin boleh diambil ke atas penilai yang gagal hadir di mahkamah tanpa alasan yang munasabah di bawah akta yang berkenaan.

Sementara seksyen 40C pula memperuntukkan supaya pendapat kedua-dua penilai tersebut berhubungan dengan apa-apa perkara mengenai pampasan hendaklah diberikan secara bertulis dan hendaklah juga direkodkan oleh hakim.

Seksyen 40D memperuntukkan bahawa keputusan mahkamah berhubung jumlah pampasan hendaklah berdasarkan jumlah yang diputuskan oleh kedua-dua penilai yang dilantik. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana pendapat kedua-dua berbeza, maka hakim berkenaan hendaklah memilih salah satu daripada jumlah penilaian tanah yang diputuskan oleh mana-mana satu penilai yang dilantik dan jumlah pampasan yang akan di'award' hendaklah merupakan jumlah yang diputuskan oleh penilai berkenaan. Apa-apa keputusan yang dibuat di bawah seksyen ini adalah muktamad.

Fasal 24 pula dicadangkan bagi membolehkan peruntukan baru Jadual Ketiga dimasukkan dengan tujuan untuk memudahkan prosiding dalam pengambilan tanah yang dibawa ke mahkamah. Peruntukan ini juga memberi kuasa kepada jawatankuasa kaedah yang dilantik di bawah 'Court of Judicature Act 1964' meminda mana-mana peruntukan dalam kaedah tersebut dari masa ke semasa.

Perubahan struktur organisasi mahkamah yang dibuat melalui Akta Perlembagaan A885 yang berkuatkuasa mulai 23hb. Jun 1994, menyebabkan pindaan juga perlu dibuat kepada seksyen 49 akta ini seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 27. Bagi tujuan menentukan proses pengambilan dapat dilaksanakan tanpa apa-apa gangguan dan ancaman dari mana-mana pihak, maka pindaan-pindaan juga

perlu dibuat seperti di Fasal-fasal 29 dan 30 di dalam seksyen-seksyen 63 dan 64.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seterusnya adalah berhubung dengan Fasal 32 di mana seksyen 69 akta ini dipinda bagi memberi kuasa kepada menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Negara untuk membuat kaedah pengambilan tanah, yang antara lain menggariskan borang permohonan yang perlu digunakan untuk pengambilan tanah di bawah seksyen 3(1)(b) atau (c), bayaran pemprosesan, deposit dan lain-lain perkara yang difikirkan perlu.

Lain-lain pindaan susulan yang dibuat juga adalah penting bagi maksud memperkemas lagi akta ini seperti di Fasal 5 seksyen 5, Fasal 11 seksyen 19, Fasal 12 seksyen 20, Fasal 13 seksyen 23, Fasal 16 seksyen 29A, Fasal 17 seksyen 32, Fasal 19 seksyen 35, Fasal 20 seksyen 37, Fasal 21 seksyen 38, Fasal 22 seksyen 39, Fasal 25 seksyen 47, Fasal 26 seksyen 48, Fasal 28 seksyen 54 dan Fasal 31 seksyen 66.

Tuan Yang di-Pertua, objektif yang terakhir atau yang keempat ialah untuk menentukan asas penilaian pampasan yang lebih tepat, cepat dan adil kepada semua pihak serta menggambarkan nilai sebenar tanah yang akan diambil. Sebagaimana kita semua maklum, pampasan yang dibayar seringkali menjadi isu dalam pengambilan tanah. Oleh yang demikian, bagi mencapai matlamat ini beberapa pindaan difikirkan perlu dibuat kepada Jadual Pertama akta ini seperti yang terdapat di bawah Fasal 33. Antara pindaan-pindaan yang terlibat ialah:

- (i) Pindaan kepada perenggan kecil 1(1)(a) supaya pemberitahuan di bawah seksyen 4 yang diikuti dengan pengisytiharan di bawah seksyen 8 dilanjutkan tempohnya dari enam bulan kepada dua belas bulan. Ini menyebabkan tarikh pemberitahuan di bawah seksyen 4 dijadikan asas penentuan bagi harga pasaran. Kesan daripada pindaan ini ialah 'pembekuan' nilai tanah akan dipanjangkan daripada enam bulan menjadi dua belas bulan.
- (ii) Perenggan kecil 1(1A) baru yang dicadangkan ialah bagi membolehkan penilai menggunakan apa-apa kaedah penilaian yang sesuai semasa menentukan harga pasaran tanah yang akan diambil termasuk mengambil kira harga yang dibayar kepada tanah-tanah lain di dalam kawasan yang berhampiran yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan

tanah berkenaan. Bagi menentukan perbandingan harga pasaran yang munasabah dibuat, pertimbangan khusus akan diberi kepada jual beli yang melibatkan tanah yang akan diambil itu yang telah dijalankan dalam tempoh dua tahun dari tanah berkenaan sepatutnya dinilai seperti mana yang dinyatakan di bawah perenggan kecil (1).

- (iii) Perenggan kecil 1(1B) yang baru pula dicadangkan supaya sekiranya hanya sebahagian sahaja daripada tanah berjadual akan diambil, maka harga pasaran hendaklah ditentukan dengan merujuk kepada lot berkenaan secara keseluruhan dengan mengambil kira bahagian kecil yang akan diambil itu. Sementara perenggan kecil 1(1C) yang baru pula dicadangkan supaya tidak mengambil kira apa-apa bukti urusniaga yang melibatkan jual beli atau pindah milik yang dilakukan selepas daripada tarikh tanah berjadual itu sepatutnya dinilai.
- (iv) Perenggan kecil 1(1D) merupakan cadangan baru yang diwujudkan bagi menentukan supaya bagi mana-mana tanah milik yang didaftar di bawah Hakmilik Pajakan, maka tempoh tamat pajakan hak milik atau baki tempoh pajakan tersebut hendaklah diambil kira dalam menentukan nilai pampasan dan sebarang kemungkinan tanah tersebut akan dilupuskan sekali lagi kepada orang yang sama tidak akan diambil kira.
- (v) Perenggan kecil 1(2A) yang sedia ada ialah berhubung dengan penilaian ke atas tanah rizab Melayu, pegangan Melayu atau tanah adat. Perenggan ini dicadangkan supaya dipinda bagi menentukan bahawa sekiranya tanah milik dalam kategori ini hendak diambil dan ianya akan hanya digunakan untuk maksud yang akan memberi faedah kepada orang-orang yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis yang berkaitan dengannya, maka faktor itu perlu diambil kira dan tanah berkenaan akan dinilai berasaskan nilai pasarannya yang sebenar sahaja.
- (vi) Perenggan kecil 1(2B) yang sedia ada dicadang untuk dipotong kerana ia tidak lagi perlu berikutan dengan pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada akta ini.

Sementara perenggan kecil 1(2B), (2A) yang baru pula memberi implikasi bahawa sekiranya tanah yang berjadual yang akan diambil itu terletak di dalam kawasan pihak berkuasa perancangan tempatan, maka tanah berkenaan hendaklah dinilai berdasarkan guna tanah tertentu yang ditunjukkan di dalam pelan pembangunan. Sebagai contoh, sekiranya tanah yang akan diambil didaftar kegunaannya sebagai pertanian, tetapi di dalam pelan perancangan ia ditanda sebagai bangunan komersial atau kediaman, maka ia akan dinilai sebagai tanah pertanian dan ditambah dengan nilai potensinya untuk dibangunkan sebagai bangunan sebagaimana yang ditanda. Sebaliknya jika tanah itu dikategorikan sebagai bangunan, sedangkan ia ditanda sebagai tanah lapang di dalam pelan perancangan, maka ia akan dinilai berdasarkan kegunaan semasanya sahaja, iaitu bangunan yang sedia ada tanpa mengambil kira potensi penurunan nilainya, akibat daripada ditanda sebagai tanah lapang di dalam pelan perancangan berkenaan.

Atau sekiranya tanah yang akan diambil didaftar kegunaan sebagai pertanian, tetapi di dalam pelan perancangan itu ia ditanda sebagai kawasan lapang atau rekreasi atau buffer zone, maka penilaian hendaklah dibuat berdasarkan nilai semasanya sebagai tanah pertanian. Dalam lain perkataan, tanah yang ditandakan dalam pelan pembangunan sebagai dimaksudkan untuk kegunaan yang lebih rendah nilainya tidak boleh diberi nilai yang berbeza daripada kategori kegunaan tanah yang ditunjukkan adalah hakmilik. Oleh kerana ini akan bertentangan dengan peruntukan seksyen 108, Kanun Tanah Negara 1965.

- (vii) Perenggan kecil 1(2D) yang baru pula adalah bagi menentukan bahawa nilai tanah estet yang akan diambil balik tidak akan dipengaruhi oleh fakta bahawa estet berkenaan boleh dijual kepada orang lain seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 124A, Kanun Tanah Negara 1965. Ia juga bertujuan bagi mengelakkan keputusan yang kontroversi oleh mahkamah dalam kes bantahan yang mungkin dibawa oleh orang yang berkepentingan.

(viii) Perenggan kecil 1(3A) yang baru pula memberi implikasi bahawa nilai bagi mana-mana bangunan di atas tanah yang akan diambil balik tidak akan diambil kira sekiranya bangunan berkenaan tidak dibenarkan didirikan bagi maksud kategori tanah tersebut ataupun ia melanggar syarat-syarat yang dibenarkan oleh syarat-syarat nyata atau syarat-syarat tersirat seperti yang dinyatakan di bawah Kanun Tanah Negara.

- (ix) Pindaan terakhir ialah pada perenggan kecil 2(b) dalam jadual pertama yang dipinda bagi menjadikannya selaras dengan peruntukan di dalam seksyen 47(2)(b) akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diterangkan matlamat pindaan Akta Pengambilan Tanah 1990 ini, adalah untuk mewujudkan keadaan yang lebih telus dalam prosedur pengambilan tanah di samping memberikan keadilan yang lebih kepada rakyat sesuai dengan kehendak perkara 13, Perlembagaan Persekutuan. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah berlandaskan kepada dengan izin, principle of rationality and accountability. Adalah diharapkan matlamat untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 ini akan tercapai, insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong. Oleh kerana ramai lagi, saya mintalah Ahli Yang Berhormat janganlah berucap panjang. Yang Berhormat akan memakan masa berapa panjang? Berapa lama Yang Berhormat akan berucap?

**Tuan Lim Kit Siang:** Satu jam setengah. *[Menyampuk]* Kita ingat isu ini satu isu yang sangat besar, paling besar. Sebenarnya dua jam, tetapi saya sudah kurang kepada satu jam setengah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya bukanlah tidak boleh Yang Berhormat berucap begitu panjang, tetapi kita tidak ada masa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya cuba.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba habiskan dalam masa sejam.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya cuba.

3.05 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, kita ingatlah apabila Dewan yang mulia ini membahaskan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah pada tahun 1991, apakah pihak DAP kata Dewan yang mulia ini. Masa itu saya ada kata, dalam perbahasan 30 Julai 1991 dan saya petik, "Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) adalah salah satu rang undang-undang yang amat kita popular, tidak dapat diterima, amat memecah belah dan kejam yang pernah dibentangkan di Dewan dalam sejarah Malaysia selama 34 tahun. Apabila ia menjadi undang-undang, ia akan memusnahkan hak perlembagaan kepada harta tanah yang dinikmati oleh rakyat Malaysia dan selama 34 tahun sejak merdeka dan menjadi ibu kepada segala amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan amalan curang yang tidak beretika di Malaysia." The mother of all corruption, abuses of power, conflict of interest and unethical practices.

Semasa tahun 1991 kita dikecam, kita dikutuk oleh kerana kita tidak cukup nasional. Tetapi sejarah buktikan pendirian DAP ialah betul bahawa pengambilan tanah pindaan itu ialah mother of all corruption, mother of all abuses of power, mother of unethical practices. Sekarang perlulah kita kepada satu pindaan di mana sungguhpun ada improvement dibuat, tetapi bukanlah semua yang kita kehendaki. Tetapi kita perlu ingat balik sejarah ini supaya kita faham bahawa Kerajaan Barisan Nasional bukan maha tahu, maha pandai.

**Seorang Ahli:** Pandai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan maha pandai. Teguran-teguran daripada pihak kita di sini ada masanya sangat tepat dan benar, dan inilah satu buktinya. Dalam masa itu ada pelbagai jaminan dibuat bahawa tidak akan ada apa-apa penyalahgunaan kuasa, tidak ada korupsi, tidak ada perkara yang akan memudaratkan kepentingan orang ramai. Semua ini disia-siakan. Sebenarnya, sejarah untuk memaksa kerajaan untuk meminda Akta Pengambilan Tanah di mana kerajaan ada hak untuk bukan sahaja ambil tanah untuk public purpose, tetapi untuk private development. Satu perjuangan di mana Kerajaan Barisan Nasional ada memainkan peranan nampaknya tidak bertanggungjawab.

Dalam ucapan saya semasa tahun 1991, saya ada menekankan bahawa isu ini bukan satu isu kaum. Ini satu isu sosio-ekonomi, satu isu

mengatasi kaum, oleh kerana semua orang tidak kira kaum akan menjadi mangsa. Tetapi masa itu ada orang yang mahu main politik bahawa kita anti Melayu oleh kerana kita menentang Akta Pengambilan Tanah. Kita menentang bahawa kita sebenarnya kita perlu ambil iktibar supaya kita jangan ada fikiran begitu sempit apabila kita fokus kepada isu di mana pada masa itu kita ada membela kepentingan hak-hak tuan punya tanah tidak kira mereka orang Cina, orang India, orang Melayu. Pantai Kundur, UMNO undur daripada isu itu. DAP masuk dan membela hak-hak tuan punya-tuan punya di Pantai Kundur. Tetapi usaha kita dikecam sebagai anti Melayu. Ada editorial-editorial Utusan Malaysia dan Utusan Melayu yang kata - ingatan saya, masa itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ada buat ucapan-ucapan yang sangat seditious, inflammatory, communal dan juga defamatory.

Akibat daripada itu, rencana pengarang *Utusan Malaysia* dan *Utusan Melayu* di bawah tajuk 'Jangan Khianati Pembangunan Bangsa'. Ingatan Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim kelmarin terhadap agenda politik DAP yang cuba memastikan kaum bumiputera terus kekal miskin dan hidup dalam keadaan daif, seharusnya dijadikan iktibar oleh bangsa itu. Oleh itu, mulai sekarang orang-orang Melayu pertamanya yang telah dicengkam oleh DAP harus sedar dan bangun menyahut seruan kerajaan yang mahukan bangsa Melayu dan bumiputera bersaing dalam arus perdana pembangunan negara ini. Mereka tidak boleh ketinggalan, apatah lagi di tanah air sendiri. Kita tentu tidak mahu orang Melayu terus ditinggalkan dan sering menagih simpati orang lain.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:**  
[Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Pilah.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini kepada Peraturan 36(1) isu-isu ucapan, dan juga peruntukan kepada 36(10) 'perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan sakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum lain di Malaysia.' Nampaknya Ketua Pembangkang ini, kita sekarang ini dalam isu pengambilan tanah semula. Elok kita tumpukan kepada tajuk yang berkenaan. Ini dibangkitkan perkara yang bukan-bukan apa bendanya. Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat sesuatu keputusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun berasa jugalah, janganlah berucap boleh membangkitkan perasaan. Tolonglah kendur sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan ucapan saya. Ini editorial *Utusan Malaysia*, semua orang baca. Bukan ucapan saya, saya cuma petik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini seditious, ini menunjukkan bagaimana *Utusan Malaysia* semasa itu begitu tidak bertanggungjawab untuk mempertahankan pendirian Kerajaan Barisan Nasional. Kenapa kita membenarkan? Ambil perhatian.

**Seorang Ahli:** Saya ingat tidak payah berucap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payah, boleh jadi seditious, boleh inflammatory, itu tidak payah, orang lain perlu pergi mahkamah, masuk penjara, makna double standard. Saya timbulkan ini supaya kita belajar daripada isu ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kita sudah lama belajar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan kita menggunakan apa-apa isu untuk racialise, communalise dan kita perlu perhatian. Di masa depan kalau kita tidak buat teguran ini, lagi boleh berlaku. Kita jangan takut daripada sejarah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat kecewa dengan kenyataan-kenyataan dari Ketua Pembangkang, kerana sebenarnya kalau kita hendak menganggap sentimen bangsa di sini, saya rasa kita banyak lagi sebab untuk menentang DAP. Oleh kerana kita tahu siapa dia DAP dan siapa yang melahirkan DAP,.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini Peraturan Mesyuarat atau....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya juga merujuk kepada sejarah, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau Peraturan Mesyuarat saya beri jalan....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** ....oleh kerana .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau penjelasan saya tidak beri jalan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** ....oleh kerana DAP dilahirkan oleh PAP.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang menentang Melayu....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** DAP yang dilahirkan oleh PAP - penentang Melayu, pengkhianat Melayu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak terima kenyataannya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu terima tidak terima, hal Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi inilah, apa yang berlaku bukan dicipta oleh saya, ini apa berlaku dalam tahun 1994.....

**Seorang Ahli:** Tidak payah bacalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong, jikalau sekiranya satu-satu perkara itu seditious, kemudian orang lain dia mengulangi seditious atau perkataan-perkataan itu, maka orang yang mengulangi itu juga melakukan sedition. [Tepuk]

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya terima.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu adalah undang-undang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik.

**Seorang Ahli:** Setuju! Setuju!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau bab ini dianggap sebagai seditious, saya menerima, saya akan pergi membuat laporan polis, oleh kerana criminal case tidak ada statutory limit. Ini bererti bahawa kita mahu tengok Peguam Negara akan mengambil tindakan atau tidak ambil tindakan terhadap Utusan Malaysia oleh kerana rencana ini, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua kata 'seditious' - saya terima. Saya setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya setuju pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya kata tadi 'jikalau' sekiranya....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu bolehkah saya terus baca, selain daripada Tuan Yang di-Pertua .....

**Seorang Ahli:** Mahu lawan taukehkah?

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... kata ia seditious. Bolehkah saya teruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Janganlah baca yang itu lagi, bacalah yang lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat, Yang Berhormat telah pun berucap cukuplah perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik. Inilah satu mesej.....

**Seorang Ahli:** Jangan geram benar!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita berani menghadapi kenyataan, jangan bermain-mainkan isu, masalah rakyat sebagai 'racialise' dan saya harap bahawa perkara semacam ini tidak lagi akan berlaku oleh kerana, kalau begitu apa-apa hasrat Visi 2020 mengenai bangsa Malaysia tidak akan berjaya. Dan masa itu saya ada dikecam sebagai mahu mengganggu, mengadaikan, menghancurkan masa depan pembangunan orang Melayu oleh kerana membela hak tuan punya-tuan punya tanah orang Melayu daripada pengambilan tanah yang arbitrary, yang tidak adil. Kalau begitu kenapa saya ataupun rakan-rakan saya DAP tidak dikecam sebagai mahu menghancurkan pembangunan masa depan orang Cina, oleh kerana kita pun ada membela hak-hak tuan punya orang Cina daripada pengambilan tanah yang tidak adil, yang arbitrary. Orang India pun, kita tidak kira apa kaum, tetapi kalau mereka adalah mangsa pengambilan tanah yang tidak adil, kita rela menjadi pembela mereka dan kita haraplah kita masuk satu bab yang baru di mana jangan melihat atau cuba untuk memutarbelitkan satu-satu isu daripada segi kaum. Di sini ada beberapa janji ada dibuat, semasa perbincangan di Dewan yang mulia ini mengenai pengambilan tanah di tahun 1991, di mana adalah jaminan diberi pada masa itu oleh Timbalan Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Tun Abdul

Ghfar bin Baba yang bertanggungjawab mengenai kes ini berkata bahawa 'tidak akan mewujudkan penyalahgunaan kuasa'. Jaminan ini termasuklah bahawa ada 6 jaminan dibuat pada 1991, bahawa tanah akan diambil untuk keuntungan negara dan rakyat sahaja, bahawa semua kerajaan negeri perlulah mematuhi satu guide line mengenai pengambilan tanah untuk mempertahankan hak-hak dan kepentingan-kepentingan rakyat.

Ketiga, bahawa tuan punya tanah asal boleh mengambil bahagian dalam pembangunan tanah mereka, apabila pengambilan ialah untuk pembangunan oleh sektor swasta.

Keempat, bahawa apabila kerajaan mengambil tanah khasnya yang melibatkan orang miskin, kerajaan akan memperuntukkan tanah yang lain supaya setiap warganegara bolehlah mendirikan rumah sendiri.

Kelima, kalau rakyat tidak boleh dapat 'redress' di mahkamah, hakim-hakim itu bukan saya kata. Ini dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada masa itu. Kalau rakyat tidak boleh dapat 'redress' dalam mahkamah, hakim-hakim mereka bolehlah 'seat redress in the court of the people' - mahkamah rakyat mengenai masalah mendapatkan ganritugi yang sewajarnya dalam kes-kes pengambilan tanah. Inilah kelima-lima janji-janji, adakah semua ini dipatuhi dalam Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) di hadapan Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, adakah apa-apa sikap yang boleh kata, boleh menguatkuasakan bahawa apabila tanah diambil yang melibatkan orang miskin, mereka tentu akan diberi tanah yang lain untuk mendirikan rumah. Adakah jaminan yang dibuat? Sebenarnya tidak. Sungguhpun saya mengakui bil ini satu improvement, tetapi tidak begitu elok dan sebenarnya apa yang perlu dibuat ialah mengadakan satu tempoh di mana rakyat ada masa untuk perbincangan, satu public consultation process untuk membincangkan sama ada pindaan-pindaan yang dikemukakan ini ada memberi safe guard yang cukup untuk menjaga kepentingan orang ramai. Oleh kerana kalau tidak banyak penyalahgunaan kuasa, malpractices, korupsi boleh berlaku.

Dalam Negeri Sembilan masalah pengambilan tanah untuk Nilai New Township - untuk Nilai New Township, akhirnya semua diswastakan kepada siapa? Seorang pemimpin MCA di Negeri Sembilan, dia nyaris menjadi tuan Nilai Township, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menafikan sampai seorang..... saya sebenarnya

tidak kira siapa partilah, tetapi adakah ini sewajarnya, seorang boleh menjadi owner of the Nilai Township?

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! Sana boleh sokong, boleh terima. Kita tidak boleh terima. Kenapa tidak bukakan kepada sesiapa yang mahu dalam tuan-tuan punya tanah di Nilai supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam pembangunan. Sebenarnya kalau saya tidak silap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sangat marah mengenai perkara ini bagaimana boleh membenarkan seorang untuk control, manipulate, keadaan di mana beliau jadi nyaris owner Nilai Township, kenapa? Apabila isu ini dibangkit ada orang kata, kenapa tidak boleh. Itulah kita mahu satu sense of public and justice, kalau hak tidak betul - tidak betul. Dia mungkin seorang MCA yang coincidental or incidental, tetapi itu pun benar. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan membenarkan .....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....dan condone amalan semacam ini. 'Condone' amalan semacam ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahulah apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi, masalahnya ialah pemberian tanah kepada seseorang di Negeri Sembilan. Apakah Yang Berhormat terfikir sekiranya beliau memohon dengan cara yang sebetulnya dan ianya telah diluluskan dengan secara yang sah oleh pihak kerajaan negeri, apakah masalahnya yang timbul. Adakah Yang Berhormat berasa irihati dengan kejayaan seseorang memperolehi tanah dengan keupayaan untuk mereka membayar premium dan sebagainya dan merancang sesuatu yang baik untuk Negeri Sembilan? Kalau kita hendak mengharapkan Kerajaan Negeri Sembilan untuk membangunkan mungkin perkara ini lambat, tetapi dengan adanya kemampuan daripada pihak swasta sekurang-kurangnya dapat menolong ke arah pembangunan Negeri Sembilan. Jadi, saya minta penjelasan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Daripada soalan Yang Berhormat dari Jelebu, tunjuklah tahap consciencenya, tahap sosial consciencenya sangat rendah - satu perkara di mana Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri pun boleh rasa marah oleh kerana tidak patut berlaku, boleh dibela oleh Yang Berhormat dari Jelebu. Adakah dia membela perkara ini, sebelum saya menjawab adakah Yang Berhormat dari Jelebu membela perkara semacam ini....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan membela, saya hendak minta penjelasan. Saya hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat bukan saya hendak bela. Apa yang saya tahu lain ceritanya daripada Yang Berhormat tuduhkan ini. Jadi, saya hendak minta penjelasan, bukan saya hendak membela, yang hak ialah mereka yang berhak. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat dari Negeri Sembilan, negeri itu patut tahu mengenai segala aspek isu ini. Sungguhpun tahu segala aspek isu ini boleh timbulkan soalan ini - ini sangat nyata untuk membela amalan-amalan semacam ini. Betul, daripada segi undang-undang tidak ada apa-apa yang tidak betul melalui cara yang rasmi diberikan, kalau ini boleh diterima kenapa kita mahu pinda, kenapa kita mahu pinda Akta Pengambilan Tanah, oleh kerana semua peristiwa mengenai pengambilan tanah yang ada berlaku antara tahun 1991 sehingga tahun lalu dan sebelum pengambilan tanah dibekukan oleh Kerajaan Persekutuan semua secara sah - secara sah, kenapa dibekukan? Oleh kerana selain daripada keputusan-keputusan untuk memberi tanah kepada swasta selepas mengambil tanah, sungguhpun secara sah di bawah undang-undang yang kita sekarang mahu pinda ialah tidak betul, not right, undang-undang ialah satu perkara, keadilan ialah perkara yang lain. Tidak boleh disamakan. Ada kalanya undang-undang ialah 'mother of injustice' - 'mother of injustice' dan inilah undang-undang yang kita luluskan dalam tahun 1991 mengenai kaedah untuk membenarkan tanah-tanah diambil untuk private development ialah sah oleh kerana diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Tetapi 'mother of injustice' bukan sahaja ibu ketidakadilan, ibu korupsi, ibu penyalahgunaan kuasa dan saya hairan ada Ahli Parlimen dari Negeri Sembilan boleh berdiri, seolah-olah untuk mempertahankan amalan ini yang tidak beruntung bukan sahaja kepada Negeri Sembilan tetapi kepada semua rakyat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun pula, hendak beri jalan ya?

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Dia mesti beri, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan oleh kerana .....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sedikit sahaja, Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ada banyak lagi isu.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sedikit Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita boleh cakap di luarlah....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sedikit sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita boleh pergi Negeri Sembilan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita boleh pergi ke Negeri Sembilan dan tanya kenapa kita ada 'king of Nilai' .....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Maharaja di Nilai.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** ... menuduh.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelebu dia tidak beri jalan, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan tentulah, mungkin Yang Berhormat dari Jelebu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** ... pun mahu dapat menikmati....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** ....nikmat dari maharaja Nilai.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tidak ada apa-apa kepentingan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Maharaja Nilai.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Ini sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua, tuduhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat, sudahlah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Dia takut, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan oleh kerana ada begitu banyak kes-kes ketidakadilan yang berlaku oleh kerana pengambilan tanah, sungguhpun secara sah, tetapi tidak adil berlaku, di Kedah.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Cerita baliklah benda yang pokok, janganlah menuduh tak tentu pasal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, jangan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini berita.

**Tuan Yang di-Pertua:** ..... berhujah ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini benda yang pokok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan ya. Kita hendak habiskan mesyuarat kita pada hari ini, terpaksa habiskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana pengambilan tanah di Gelang Patah, di Tanjong Kupang, Johor, di Pantai Kundor Melaka, Tanah Merah, Air Salak, Jalan Tun Tan Cheng Lok, Kuala Sungai Baru, Air Mengkuang, Pulau Gedung, Pegur, Lubok Redan. Ini semua dalam negeri Melaka. Di Negeri Sembilan, Seremban, di Kuala Lumpur, Bukit Kiara, di negeri Kedah, Jerai, Kerpan, Bandar Aman Jaya, Sungai Petani - banyak kes - semua sah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jerai, tidak jadi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak jadi ya, tetapi masa itulah. Masa itu mahu, tetapi sampai masa itu momentum membantah pengambilan tanah secara sah, tetapi tidak adil, repressive law sudah sampai satu tahap di mana mereka yang berkenaan, yang berkuasa perlulah mengambil perhatian.

Di sini saya mahu memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa dalam bulan Januari 1995, pihak kita DAP ada menganjurkan satu conference mengenai ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa, pengambilan tanah dan sebenarnya inilah telah dibukukan di mana lebih kurang 1,000 orang small holders, tuan punya yang kecil land lord, bukan land lord yang besar dan semua kaum telah menghadiri yang menunjukkan perasaan menentang

ketidakadilan akta-akta ini. Dan mereka adalah meluluskan satu ketetapan 9 point dan kita perlulah menimbang sama ada 9 point resolusi mereka ada diambil kira dalam rang undang-undang di hadapan Dewan yang mulia ini.

Sebelum itu, bahawa satu, dengan izin, a clear cut and an enforceable guideline on land acquisition to prevent land acquisition abuses and incharges, masa itu adalah satu jaminan ada satu guideline, tetapi guideline itu tidak pernah diumumkan, tiada orang tahu apa guideline itu. Guideline itu mengenalkan seorang menjadi 'maharaja nilai', itu guideline, apa guna guideline itu?

Kedua, feeling a grit land owners and villages a right to challenge land acquisition which by late guideline on land acquisition. Tidak ada hak.

Ketiga, before any major project involving acquisition of land is implemented there should be a public enquiries to here objection from interested a parties. Such compansation, such objection should not restricted to the quantum of compensation but also to the social economic cultural and echological lost to the community cost by such an acquisition.

Pindaan rang undang-undang di hadapan kita adalah memberi sedikit pre acquisition right to hearing, tetapi itu ialah yang pertama untuk mengambil keputusan sama ada mahu mengambil bahagian dalam development dan kedua, mengenai quantum.

Tetapi tidak ada beri hak untuk tuan punya yang tanah mereka akan diambil untuk mencabarkan sama ada keputusan buat pengambilan itu munasabah atau tidak munasabah daripada segi sosial, economic, cultural and echological. Tidak ada pre acquisition right of challenge.

Dan itu patut dimasukkan dalam rang undang-undang, kita tidak boleh terima oleh kerana EPU mana-mana negeri membuat keputusan bahawa bersetuju mengenai rancangan pengambilan tanah bahawa itu tidak boleh dicabar. Kenapa tidak boleh dicabar? Dan apa yang boleh dicabar ialah quantum compensation sahaja. Itulah antara satu 'nine principles'.

Keempat, a clear distinction between land acquisition for public purpose like the building of schools, hospitals and government complex and land acquisition for development by private companies or individuals where by higher compensation were be given in the latter case base on the intended development potential of the land.

Kalau satu pengambilan tanah ialah untuk hospital, untuk balai polis, untuk sekolah-sekolah, itu

kita terima, itulah untuk 'public purpose'. Tetapi, kalau pengambilan tanah ialah untuk pembangunan oleh sektor swasta dan dibenarkan selepas pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah 1991, perlulah kita ada membezakan kedua-dua jenis pengambilan tanah ini. Kalau untuk 'private development' sekarang dengan pindaan di hadapan kita, tuan punya akan diberi hak untuk sama ada mahu mengambil bahagian dalam pembangunan itu, tetapi kalau dia tidak mahu, tentulah dia patut diberi hak untuk mendapat pampasan ganti rugi yang lebih tinggi daripada kalau tanah itu diambil untuk 'public purpose'.

Oleh kerana akhirnya ialah untuk keuntungan besar, mega profits mungkin kalau tanah ialah mahu diambil alih supaya private development premium yang ditetapkan ialah 20% tinggi daripada kalau tanah itu mahu diambil alih untuk 'public purpose' misalnya untuk sekolah, hospital, barulah kita boleh menjaga dari segi keadilan sosial. Oleh kerana tuan punya patutlah ada hak tuan punya itu kepada harta benda ialah satu hak asasi perlembagaan kita, itu constitutional right, sekarang kita mahu merampaskan constitutional right itu, tentulah kalau keadaan yang khas (special) untuk public purpose, tengok apa market price, tetapi kalau untuk private purpose, ia akan dinafikan hak untuk menolak pembangunan patut dibayar lebih tinggi daripada kalau for public purpose, mungkin 20%.

Kelima, recognition of the right to development by the original land owners in cases of acquisition for private development, they effected land owners whether large estate companies or a small holders should also being given the first option of participating in joint venture development of the land, so that they could participate in the development process.

Sekurang-kurangnya ini adalah diakui sungguhpun sangat limited. Sebenarnya, saya akan cadangkan kita perlu 'broaden', memperluaskan hak ini. Kalau kerajaan mahu bersetuju bahawa sekeping tanah untuk 'private development' bukan sahaja diberi hak kepada tuan punya membuat keputusan sama ada mahu mengambil bahagian dalam development itu.

Sepatutnya tuan punya patut diberi hak untuk satu masa yang munasabah untuk membuat keputusan sama ada beliau mahu membuat sendiri development dengan rancangan yang adalah dibuat, diberi tuan punya hak itu.

Keenam, land acquisition by government agencies should not clasify as for public purpose if their meant for development which were eventually

benefit private companies or individuals as through joint venture development.

Contoh baik ialah Nilai Township di acquired - diambil alih oleh kerana seolah-olah untuk public purpose, township tetapi akhirnya kemudian diswastakan kepada seorang maharaja nilai.

Ketujuh, the provision alternative land for the people effected by land acquisition especially the poor to ensure that each citizen is able to built a house. Adakah, bagaimana kerajaan - ini janji kerajaan. Ini janji kerajaan dalam masa perbahasan untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1991.

Kelapan, State Governments should not just the agent of private companies in land acquisition cases but must bare a responsibility to ensure that effected small holders whose land are acquired for development by private companies get justice and fare play.

Sampai sekarang tugas ini tidak pernah dipikul oleh kerajaan negeri, mereka ialah ejen maharaja nilai sahaja. Ejen maharaja nilai, Menteri Besar Negeri Sembilan ejen maharaja nilai, tidak jaga kepentingan keadilan rakyat jelata.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak beri! Dan kesembilan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Janganlah takut! Cakap banyak ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti boleh cakaplah, nanti boleh mempertahankan ....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat. 36(6)!

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti boleh mempertahankan maharaja nilai.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sangkaan jahat, fitnah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat, baik.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tidak erti bahasa agaknya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kesembilan, the establishment of the land acquisition arbitration tribunal to arbitrate and resolve land acquisition controversies under the above principles.

Saya harap sungguhpun kerajaan sudah membuat satu set pindaan bahawa kerajaan patutlah meneliti kesemua 9 prinsip ini, ada bahagian, ada diterima tetapi perlulah, sebab itu saya cadangkan sepatutnya rang undang-undang pindaan ini dikemukakan kepada orang ramai satu bulan, dua bulan supaya adalah satu 'public consultation process' boleh membuat pindaan-pindaan lebih sempurna, lebih adil daripada apa yang ada di hadapan kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap, ada satu Usul yang hendak dikemukakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Usul?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Ya, sila!

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.40 ptg.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbahasan semua urusan kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Usul yang berbunyi:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbahasan semua urusan kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbahasan semua urusan kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

### **RANG UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) 1997**

#### **Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

Perbahasan disambung semula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Tanjong.

3.41 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, dan sebab itu saya buat cadangan bahawa kita rujuk rang undang-undang ini sama ada selepas kelulusan second reading atau sebelum kepada satu Select Committee supaya boleh lebih teliti, kaji segala implikasi pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan.

Memang saya tahu satu response stereotype ialah kita sudah kaji segala aspek dan kalau tidak sempurna masa depan kita boleh pinda lagi. Tetapi lihatlah isu ini. Isu pokok ini di mana di dalam tahun 1991 kita meluluskan pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah dalam empat tahun begitu banyak kes ketidakadilan yang berlaku, sehingga kerajaan akhirnya perlu tunduk kepada pressure dari semua pihak dan membekukan segala pengambilan tanah dan sekarang ada pindaan di hadapan Dewan ini. Tetapi dalam empat tahun ini, berapa orang yang sudah menjadi mangsa Akta Pengambilan Tanah. Adakah itu adil? Mereka sudah menjadi mangsa kepada Akta Pengambilan Tanah yang tidak adil itu. Sekarang kita mahu tukar undang-undang, tetapi adakah kita adil kepada golongan dalam pelbagai kes-kes pengambilan tanah di seluruh negara yang tanah mereka sudah diambil alih secara arbitrary, secara inacquitable dan bukannya lebih munasabah bahawa kita tangguhkan kelulusan rang undang-undang ini, rujuk ini kepada satu Select Committee supaya kita tidak lagi mengulangi kesilapan besar yang kita buat dalam masa kita meluluskan pindaan kepada Rang Undang-undang Pengambilan Tanah.

Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada cukup kuasa untuk buat keputusan itu sungguhpun saya rasa mungkin tidak ada. Saya tidak tahu kenapa dalam satu isu yang begitu mustahak Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri tidak ada di sini. Sungguhpun mengikut

peraturan mesyuarat tentulah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada hak untuk mewakili mereka, tetapi isu ini bukan ada hak untuk mewakili mereka tetapi mana menteri, mana timbalan menteri? Ini tidak tunjuk mereka serius dalam perkara satu isu yang begitu mustahak, rang undang-undang yang begitu mustahak. Menteri sendiri patut ada di Dewan ini oleh kerana menunjukkan keseriusan seorang menteri.

Saya harap bahawa kita tidak perlu untuk tergesa-gesa meluluskan rang undang-undang hari ini. Kita boleh ada satu perbahasan, kita pun boleh luluskan second reading. Kalau mahu luluskan second reading pun boleh, tetapi selepas second reading, rujuk kepada select committee supaya satu kajian yang lebih menyeluruh dan lebih mendalam boleh dibuat atas kepentingan negara dan atas asas tidak mahu mengulangi kesilapan yang kita ada buat masa lampau.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Gulung, satu jam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta gulung, Yang Berhormat dok ulang-ulang semula.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kerajaan ada buat janji bahawa tidak ada berlaku penyalahgunaan kuasa. Sebenarnya inilah satu aspek tanah. Akta Pengambilan Tanah ialah satu aspek daripada satu masalah yang lebih besar ialah mengenai tanah dan keadilan. Oleh kerana tanah selalu boleh menjadi satu tajuk di mana korupsi, amalan curang dan penyalahgunaan kuasa berlaku.

Di Teluk Intan, mengenai alienation 1,000 ekar tanah, Pemuda UMNO pun bantah, menafikan hak-hak penduduk-penduduk di kawasan Teluk Intan di mana ada pilihan raya kecil diperuntukkan kepada majlis tempatan untuk buat keuntungan, mana ada keadilan? Tetapi sekarang nasib baiklah pilihan raya kecil di Teluk Intan apa pun boleh beri, sekarang kata mahu timbang. Kalau tidak ada pilihan raya kecil di Teluk Intan mana boleh timbang? Mana mereka boleh cari keadilan?

Bekas Timbalan Perdana Menteri kata kalau tidak boleh dapat redress di mahkamah hakim, boleh dapat redress di mahkamah rakyat. Ini bukan sahaja mengenai tanah, semua perkara penyalahgunaan kuasa, termasuk penyalahgunaan kuasa oleh Peguam Negara. Kalau tidak boleh dapat keadilan, keadilan rakyat akan menjadi mahkamah yang lebih tinggi.

Mengenai tanah, kita harap bahawa kerajaan akan sangat serius mengenai pengambilan tanah, pemberian tanah, selepas ambil tanah dan beri tanah supaya tidak ada korupsi yang berlaku.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat berminat mengenai masalah korupsi, selalu ada ucapan mengenai betapa penting pemimpin-pemimpin bukan sahaja bersih tetapi dilihat sebagai bersih. Kita mahu untuk semua negeri, tanah tidak menjadi mother of all corruption. Seperti di Selangor, kita mahu satu siasatan dalam tiga bulan sebelum bekas Menteri Besar, Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib letak jawatan, selepas kes Brisbane, semua kes alienation.

Baru-baru ini saya dapati ada 200 hektar tanah forest land alienated kepada sesiapa, tidak ada orang tahu. Kita mahu semua kes dibuka, tiga bulan di Selangor. Sama ada penyalahgunaan kuasa atau tidak? Semua alienation of land perlulah dibukakan kepada siapa, mengenai apa? Oleh kerana kita tahu sebelum seorang letak jawatan sebagai Menteri Besar atau Ketua Menteri, ini sejarahlah, berlaku banyak penyalahgunaan kuasa khususnya mengenai alienation of land. Itulah a final masa di mana dia quaily area selalu berlaku penyalahgunaan kuasa, satu bulan, dua bulan, dua minggu, semua tandatangani alienation of land.

Saya harap dalam kes Muhammad Taib ini, ACA bukan sahaja siasat tetapi buka, mengumumkan kes kes mengenai alienation of land dan justify kepada orang ramai bahawa inilah above board transparent dan tidak ada penyalahgunaan kuasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan.

3.50 ptg.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mintalah jangan panjang-panjang sangat ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak, kita akan tidur di sini pada malam ini. [Ketawa]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta maaf, pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ini orang pesan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang pesan ya, baiklah. [Ketawa]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah kementerian yang berpandangan jauh ke hadapan untuk meminda rang undang-undang yang kita luluskan dahulu kerana mungkin undang-undang dahulu itu tidak begitu kemas dan kini kita perkemaskan.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap fasal tanah ini memanglah tanah begitu sensitif bagi seseorang kerana bukan mudah untuk kita hendak memiliki tanah. Kadang-kadang kalau kita kaji balik sejarah orang-orang dahulu hendak memiliki tanah, bukan main seksa masa dahulu hendak punggah tanah, hendak terokai tanah. Apabila rancangan FELDA dibuka, sudah moden, depa guna bulldozer, traktor dan sebagainya. Tetapi kalau zaman tok nenek, tok wan kita dahulu, dia terpaksa pakai parang tangan dengan gergaji sahaja.

Jadi, bila tanah ini begitu berharga, tidak begitu bermakna, setengah orang-orang tua kata, biarlah tanah tinggal sekangkang kera, sekurang-kurangnya kalau kamu tidak ada kerja, ini orang tua pesan, kamu boleh pergi mencangkul, bolehlah bercucuk tanam, boleh juga kamu hidup. Itu orang-orang tua pesan dahulu. Pandangan orang-orang tua ini sungguhpun dia tidak ada vision, dahulu mana dia ada vision, dia gelap, kadang-kadang apa yang dikatakan oleh mereka ini amat berguna. Hari ini kalau kita tengok, tanah ini bukannya mudah, serelong tanah kalau di dalam hutan rimba pun harganya beratus ribu ringgit dan mahal.

Jadi, kita dapat lihat di sini sebenarnya saya berpandangan bahawa kuasa yang meluluskan tanah, kuasa yang memindahmilik tanah dan sebagainya, orang yang pegang kuasa ini kena amanah. Kalau dia tidak amanah, memanglah orang ini dia ingat kepada dunia, dia sudah tidak ingat akhirat, dia kira hendak senang di dunia, sudah senang hendak senang lagi, hendak senang lagi, kadang-kadang dia ralit, dia lupa. Pada masa itulah Tuhan akan membiarkan makhluk dia buat kesilapan demi kesilapan tanpa disedarinya dan akhirnya beliau itu akan diruntun turun. Ini kita sentuh sedikit tentang agama, kerana kalau orang ini tidak amanah, bubuh ke mana pun selesai. Bersih, cekap tetapi tentang amanah itu dia lupa. Tentang sapu, dia sapu bersih, tentang cekap dia perbetul, tentang amanah dia ralit. Yang Perdana Menteri kita hendak, bersih dari segi bersihnya, cekap buat kerja, cekap pintar memikir dan juga amanah. Ini yang dia hendak.

Jadi, bila tidak ada benda ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak kata apa, kuasa tanah ini milik kerajaan negeri, pindah milik tanah, hendak

ubah syarat tanah dan sebagainya. Saya sudah banyak kali dalam Dewan Rakyat ini, dalam Perhimpunan Agung UMNO, saya bercakap fasal ini kerana saya tahu, kadang-kadang orang-orang tua menitik air mata. Kita kata tanah dia tidak ekonomi, dia pun tidak erti tidak ekonomi, tidak viable, yang itu pun dia tidak erti. Dia kata, viable atau tidak viable, aku dok bela anak aku 5 orang atas tanah inilah, hari ini keluar universiti atas tanah inilah. Awak dok ajar aku viable atau tidak viable, apa? Ini orang yang hendak pergi ambil tanah depalah, dok khabar macam-macam teori.

Jadi, bila kita ambil tanah, Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita beri dengan harga yang tidak berpatutan, sudah tentu kalau kita sendiri pun, kalau orang hendak ambil hak kita, kita marah. Ini kenyataan yang kita kena terima. Jadi, saya minta kepada semua Menteri Besar, Exco kerajaan negeri hendaklah bersih, cekap dan amanah. Sudah cukup dengan elaun yang depa dapat itu kalau hendak banding dengan kita sebagai ahli Parlimen banyak mana sangat? Setakat hendak bela anak dan isteri ini sudah cukup. Yang menjadi masalah ini bila hendak tambah treler, kos dia tinggilah. Tidak cukup seorang, tambah dua, tiga, maknanya maintenance pun tinggilah. Bila maintenance tinggi, income rendah, dia mula hendak buat overtime. Dia buat kerja overtime, tidak apa, tetapi dia buat overtime pederas hak ini, cacaulah kita.

Amanah ini, bila kita hendak luluskan sesuatu, pastikan jangan kelulusan yang kita buat itu akan menitiskan air mata seseorang ataupun menyusahkan orang, kerana tugas kita sebagai kerajaan ialah memastikan rakyat mendapat manfaat. Apa yang kita buat, kita pastikan rakyat mendapat manfaat, bukan rakyat susah dan menderita kerana keputusan yang kita buat. Yang ini Perdana Menteri kita tidak mahu. Kalau tidak, buat apa dia buat vision sampai tahun 2020? Dia buat ke depan, dia sudah buka, awak tengok ini, aku hendak letak awak ke depan, macam mana keadaan di depan, kita hendak pergi bersama-sama, jadi ini kena.

Saya minta Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar kena faham dan prihatin tentang perkara ini kerana kuasa ada pada mereka, kementerian boleh buat apa? Kementerian hanya boleh tengok berapa luas tanah depa ambil, berapa luas tanah depa tukar, hak simpanan Melayu sudah keluar, cabut, isi balik, boleh pesan sahaja, tetapi kuasa kepada Exco dan kepada Menteri Besar, oh, kita mahu pembangunan, saya terima, tetapi biarlah pembangunan itu memberi erti kepada kita. Biarlah

kita bersama dengan pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, saya nampak susahlah masa hadapan ini. Memanglah siapa tidak mahu pembangunan, tetapi biarlah pembangunan itu kita dapat bersama dan beserta dengan pembangunan, kalau tidak, masalah akan timbul.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, mengenai tanah simpanan Melayu. Saya difahamkan pengambilan tanah ini, sekarang ini status tanah itu kalau diambil tanah simpanan Melayu pun kalau tanah simpanan itu berada dalam kawasan bandar dia akan value dengan harga mengikut status dalam kawasan bandar itu walaupun Malay reserved, tetapi saya difahamkan ini hendak diubah pula. Kalau tanah simpanan Melayu, value harga tanah simpanan Melayu, hak freehold, harga freehold. Macam mana yang freehold dengan tanah simpanan Melayu kadang-kadang duduk di sempadan sahaja. Kita langkah sempadan itu tanah simpanan Melayu, hak ini freehold, harga berbeza. Kita kata fasal yang ini tanah simpanan Melayu, apa lekeh sangatkah orang Melayu ini? Taraf mana lekeh sangat orang Melayu? Kita ini sudah seantero dunia kenal kita, fasal apa mai tentang tanah kita lekeh, Tuan Yang di-Pertua? Oh, tanah simpanan Melayu valuenya ini dia, tidak boleh. Sekarang ini bukankah sudah banyak jutawan Melayu, jadi depa developelah tanah ini.

Jadi, saya minta kepada kerajaan kita ini buatlah apa undang-undang pun pastikan value tanah simpanan Melayu itu kalau duduk dalam kawasan yang berharga, harga dia kena samalah macam freehold itu. Tidak apalah kalau tidak boleh develop, tunggu anak cucu kita bangunkan, tidak apa. Hari ini kita tidak mampu, mungkin, insya-Allah, anak. Kalau anak kita tidak mampu, cucu kita. Satu hari takkanlah depa masih gelap, ini Vision 2020. Insya-Allah, pada masa ke depan ini depa boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita ambil tanah simpanan Melayu dalam pekan, kemudian kita ganti, ambil tanah reserve dalam hutan entah di mana, sebab hak ini hendak membangun, hendak buat bangunan high-rise dan sebagainya. Hak Melayu ambil pergi tukar. Buka daripada tanah simpanan Melayu, jadikan freehold atau lease, pergi hantarlah, ambil nun dekat kaki gunung di manakah bubuh pula dekat situ. Jadi, lama-lama kita ini hendak lari pergi ke mana? Sudahlah rancangan FELDA masa ini bila dibuka, orang mai tawar RM1 juta, beri habis, lepas itu hendak pergi buka hutan lagi, habis hutan hendak pergi ke mana, Tuan Yang di-Pertua? Sedangkan hari ini kalau kita naik kapal terbang, tengok bukit habis botak dah! [Ketawa] Manusia

pun, minta maaf, botak. Kalau manusia yang sudah botak itu pun, sudah tidak elok wajah dia, tambahlah gunung-ganang. Itu taraf manusia, rambut itu mahkota bagi wanita.

Cuba Tuan Yang di-Pertua bayangkan, kalau wanita, minta maaf, kot-kot ada yang tak ada rambut jangan marah, ini saya hendak beri teladan, wanita kalau tak ada rambut, out [*Ketawa*] - o-u-t, dengan izin. Tambahlah bukit, nanti dia pergi cukur habis bukit, sudah itu dok keriau fasal apa bah, banjir kilat ini. Tak kilat macam mana, awak perkilat habis bukit-bukit ini? Selepas itu dok salahkan, mengapa DID tak korek? Hendak korek parit besar mana lagi? Tuhan sudah kata, Aku jadikan gunung-ganang ini sebagai pasak kepada bumi. Itu ada. Kalau tidak, Tuhan buat gunung pasal apa? Lebih baik Dia buat tanah rata kesemua, mudah, tidak payah orang dok dekat MP semua, hendak buat projek pun mudah. Tetapi pasal apa Tuhan buat? Ada sebab-musababnya.

Jadi, yang kita ini hendak bangun, selesaikan dahulu yang di daratan ini. Yang dok pi bangun gunung ini pasal apa, nanti dahulu. Ini kita tengok Petaling Jaya, Kuala Lumpur sejam hujan, habis bah, dua kaki naik air. Bukan setakat dua, empat kaki naik air. Kadang-kadang hujan di Kuala Lumpur, jam habis di Kuala Lumpur. Itu Bandar Kuala Lumpur, negeri-negeri lain lagi?

Jadi, dimanakah kesilapannya? Jadi, Perdana Menteri kita pun 'warning' beberapa kali dah! - "Saya tidak mahu lihat bukit-bukit dikacau, diusik" Dalam dok kata tidak, tidak reban juga bukit. Dalam dok kata tidak, tidak, botak juga bukit. Jadi, yang ini saya mintalah kementerian pun kena tegas. Beri 'warning' kepada kerajaan negeri, menteri ini dia besar, beri 'warning' - "kami dapati bahawa sekian-sekian tidak kena" bagi warning, jangan kita hendak ambil tindakan, hendak ambil tindakan tetapi tidak ambil tindakan. Jadi, dulu kita sokong pindaan ini, memang kita sokong kerana niat itu bagus, tetapi cara kita buat itu tidak kena akhirnya rakyat marah. Jadi, insya-Allah kita ubah kali ini, saya haraplah dengan kita sokong rang undang-undang ini, tiap-tiap pemimpin, tiap-tiap pegawai kerajaan dia kena prihatin.

Jangan satu hari nanti - ini saya hendak pesan ini - Sekarang ini kita hidup bukan lama, kadang-kadang sebagai wakil rakyat kita dok ziarah ke kawasan ini, orang mati kadang-kadang sehari sampai tiga, empat orang, yang mati-mati, yang kenduri-kenduri. Jadi, saya hendak pesan ini supaya kita kena sayang kepada tanah ini. Kalau kita sudah

terhakis tanah, kita sudah hilang tanah, di mana lagi kita hendak pergi, di mana lagi kita hendak langkah dan kita hendak pergi? Sudah tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahulah suatu hari nanti kita tidak ada tempat lagi hendak duduk, sekarang ini pun kena tambun laut, jadi bila dok.....

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya hendak mendapat penjelasan dari Yan, apakah Yang Berhormat berhajat hendak pesan lagi, misalnya kepada Menteri-menteri Besar ataupun pihak berkuasa negeri tentang tanah simpanan Melayu ini? Tadi, Yang Berhormat sebut bila ambil tanah-tanah di dalam pekan dia ganti tanah di dalam hutan tetapi ada juga tanah simpanan Melayu yang telah diambil tetapi tidak diganti langsung. Sampai hari ini pun ada negeri-negeri yang masih tidak ganti. Apa pesan Yang Berhormat dalam kes yang semacam ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Memang kita kena pesan. Saya pun hendak sampai tang tu sat lagi. Tetapi, sudah Yang Berhormat ini cakap awal sedikit daripada saya, tidak apalah. Sudah beberapa kali saya minta kepada kementerian, pergi tanya kepada kerajaan negeri, depa hantar up-to-date tidak? Hendak kata depa tidak up-to-date pun ini zaman komputer, dulu tidak apalah zaman pakai kad lejer, dok tulis dalam kertas besar itu. Sekarang ini zaman komputer, kita tekan di kementerian sudah tahu negeri Kedahkah, negeri manakah tanah banyak mana yang telah dicabut keluar dan tidak diganti. Jadi, hak ni saya hendak kementerian kalau boleh dalam jawapan, Menteri pun kena rajin mailah sedikit. Amboi, Menteri pun tak mai Hari ini, kasihan Setiausaha Parlimen ini, sorang-sorang dia dok kena ini. Hendak kata lebih pun kawan-kawan. Menteir mailah, tengok Menteri Pengangkutan mai, Menteri Buruh mai, bagus dia orang ini, dua-dua dok pakat mai ke Dewan Rakyat. Itu pun MCA dok hentam lagi Menteri Pengangkutan, tidak kena sahaja. DAP sengaja dok hentam Presiden MCA, masuk mailah Kepong. You hendak jadi Setiausaha Agung ya? Jangan main-main, you punya tauke banyak garang. [*Ketawa*]

Jadi, hak ini pun Menteri kena mailah noh, pesanlah kes-kes macam ini dia kena mai, dia kena faham. Ini isu yang sensitif. Tuan Yang di-Pertua, kalau tengok di negara-negara luar, yang dok berebut, yang dok bunuh, dok perang saudara itu bukan kerana apa, kerana tanah sahaja. Di Palestin,

fasal tanah, di negara-negara lain fasal tanah. Jadi, di negara kita ini aman dan sejahtera, kita kena jaga elok-elok jangan beri benda-benda yang sensitif ini mengaut perasaan rakyat - akan merbahaya kepada negara. Jadi, saya haraplah, yang ini saya bukan hendak salahkan Kerajaan Pusat ini, saya hendak tunjuk kepada kerajaan negeri supaya mereka sayangkan, pemimpin-pemimpin itu kena faham dan sayang, kita tengok macam Allahyarham Datuk Zin - Melaka - seorang yang bagus, berjiwa rakyat, yang mai daripada bawah faham tetapi ada juga pemimpin kita yang mai daripada bawah bila senang dia lupa. Padahal dulu dok kayuh 'gerek' tumpang kawan, bila sudah senang naik Mercedes, turun Mercedes 320lah, 450lah, 600lah, 404 punya Mercedes, macam-macam Mercedes, dok turun naik kereta jenis itu, tempat duduk lembut, dia sudah tidak terasa yang tanah kawan itu hendak ghaib. Jadi, yang ini pun masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya harap sungguhlah, satu lagi saya minta agensi kerajaan ini jangan diperalatkan untuk hendak buat development. Kononnya hendak bangun tanah ini, guna agensi kerajaan supaya dapat mempertahankan perangai yang depa hendak buat di belakang ini. Guna anak-anak syarikat SCDC, guna anak-anak syarikat kerajaan. Hak ini pun satu pengkhianatan ini. Bagi saya - biarlah orang hendak marah dengan saya pun marah, tetapi bagi seorang pemimpin yang membuat kerja-kerja yang tidak senonoh tentang tanah ini, mereka adalah pengkhianat kepada bangsa - bagi saya. Jadi, mereka kena sedar. Agensi ditubuhkan untuk menjalankan kerja berniaga, membantu tetapi jangan guna agensi sebagai 'front' untuk hendak ambil tanah - bangun tanah itu, agensi boleh 20%kah, 30%kah, hak penyangak yang ada di belakang itu dapat 70%. Kerja ini, Tuan Yang di-Pertua, kerja orang sudah faham dah. Jadi, saya minta jangan dok buat kerja macam itu. Naya! Naya kita sebenar-benarnya pun. Kemudian tanah kita ambil untuk kepentingan tidak apa, sekolah, masjid, jalan raya, rumah sakit, yang itu tidak apa tetapi kalau untuk hendak membangun dan menguntungkan sesuatu agensi, sesuatu syarikat, dia kena compete di pasaranlah. Makna dia kena go into the market, dalam pasaran, beli tanah dalam pasaran harga berapa dia belillah. Kemudian dia bangunlah tanah itu.

Fasal apa kita hendak guna tenaga kerajaan, guna agensi kerajaan kononnya harga tanah itu murah, kemudian ambil pergi develop tanah itu, jual harga mahal kemudian jadi tokoh korporat. Tokoh korporat jenis apa macam itu, Tuan Yang di-Pertua?

Tokoh korporat makna you gentleman, you go into the market, compete dalam pasaran, kemudian you deliver, you make your money tetapi dengan gunakan kuasa kerajaan, gunakan kedudukan, kita pergi buat kerja macam ini, bagi saya adalah orang-orang macam ini kita tidak boleh kategorikan dalam peniaga-peniaga yang berjaya. Kita kena put aside this kind of people, dengan izin.

Kemudian, satu lagi - bayaran pampasan. Saya juga difahamkan kadang-kadang garis panduan telah disediakan tetapi kebanyakan negeri tidak mematuhi seperti kos pampasan yang harus didepositkan kepada pejabat tanah sedangkan amalan ini tidak berlaku. Pampasan ini sebenarnya kena deposit kepada pejabat tanah dahulu tetapi tidak berlaku. Kadang-kadang kerana apa? Kerana dia bayar penalti 8% itu tidak apa lagi, bagi dia dia puas lagi kerana kalau kes ini drag sampai beberapa lama dia hanya bayar 8% denda sahaja. Jadi, semua ini hendak guna, hendak dapat kesenangan di atas kesusahan orang. Yang ini tidak patut. Maknanya kalau harganya sudah patut depositkan ke dalam pejabat tanah, jangan dok tunggu hendak bagi, hendak bagi dan harap dia hendak bayar denda sahaja. Jadi yang ini pun berlaku.

Dan lagi satu saya mintalah kepada tokoh-tokoh korporat Melayukah, badan-badan kerajaankah, kalau hendak bangun tanah simpanan Melayu, pastikan tuan tanah itu ada sama, ataupun tanah-tanah mana, hak tidak Melayu pun - tuan tanah itu bersama, apa salahnya? Kalau tanah itu milik saya bagi cash out front sedikit kepada saya untuk saya hendak pindah pergi buat rumah dan sebagainya, mungkin saya hendak pergi Mekahkah, apakah, baki itu berilah saya duduk sedikit pegang sebagai saham ataupun sebagai penglibatan saya dalam projek tersebut. Kalau tanah sedikit cara sedikit, kalau tanah besar sahamnya besar. Apa salahnya? Fasal apa yang kita tidak boleh kerjasama ini?

Kita tidak mahu lihat sedikit demi sedikit tanah kita selesai, habis! Kemudian kita tengok dalam projek pembangunan kadang-kadang, tuan tanah ini sampai tidak tahu 'ekor kepala'. Saya ingin bercakap macam Grand Internation Park dahulu dalam kawasan saya memanglah orang mengamuk, orang mengamuk sungguh. Apa tidak mengamuk? Hendak ambil serelong RM10,000, serelong RM10,000. Kita kena ingat, Tuan Yang di-Pertua, mungkin bapa dia itu buta huruf, tidak pergi universiti tetapi anak dia hari ini setengahnya dok ada dalam Dewan Rakyat ini sebagai pegawai tinggi kerajaan. Setengah anak dia dok jadi ketua-ketua

jabatan, dok jadi pegawai daerah. Takkan anak itu tidak tahu kalau tanah hendak develop. Jadi, kita mai kita hendak 'rap' pi macam itu tidak boleh! Kita bagi depa peluang untuk bersama dengan kita - joint venture dengan tuan tanah - saya ingat tentu dia setuju. Banyak orang dok buat. Kadang-kadang tanah ini tanah Maklong, okay Maklong mai, kita buat sepuluh buah, syarikat ambil tujuh buah Maklong ambil tiga buah. Banyak dok berlaku boleh jadi. Awat tidak boleh buat? Masalah dia, fasal jenis dok tangkap belalanglah, tangkap bubuh bawah ketiak, tangkap bubuh bawah ketiak lama-lama hendak tangkap seekor lagi, angkat ketiak belalang bawah ketiak pun terbang habis. Jadi, apa pun tidak ada. Hak ini pun perangai juga. Jadi, kena ingatlah ya.

Kemudian satu lagi, dari segi tanah-tanah kerajaan. Tanah-tanah kerajaan hari ini kebanyakan orang bangunkan tanah, depa mark tanah kerajaan kemudian depa bangunkan. Saya amat bersetuju kerana tanah kerajaan tidak terlibat dengan rakyat tetapi cross subsidinya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita menghadapi masalah rumah kos rendah. Jadi, cross subsidinya saya harap jangan bagi duit kepada kerajaan. Kerajaan ada duit, kita dok bagi duit buat apa dengan kerajaan? Kerajaan ada duit, sekarang ini perbelanjaan kita seimbang, kita ada duit. Saya minta orang yang membangunkan tanah kerajaan, cross subsidinya dia mesti buat rumah kos rendah untuk membantu rakyat yang kurang bernasib baik.

Hatta, kalau bandar Kuala Lumpur sekalipun, kalau dia hendak buat highest building, apa 'est' building pun, dia buat tetapi dia kena cari satu kawasan yang boleh bangunkan rumah kos rendah ataupun flat kos rendah, flat tidak boleh kos rendah, Tuan Yang di-Pertua, kena tinggi sedikit fasal hangat, kos sederhana untuk menampung masalah rakyat yang tidak ada rumah. Ini kadang-kadang ambil tanah yang terbaik dalam bandaraya, buat joint-venture dan sebagainya kemudian tidak lama orang hendak kerja tang tu, ini yang rumah orang miskin, orang yang kerja kerani, pemandu, peon dan sebagainya, depa ini hendak duduk di mana? Kita kena kenang yang ini, ini juga masalah. Jadi, saya harap kerajaan kena tegas, kementerian kena tegas benda-benda macam ini. Saya menaruh penuh harapan kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ini supaya kita sayangkanlah tanah pusaka kita ini kerana tanah pusaka kita ini kita kena sayang sangat-sangat, kalau tidak, satu hari nanti, saya tidak tahulah anak-anak cucu kita akan bangun dan pada ketika itu kita akan disebut

sebagai pengkhianat kepada bangsa, negara dan tanah air kita. Jadi, hak ini saya cukup bimbang. Alhamdulillah, saya harap Menteri-menteri Besar, kita slow downlah, hak mana yang deras itu slow down. Tarik brek balik, jangan dok terlajak sangat, takut dia lajak nanti dia terlupa.

Dan kemudian, lagi satu ini dok swasta tanah-tanah rancangan ini pun kena perbetullah balik ya. Kerajaan buka penat-penat sepuluh, dua puluh tahun, sudah cerah jadi bandar, mai hamba Allah buat satu projek paper - swasta! Privatisation, dengan izin. Kadang-kadang dia jadi .piratisation, yang ini yang 'seriau' kita tengok ini. Dia sapu pi, Tuan Yang di-Pertua sampai yang dok dalam rancangan itu tidak tahu 'ekor kepala', esok jadi tauke lain mai. Tidak kira DARAKah tidak DARAKah, 'janda'kah tidak usah kiralah tanah apa pun jagalah ya. Ini, sat sahaja, sat management buy overlah yang itulah, macam-macam dok buat. Kalau management betul-betul tidak apa, biar semua pekerja itu dapat daripada ketua pengarah itu sampai peon dapat nikmat tidak apa, ini kadang-kadang MBO 10% beri kat staf, lagi 90% pakat faraid kawan itu, kawan ini, ini apa punya program? Bukannya sedikit. Saya malaslah hendak sebut kawasan-kawasan itu sampai beribu-ibu ekar rancangan-rancangan tanah kerajaan. Yang ini saya bercakaplah mungkin hari ini saya deras sedikit, tidak apa, hendak buat macam mana.

Yang lain saya boleh berkira, hak ini saya tidak mahu berkira apa. Ini dari segi pandangan saya yang ikhlas ini. Kalau hendak marah pun marahlah, tidak upaya dah. Fasal saya sebut sayang tanah ini kerana saya hendak beli tanah, kalau hendak beli satu relung pun Allah! Melerek hendak buat rumah, umur dekat 40 lebih, sudah dekat 50, hendak buat rumah sebiji pun tidak boleh lagi, fasal apa? Hendak beli tanah tidak ada. Bukan murah, dalam bandar Alor Setar pun sekaki sudah dekat RM20, tambah-tambah Pulau Langkawi, tanya wakil rakyat Pulau Langkawi sekaki berapa. Nasib baiklah hak yang wakil rakyat Langkawi dia kaki luas, panjang sedikit! [Ketawa] Tanya sekaki tanah di Pulau Langkawi berapa duit? Bukan kira relung dah, pakai kaki! Sepuluh, dua puluh tahun dia pakai inci - seinci berapa duit, ha masa itu kita pening. Jadi, saya tahulah seksanya kita hendak beli tanah, jadi kalau sudah boleh itu kita jagalah ya. Duit kita boleh cari, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tanah ini kalau tidak ada kita hendak cari di mana? Kita hendak pugar hak kerajaan.

Kemudian, satu lagi saya mintalah tanah yang orang usaha ini, kementerian kena ambil tahu juga. Tanah yang dipugar di dalam hutan, yang

diusahakan ini, benar-benar beri kepada orang yang usaha kalau hendak beri. Kadang-kadang dia duduk di situ, dia usaha tanah itu, dia pugar tanah itu, datang orang yang ada duit, beli. Lama-lama puak ini jadi pemugar sahaja, bukan jadi pemilik tanah. Jadi, sampai bila? Banyak dalam kawasan-kawasan yang mereka buat dan mereka tanam. Yang ini pun pihak kementerian kena arahkan, pesan kepada kerajaan-kerajaan negeri. Gamak kalau tidak dengar juga, beritahu kepada orang yang hendak bercakap di Perhimpunan Agung. Mereka duduk di Majlis Tertinggi. Bagi mereka bercakap di Perhimpunan Agung pula, sudah di sini menteri besar tidak ada, hendak buat macam mana. Kalau ada di sini, di sini pun kita kata jugalah.

Jadi, yang ini pun mustahak. Pastikan tanah-tanah usaha, kalau hendak beri, berilah betul-betul kepada tuan tanah itu. Saya minta berikan atas nama suami dan isteri, bubuh dua nama pun tidak mengapa sebab tanah kerajaan. Jangan bubuh satu nama, bubuh nama suami dan isteri. Begitu juga tanah-tanah rancangan kerajaan, bubuh nama suami dan isteri. Tidak kiralah isteri-isteri, asalkan isteri dia ada, supaya ini harta sepencarian. Mereka pugar, mereka kerja di Rancangan FELDA, suami-isteri. Kadang-kadang suami duduk di bawah pokok, isterinya menyangkul. Saya tahu sangatlah, bukan saya hendak bela orang perempuan, tidak. Saya orang laki-laki. Selepas itu kawan itu balik tanak nasi, bawa pula nasi beri kepada abang dia makan. Masa itu tidak mengapalah dok 'terang tang-tang' lagi. Bila kawan ini ranum sedikit, tanah pun boleh harga sedikit, ghaib pergi cari yang lain, yang dahi cerah sedikit. Yang ranum ini hendak pergi mana? Dengan anak semuanya hendak pergi mana?

Jadi, saya pastikan minta, tanah-tanah usaha kerajaan, tanah milik kerajaan, kalau kerajaan hendak beri untuk individu bubuh, kalau Ahmad bin Razak, bubuh Ahmad bin Razak. Kalau isterinya Minah binti Awang, bubuh Minah binti Awang, biar kedua-dua nama ada dalam itu. Jadi, sekurang-kurangnya kalau dia hendak pergi seorang pun, nama ini dok ikat, dia ikut. Yang ini saya hendak pesan, Tuan Yang di-Pertua, sebab berlaku. Kadang-kadang datanglah teriak si tua ini 'hendak buat macam mana bang Man hang lari.' Lari ke mana? 'Tak tahulah.' Sebelah Alor Setar, Kedah pula di sempadan pula buka sampai pukul 10 malam, dia ghaib pergi sebelah sana. Balik mai sampai tidak ada apa lagi, baru sampai balik ke kampung. Ini berlaku. Jadi, saya minta kerajaan prihatin supaya jangan jadi masalah.

Lagi satu pindaan ini saya harap kerajaan keponglah tanah-tanah rancangan ini. Bukan 'Kepong', fahamkah maksud saya 'kepong' maknanya 'jaga'. Terkepong, maknanya 'jaga, pagar, memagari.' Jaga elok-elok supaya tanah-tanah rancangan ini pun jangan sewenang-wenangnya kita bangun sebagai pembangunan. Tidak mengapalah kita buat pembangunan, tetapi saya minta pembangunan ini bukan dunia hendak kiamat esok, tidak tentu. Dunia hendak kiamat wallahu wa'lam, kita tidak tahu lagi. Kita pun tidak tahu bila hendak kiamat. Tetapi janganlah kita terlampau tergesa. Kadang-kadang bila kata mengapa buat ini, tidak boleh, kita kena bangun. Tidak mengapa, kita kena bangun. Hendak bangun pi bangun mai kadang-kadang sampai tak ketahuan hala kes tanah, macam mana. Jadi, kita bangunkan, biar perancangannya elok-elok.

Saya biasa duduk dalam Majlis Perbendaharaan sebelum saya jadi Wakil Rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kerajaan negeri sudah buat siap pelan rancangan induk bandar itu. Tetapi bila datang program, sudah tidak ada perancang, kerana masalah-masalah tertentu, kerana peluang-peluang tertentu, sudah tidak ikut lagi pelan rancangan induk itu yang belanja berjuta-juta dibuat. Kajilah konon, bawalah rombongan-rombongan pergi luar negeri. Saya pun tumpanglah sama pergi tengok negeri orang. Kadang-kadang pergi melawat luar negeri tengok macam mana orang jaga kebersihan, balik mai dok berdanur macam itu juga, kotor macam itu juga, habis belanja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Gulung. Tidak mengapa fasal hari ini pun last day Dewan Rakyat, kita hendak balik. Saya pun rindu kepada anak-anak. Rindu kepada anak macam rindu kepada emak tetapi segan hendak beritahu. [Ketawa]

Jadi, saya minta satu lagi, bukan kita tidak percaya kepada kerajaan-kerajaan negeri, kita percaya. Tetapi kalau boleh saya minta kerajaan negeri rujuk kepada kementerian. Dalam rancangan-rancangan mega yang besar-besar yang melibatkan tanah-tanah, rujuk kepada kementerian ataupun kepada UPEN ataupun kepada EPU untuk memastikan bahawa perancangan ini berjalan dengan teratur dan pastikan pembangunan-pembangunan di bukit-bukit sekarang ini kita tahan sekejap. Jangan buat pembangunan di bukit, fasal kita sudah nampak tanah runtuh dan sebagainya.

Jadi, sekat jangan buat di bukit. Kalau hendak buat pun, buat elok-elok. Jangan kita tebang bukit dan sebagainya, kerana ini merosakkan alam sekitar kita. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pun ada, tolong peringatkan. Menteri-menteri pakatlah elok-elok. Kementerian Kerja Raya pun tengok elok-elok. Menteri Buruh pun bagus, tiap-tiap rancangan projek dia pergi, dengar kematian dia sampai. Jadi, jenuhlah setiap kali kematian menteri hendak pergi. Sepatutnya kena kuat sedikit pegawai-pegawai enforcement ini, pegawai-pegawai di bawah kementerian Yang Berhormat kena kuat sedikit.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Biar dia habis, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya, saya beri chance fasal hari ini last day.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kalau tidak, tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya minta gulung tadi, tidak ada masa.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya tidak dapat benarkan. Yang Berhormat telah menggulung perbahasan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Antara Tuan Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat, Speaker lebih tinggi, duduk ya.

Saya gulung. Jadi, saya harap saya hendak minta satu lagi kepada kerajaan, yang ini permintaan, supaya dalam membuka tanah dan sebagainya, wakil rakyat Barisan Nasional diminta duduk dalam tempat itu. Wakil rakyat pembangkang nanti dahulu, bila mereka memerintah mereka buat, tetapi tidak ada chance. Wakil rakyat Barisan Nasional pastikan kena duduk. Saya percaya penuh yang dok ada semua ini amanah. Insha-Allah, kita amanah, kita buat kerja elok-elok, pastikan tanah pusaka kita benar-benar dapat dibangunkan. Saya menyokong rang undang-undang ini, dan saya berharaplah dengan adanya rang undang-undang ini jangan lagi ada titisan air mata apabila sesuatu tanah itu hendak diambil. Berilah keadilan kepada tuan

tanah itu seadil-adilnya, kecuali yang ketegar itu lain ceritalah. Sampai hendak beri harga yang baik pun dia tidak mahu juga, yang itu kita bubuh ISA tidak mengapa.

Tetapi kita kasihan, kita pastikan bahawa tanah diambil dan mereka tidak dianiayai. Pastikan tanah diambil, mereka dapat tanah lain. Pastikan tanah diambil, tetapi mereka mendapat manfaat untuk jangka masa panjang. Jadi, yang inilah saya hendak pesan kepada Dewan yang mulia ini, dan tolong sampaikan salam saya kepada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, saya harap lain kali bila pinda Akta Tanah dia adalah - dia tidak ada hari ini tidak mengapalah, kita tidak tahu mungkin dia ada masalah. Tetapi ini agak mustahak.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak pesan kepada Yang Amat Berhormat negeri-negeri supaya setiap mata pena, setiap kali mereka hendak menurunkan mata pena di atas sesuatu pindaan itu pastikan bahawa mereka memandangi jauh ke hadapan. Dan sebaik-baiknya buat istikharah sebelum hendak menurunkan tandatangan di atas kelulusan itu. Jadi, saya haraplah Ketua Menteri yang bukan Islam sembahyang 'tok pek kong', tanya 'tok pek kong' ini ada baik atau tidak baik, 'fong sui' ada baik atau tidak baik. Kalau 'fong sui' kata no good, jangan buat. Saya harap sungguh-sungguh kepada Yang Amat Berhormat menteri-menteri besar dan Exco-Exco prihatin dan sayangkan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada lagi yang hendak mengambil bahagian diminta berdiri supaya kita boleh tahu berapa ramai.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nampaknya ramai yang ingin ambil bahagian. Oleh yang demikian, saya terpaksa mengehadakan masa 20 minit seorang.

4.25 ptg.

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa rang undang-undang ini tidaklah ada berkaitan dengan negeri Sabah dan Sarawak. Tetapi atas dasar saya rasa tidak wajar kalau tidak diselaraskan tentang cara-cara pengambilan tanah. Saya bersetuju dengan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya dari Yan, terutama untuk menjaga pengambilan tanah hak rakyat, terutama yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang kita bahaskan sekarang dalam Dewan yang mulia ini mempunyai implikasi yang amat besar bukan sahaja kepada negara tetapi juga kepada rakyat, terutama mereka yang miskin. Di dalam hal mengambil tanah, kerajaan memang mempunyai hak oleh kerana ada sebabnya, iaitu untuk kegunaan awam. Tetapi yang saya tidak bersetuju ialah seperti yang dihujahkan oleh sahabat saya dari Yan ialah kadangkala agensi-agensi kerajaan itu diperalatkan oleh segolongan masyarakat yang mempunyai wang untuk mengambil ataupun merampas tanah rakyat miskin, kononnya atas nama penswastaan ataupun privatisation yang disebut oleh sahabat saya dari Yan tadi, sebenarnya 'piratisation'.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala dengan cara ini rakyat yang miskin menderita, oleh kerana kononnya mereka tidak ada pilihan, kecuali menerima sahaja apa tawaran pampasan yang diberi oleh pihak kerajaan. Yang malangnya, mereka tidak mempunyai hak untuk mencabar mengenai tujuan pengambilan tanah itu. Demikianlah yang ada di dalam rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang malang ialah untuk melantik jurunilai untuk mencabar penilaian yang diberikan kepada tanah milik terutama kaum bumiputera. Kaum bumiputera yang tidak mempunyai wang tidak mampu untuk melantik jurunilai. Justeru itu, tidak ada cara bagi mereka untuk mencabar nilai tanah yang diberikan itu. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan dua perkara, iaitu pertama, kerajaan haruslah memandangkan jauh iaitu mengekalkan tanah kepunyaan bumiputera. Memang kita ingin membangun, tetapi apakah ertinya pembangunan itu kalau ada orang, terutama rakyat bumiputera menderita akibat pembangunan itu. Tidak semestinya perabangunan itu dibuat atas nama privatisation, sedangkan mungkin ada cara yang lain untuk membangunkan sesuatu kawasan yang perlu dibangunkan, iaitu rakyat boleh membangunkan dengan caranya sendiri, sedangkan kerajaan sendiri menggalakkan rakyat untuk mengambil peranan di dalam pembangunan ekonomi. Tetapi apa yang malang kadangkala di mana ada tanah-tanah yang berpotensi ataupun kawasan yang berpotensi, di situlah pembangunan dilakukan atas nama penswastaan. Yang lebih malang ialah agensi kerajaan dijadikan agen untuk merampas tanah rakyat. Itulah yang saya rasa tidak seharusnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah katakan iaitu rakyat yang miskin tidak mampu untuk melantik jurunilai di dalam hal mencabar nilai tanah yang diberi.

Saya ingin membuat cadangan iaitu supaya kerajaan membentuk satu dasar di mana Tribunal Tanah atau Tribunal Pengambilan Tanah dibentuk dan bila sesuatu pertikaian mengenai hal penilaian tanah itu timbul, maka segala masalah ataupun pertikaian itu haruslah dikemukakan kepada Tribunal Tanah dan kosnya bolehlah dipotong daripada jumlah atau pampasan itu kelak. Segala perbelanjaan itu haruslah munasabah.

Yang kedua, pampasan yang diberi haruslah dibayar dengan cepat. Walaupun mungkin kerajaan mempunyai niat yang baik di dalam segala apa tindakan pun. Tetapi harus diingatkan bahawa kadangkala yang baik itu boleh menjadi buruk dan justeru itu haruslah berhati-hati bila menjalankan pengambilan tanah di seluruh negara terutama bila tujuan pengambilan tanah itu tidak berasaskan kepada kegunaan awam.

Saya berpendapat bahawa seharusnya kerajaan menumpukan pengambilan tanah itu hanya kepada kegunaan awam sahaja dan untuk maksud ini satu tafsiran tentang kegunaan awam haruslah diwujudkan di dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan supaya tafsiran yang boleh diguna pakai adalah menyeluruh ataupun boleh diguna pakai di seluruh negara dan kerajaan-kerajaan negeri. Oleh kerana pada masa ini apa yang dikatakan kegunaan awam adalah sebenarnya kegunaan untuk setengah-setengah ahli-ahli korporat sahaja dan yang malangnya kadang-kadang pampasan yang diberi lebih menekankan kepada pemilik-pemilik tanah daripada membayar pampasan.

Saya berharap pihak kerajaan, khasnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di sini, jadi saya cukup yakin bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sentiasa membela hak-hak kaum bumiputera dan ambillah perhatian apa yang saya telah kemukakan tadi.

Di dalam nada yang ringkas ini saya, walaupun tidak menentang akta ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya berpendapat bahawa satu kajian yang menyeluruh perlu dilakukan dan satu dasar yang menyeluruh perlulah diadakan. Untuk maksud ini akta ini kalau tidak begitu mendesak untuk diluluskan seperti yang dikemukakan oleh Tanjong bolehlah ditangguhkan buat sementara waktu sehingga Julai untuk diluluskan dan sementara itu kita haruslah mengemukakan ataupun mendapat

pandangan-pandangan beberapa persatuan terutama mungkin Persatuan Peniaga-peniaga atau Dewan Perniagaan Melayu di seluruh negara dan juga bumiputera supaya kita boleh mendapat pandangan mereka, dari lain-lain persatuan peniaga dan juga lain-lain persatuan yang mempunyai kepentingan ataupun ada akibat daripada pengambilan tanah yang dimaksudkan dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian saya cuma berkecuali. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sepang.

#### 4.35 ptg.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk bangun membahaskan cadangan pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah 1960.

Tuan Yang di-Pertua, isu tanah dan pengambilan tanah adalah merupakan isu yang sukar diselesaikan dan sering dipersoalkan keadilan pelaksanaannya kerana kelemahan-kelemahan tertentu dalam prosedur pengambilannya. Pengkritik-pengkritik utama kepada beberapa peristiwa pengambilan tanah rakyat melalui peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1960, pindaan 1991 sering menyamakan isu-isu tersebut sebagai kembalinya rakyat kepada zaman feudal, di mana tanah diambil oleh golongan berkuasa tanpa belas kasihan. Akibat dari salah tafsiran, beberapa pihak tertentu dalam penggunaan dan pelaksanaan Akta Pengambilan Tanah tersebut, kepercayaan rakyat semakin tergugat terhadap usaha murni kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat. Maka sudah tentulah dengan cadangan pindaan Akta Pengambilan Tanah secara keseluruhannya adalah merupakan satu usaha yang tepat dan seharusnya mendapat reaksi yang positif oleh semua lebih-lebih lagi pentadbir di peringkat negeri, kerana sebahagian besar kuasa dalam soal tanah adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Atas dasar inilah dan atas dasar kekeliruan penafsiran akta ini yang terhasil dari beberapa kelemahan sebelum ini mereka sering dipersalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap agar proses pengambilan tanah melalui peruntukan Akta ini harus dilakukan tanpa menimbulkan rasa curiga mana-mana pihak. Tujuan pengambilan tanah itu sendiri harus mampu memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat, lantaran itu penafsiran tujuan pengambilan dan prosedur pengambilan serta peruntukan rayuan harus diperketat dan

diperjelaskan. Kita menyambut baik prosedur baru bagi proses pengambilan tanah dan cara-cara pelaksanaan seksyen 3(b) yang semakin diperjelaskan, sebagaimana yang terkandung di dalam seksyen baru 3A hingga 3F, kerana ini akan membawa kepada ketelusan dalam proses pengambilan tanah, lantas mengelakkan kemungkinan penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan kuasa serta memastikan keadilan terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada seksyen 3(b) itu sendiri penafsiran untuk tujuan awam dan untuk pembangunan ekonomi di Malaysia sebaiknya diperketatkan dengan memberikan perincian kategori situasi-situasi yang berkaitan. Ini secara langsung akan mengelakkan salah penafsiran yang terlalu longgar dan fleksibel oleh sesetengah pihak tentang peruntukan di bawah fasal ini dan meredakan keresahan di kalangan rakyat yang terlibat. Mungkin dalam sesetengah kes yang proses pengambilan tanahnya agak mencurigakan, campur tangan Kerajaan Pusat diperlukan.

Begitu juga dengan seksyen 3(c) yang dicadangkan, sebaiknya diberikan perincian penyenaian yang jelas, bagi menjelaskan apa itu yang termasuk di dalam kategori untuk tujuan perindustrian atau rekreasi atau gabung dari dua tujuan tersebut. Ini akan, oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, sekali gus dapat mengelakkan tanah rakyat diambil untuk tujuan rekreasi mewah, yang hanya mampu dinikmati oleh sesetengah golongan kelas mewah sahaja.

Keresahan rakyat terhadap akta ini bukan sangat diuruskan kepada peruntukannya, tetapi lebih kepada penafsiran dan pelaksanaannya seperti maksud asal akta ini, bagi mempercepatkan program-program pembangunan di kalangan rakyat harus dihayati dalam konteksnya yang sebenar. Kritikan rakyat terhadap skop penggunaannya selama ini harus diambil perhatian agar kepentingan golongan ini tidak dipinggir dan keadilan yang keadilan yang sepatutnya terhasil tidak disisihkan. Jaminan tegas kerajaan dalam soal penegakan hak ini diperlukan bagi mengelakkan keresahan dikalangan rakyat dipergunakan oleh golongan yang berkepentingan. Dalam soal ini saya ingin mencadangkan peruntukan dalam pindaan sebaiknya disertakan dengan mewujudkan apa yang dinamakan sebagai 'pre-acquisition prosiding', dengan izin, bagi memberi peluang kepada pemilik tanah untuk mendapatkan penjelasan tentang projek yang akan dijalankan dan membuat bantahan-bantahan yang perlu. Sebaiknya juga, Tuan Yang di-Pertua, jaminan peluang seperti

kemudahan kredit dan pinjaman bagi memastikan mereka mampu turut sama terlibat dalam projek berbentuk ekonomi yang akan dijalankan diberikan kerana dalam banyak kes tuan-tuan tanah adalah terdiri dari rakyat yang tidak mempunyai kekuatan modal, tetapi punya keinginan kuat untuk turut serta dalam pembangunan tersebut. Ini akan secara langsung menambahkan bilangan usahawan kelas menengah seperti yang diharapkan dan mengurangkan kebergantungan mereka terhadap bantuan kerajaan. Di samping itu perlu diadakan peluang kepastian, bagi pihak pemilik tanah tersebut untuk memastikan bahawa tanahnya yang diambil tidak digunakan bagi maksud yang lain, dari apa yang dinyatakan di peringkat awal ketika proses pengambilan tanah dijalankan.

Dalam konteks ini kita merasakan bahawa peruntukan dalam peruntukan seksyen 68(a) yang sedia ada harus dinilai semula dan diperketatkan bagi mengelakkan berlakunya kes di mana tanah diambil oleh pihak kedua dengan harga yang murah, hanya untuk dijual kepada pihak ketiga, iaitu pemodal dengan harga yang berlipat ganda bagi mendapatkan keuntungan segera. Ini sekali gus menimbulkan rasa ketidakpuashatian di kalangan pemilik tanah asal. Ianya juga tidak akan memenuhi konsep pembangunan mampan yang kita harapkan serta projek itu sendiri tidak membawa kepada memenuhi kepentingan awam dalam erti kata yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses pengambilan tanah terutamanya yang melibatkan pemilik tanah yang kurang upaya dari ilmu, modal mahupun keberanian, peruntukan bagi membolehkan mereka yang terkilan terhadap proses dan keputusan pengambilan tanah mereka membuat rujukan ke Mahkamah Tinggi harus diada dan dipermudahkan. Pada masa yang masa protes-protes tanpa asas dakwaan yang kukuh juga harus mampu dikesampingkan bagi memastikan tidak berlakunya pembaziran masa dan wang untuk menangani masalah tersebut. Dalam konteks ini ada perlunya cadangan pindaan terhadap seksyen 39 dipertimbangkan semula kerana memandangkan peruntukan yang sedia ada sudah cukup membebaskan pemilik-pemilik tanah dalam kategori yang saya katakan tadi.

Kita tidak mahu dalam usaha kerajaan untuk membangunkan rakyat secara menyeluruh ada golongan yang tidak mempunyai keupayaan dan pengetahuan untuk menguruskan tuntutan bantahan ke atas pampasan dan keputusan pengambilan terus

tertindas lantaran ketidakupayaan mereka untuk menyuarakan keresahan. Keberkesanan cadangan pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 ini sangat penting bagi mengelakkan timbulnya tanggapan negatif terhadap pembangunan tanah untuk tujuan pembangunan ekonomi secara menyeluruh. Ianya juga penting bagi melindungi kepentingan para pemilik tanah terutamanya golongan yang tidak berkeupayaan untuk menyuarakan keresahan mereka akibat dari pengambilan tanah di bawah seksyen 3(1)(b) atau (c). Oleh itu, dalam melaksanakan penggunaan peruntukan di bawah Akta ini faktor kesan khusus pengambilan terhadap struktur sosio-ekonomi, kestabilan ekologi serta struktur budaya masyarakat harus diberikan perhatian agar ianya tidak akan terjejas dan menimbulkan kesan negatif jangka panjang. Keresahan rakyat akan terubat jika falsafah sebenar Akta Pengambilan Tanah 1960 ini dapat dijelaskan dan dihayati oleh semua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Bintang.

4.45 ptg.

**Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tentang Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997, saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan Pusat bahawa sudahlah sampai masa untuk akta ini yang tidak sempurna dapat dibetulkan untuk kebaikan rakyat jelata dan mempromosikan semangat keadilan di masyarakat kita seterusnya meningkatkan sikap patriotisme di Malaysia.

Kita sedar sudah beberapa kali Akta Pengambilan Tanah ini telah menjadi isu politik yang dieksploitasikan oleh pihak Pembangkang di beberapa pilihan raya yang lalu. Saya yakin selepas pindaan akta ini, isu ini akan terus diselesaikan.

Walau bagaimanapun, akta ini sudah dipinda sepuluh kali sejak tahun 1960, tetapi akta ini sering kali disalahgunakan oleh pihak tertentu untuk kepentingan peribadi mereka dan akhirnya nama dan imej kerajaan pun terjejas.

Saya harap kali ini Kerajaan Pusat atau Kabinet akan selalunya memastikan bahawa penyalahgunaan kuasa negeri tertentu boleh dielakkan. Di tahun 1996, saya telah membangkitkan satu isu bahawa Majlis Perbandaran Klang telah menyalahgunakan kuasa akta ini untuk mengambil tanah swasta.

Pemiliknya, Allyvest Sendirian Berhad, walau bagaimanapun, pemilik itu telah mencadangkan membina kompleks letak kereta dan komersial untuk menambahkan tempat letak kereta kepada anak syarikatnya, Ocean Supermarket di Klang. Sebelum projek ini diluluskan, pihak Majlis Perbandaran Klang pun telah mengguna akta ini untuk mengambil empat keping tanah untuk tujuan yang sama dan projek ini pun akan diswastakan kepada pihak ketiga untuk perdagangan dan komersial.

Di manakah timbul semangat keadilan kes ini? Dan juga tindakan ini langsung tidak wajar bagi pihak kerajaan tempatan untuk membelanjakan RM14 juta untuk kos tanah ini dan memperuntukkan lagi RM20 juta untuk pembangunan projek yang sama.

Walaupun tuan punya tanah telah mencadangkan projek yang lebih sesuai kerana projek baru ini akan meng'complement'kan operasi anak syarikatnya iaitu Ocean Supermarket di Klang.

Tuan Yang di-Pertua, empat keping tanah yang terlibat dan dicadangkan diambil oleh Majlis Perbandaran Klang ialah:-

- (i) Lot HS(D) 13511 Pt 765(PT)166;
- (ii) HS(D) 14145 Bt 308(817) Section 21;
- (iii) Geran 28113 (HSD)5939 DT614;
- (iv) CD232314 hingga CD 23241 Lot 311 hingga Lot 338.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kes ini telah dibangkitkan oleh saya di Dewan yang mulia ini di tahun 1996, tetapi tiada tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk mengembalikan tanah-tanah itu kepada pemilik asal. Pemilik asal telah beberapa kali merayu kepada Kerajaan Negeri Selangor tentang kes ini, tetapi tidak ada balasan langsung. Saya harap selepas pindaan ini dibuat dan diluluskan, keadilan akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, macam mana penyalahgunaan kuasa oleh negeri-negeri tentang isu pengambilan tanah melalui akta ini boleh berlaku? Ini kerana garis panduan tidak diikuti sepenuhnya dan kuasa kepada kerajaan negeri amatlah besar dan supreme dan keputusan kerajaan negeri adalah muktamad atau final.

Oleh sebab ini, cadangan untuk mewujudkan satu badan yang bebas atau jawatankuasa perlulah

dibuat dan ini akan menjamin 'check and balance'. Walaupun kuasa untuk melulus atau menolak permohonan mengambil tanah terletak di tangan pihak berkuasa negeri, saya berpendapat bahawa pihak Kabinet mestilah ada kuasa yang tertinggi sekali dan ini akan menjamin bahawa situasi keadilan selalu dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, institusi tanah-tanah perlulah diambil untuk tujuan 'public utility' iaitu untuk membuat jalan-jalan, sekolah-sekolah, hospital-hospital dan lain-lain, pampasan sepenuhnya perlu dibuat mengikut harga pasaran tanah berkenaan.

Kita sedar bahawa adalah contoh bahawa seseorang yang inherited, dengan izin, hanya sekeping tanah daripada bapanya tetapi jikalau tanah ini diambil oleh kerajaan untuk melebar jalan atau lain-lain, maka sipemilik asal ini terhilang peluang untuk membangunkan tanah itu dan untuk keuntungan diri sendiri. Jikalau pampasan tidak mencukupi, maka ia akan terjejas dan hilang semua peluang untuk keuntungan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, untuk prinsip-prinsip keadilan, saya harap pihak tertentu akan mengeluarkan garis panduan yang tetap untuk diikuti oleh pihak berkuasa negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ramai Ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin berucap tentang akta ini dan masa tidak mengizinkan saya berucap panjang lebar, saya ingin mengingatkan bahawa jikalau semua kerajaan negeri boleh mengikut semua garis panduan sepenuhnya yang dijadualkan di akta baru ini, saya yakin bahawa masalah berkaitan pengambilan tanah akan dikurangkan jikalau tidak dapat dihapuskan.

Jadi, ini akan membolehkan Kerajaan Barisan Nasional akan menang dalam pilihan raya yang akan datang dengan keputusan yang lebih cemerlang kerana selalunya pihak Pembangkang khususnya DAP mengeksplotasikan akta ini untuk 'political mileage'.

Jikalau pindaan boleh memastikan bagi menentukan asas penilaian pampasan yang lebih tepat, adil dan mencerminkan nilai sebenar tanah yang akan diambil, jadi, rakyat akan menyokong kerajaan kita untuk menentukan bahawa projek-projek kerajaan dapat terus dilaksanakan mengikut jadual untuk kebaikan negara dan rakyat jelata. Sekian, saya turut menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dungun.

4.53 ptg.

**Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof [Dungun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam kesempatan ini untuk bersama-sama dalam perbincangan serta menyokong pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960 ini.

Kali terakhir Rang Undang-undang Pengambilan Tanah dibawa ke Parlimen untuk pindaan besar ialah pada tahun 1991. Pemakaian dalam bentuk pindaan 1991 itu telah membuka luas kepada pihak berkuasa negeri menentukan dan menghalalkan pengambilan tanah dibuat atas dasar kepentingan komersial atau keperluan ekonomi.

Pindaan pada tahun 1991 telah dibentang dan dilulus dengan 'nawaitu' yang ikhlas, jujur dan baik tetapi malangnya apabila pindaan dikuatkuasa dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri, kita dapati banyak penyelewengan dan salah guna kuasa berlaku hingga memaksa Kerajaan Persekutuan bertindak semula supaya Rang Undang-undang Pengambilan Tanah yang melibatkan pengambilan untuk kegunaan residential, commercial, industrial dan recreational, dengan izin, dikaji semula untuk diperbetulkan. Dan hari ini kita dalam Dewan yang mulia ini bersidang untuk meluluskan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997.

Dalam pindaan bentuk tahun 1991, kita dapati peruntukan yang ada banyak memihak kepada pihak yang berkepentingan akibat daripada pengambilan tanah iaitu permohonan-permohonan tulen dan bukan tulen. Kita semua sudah tahu banyak berlakunya salah guna oleh kerajaan negeri dalam pengambilan tanah rakyat dan tanah syarikat atas nama pembangunan.

Apabila kedudukan ekonomi negara yang begitu pesat dan baik, maka beberapa 'kerat' manusia yang akan mengambil kesempatan untuk memperkayakan diri mereka sendiri tanpa menjaga kepentingan orang ramai. Hinggakan sanggup mengetepikan keadilan sosial iaitu satu agenda utama bagi negara Malaysia ke arah tahun 2020.

Walaupun kes-kes salah guna kuasa oleh kerajaan negeri dilakukan secara terbuka, kita belum melihat perkara ketidakpuasan dibawa ke mahkamah kerana terpelihara oleh peruntukan dalam undang-undang itu iaitu undang-undang pemilikan tanah tidak boleh menyaman kerajaan negeri, apabila tanah mereka diambil oleh kerajaan.

Dalam peruntukan yang sedia ada, kita dapati ada tanah-tanah yang dimiliki oleh orang ramai

terutama bumiputera dan juga badan-badan dan agensi kerajaan yang menjaga kepentingan bumiputera telah diambil oleh pihak kerajaan negeri atas sebab pembangunan. Yang mendukacitakan ialah tanah-tanah yang diambil diberi milik kepada pihak yang tidak ada elemen kepentingan bumiputera secara langsung. Kadangkala Perbadanan Kerajaan Ekonomi Negeri dan juga agensi-agensi yang lain diberi kepentingan sebagai rakan kongsi, tetapi pada pelaksanaannya kepentingan bumiputera terhakis begitu sahaja.

Dengan adanya peruntukan baru ini, saya berharap kerajaan negeri melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri akan bekerja kuat untuk meneliti setiap permohonan secara terperinci supaya kepentingan bumiputera diambil kira termasuk dari aspek ekuiti dan juga pengurusan.

**Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof:** Bolehlah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan saranan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya ingin tahu setakat hari ini apakah pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai dengan cadangan-cadangan yang dikenal pasti oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), kadang-kadang ianya tidak dipatuhi ataupun tidak diikuti oleh pihak berkuasa negeri mengenai sesuatu pengambilan tanah kerana perkara ini memang selalu dirintihkan oleh pihak UPEN sendiri bahawa PBN kadang-kadang tidak langsung mengambil kira pandangan yang dikemukakan, malah benda lain yang dicadangkan, benda lain yang berlaku. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof:** Ahli Yang Berhormat dari Jelebu, perkara ini akan saya perkatakan tidak lama lagi dalam teks saya ini.

Dengan adanya peruntukan baru ini, saya berharap kerajaan negeri melalui UPEN akan bekerja kuat untuk meneliti setiap permohonan secara terperinci supaya kepentingan bumiputera diambil kira termasuk dari aspek ekuiti dan juga pengurusan, pengambilan perundingannya, kepentingan jangka pendek dan jangka panjang.

Saya ingin mencadangkan supaya kakitangan yang menduduki dalam jawatan Unit Perancang

Negeri dan PTG adalah daripada mereka yang betul-betul jujur, amanah, ikhlas dan tidak ada rekod rasuah atau mereka yang bersih dan tidak akan melakukan perbuatan rasuah dan tidak takut menegur kepimpinan negeri yang curang kepada bangsa, agama dan negara.

Saya juga berharap mereka ini diberi kebebasan menolak mana-mana permohonan yang tidak tulen walaupun dikatakan mendapat restu daripada kepimpinan negeri baik Menteri Besar mahu pun Setiausaha Kerajaan Negeri yang ada kepentingan peribadi.

Saya juga berharap sekiranya ada tekanan terhadap pegawai-pegawai kerajaan yang ikhlas, jujur dan bersih daripada kepimpinan negara atau ketua jabatan supaya kepimpinan pusat ini diberitahu.

Kita dalam Parlimen ini tidak lagi mahu dilempar dengan tuduhan dan tohmahan penyalahgunaan kuasa di peringkat negeri. Manakala kita di sini terpaksa bertahan dan berhujah perkara yang diselewengkan oleh kerajaan negeri. Pada hari ini marilah kita bersama-sama menyokong pindaan ini supaya pelaksanaan pengambilan tanah oleh kerajaan negeri boleh dijalankan dengan lebih transparent, dengan izin.

Garis panduan atau prosedur baru yang akan digariskan selepas pindaan ini nanti, saya berharap akan memberi ruang yang terbaik kepada pemilik tanah untuk menuntut keadilan ke mahkamah. Kita juga berharap pihak mahkamah hendaklah adil apabila membuat keputusan dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan negeri yang mahu membangun dan pembayaran pampasan yang saksama kepada pemilik tanah terutama pemilik yang tersisih sekiranya tanah mereka diambil oleh kerajaan.

Walaupun perkiraan pampasan akan dinilai oleh jurunilai yang bertauliah atau jurunilai kerajaan, saya khuatir kalau ada perbezaan perkiraan yang besar antara dua penilaian, kepercayaan kepada kerajaan kelak akan membawa akibat yang kurang baik. Sepertimana yang kita tahu penilaian bukanlah ilmu exact science, dengan izin, tetapi perbezaan yang besar patutlah dielakkan.

Saya sarankan kepada semua jurunilai yang mengambil bahagian dalam penilaian pengambilan tanah menggunakan keilmuan, pengalaman dan kelayakan untuk menentukan fair market value, dengan izin, dan tidak terbawa-bawa dengan perasaan untuk mencari keuntungan semata-mata

dan mengetepikan keadilan serta jaga nama baik profesion. Dalam semua usaha pengambilan tanah, saya berharap dalam apa cara pun kerajaan negeri dan rakyat negeri akan menikmati manfaatnya dan bukan beri sepenuh kepercayaan kepada pemaju yang berwawasan berlainan daripada hasrat kerajaan negeri dan rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

**5.02 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang, cuma 10 minit sudah cukup.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....sebab ramai orang hendak berucap.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pindaan-pindaan yang ada kita nampak banyaklah setebal 35 muka surat, ini menunjukkan memang Majlis Tanah dan juga kementerian sudah mengambil masa yang agak panjang untuk meneliti ketidakadilan, kelemahan dan kesalahan yang dibuatnya supaya pindaan ini dapat melunaskan kesalahan-kesalahan yang berlaku. Sama ada ini dapat melunaskan semua, saya pun tidak tahu, cuma saya nampak ada setengah-setengah itu tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah. Tetapi kalau berbanding dengan pindaan pada tahun 1991, ini adalah lebih baik sedikit.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan kerana kalau hendak meneliti semua pindaan, ini memang mengambil masa yang panjang dan pada prinsip sahaja saya hendak tekankan di sini. Yang pertama, kita hendak menentukan semua pengambilan tanah, tidak kiralah dari pelosok mana tanah air kita ialah untuk, dengan izin, for public purpose, public interest, public utility and public benefit. Keempat-empat ini mesti dipatuhi, public purpose, public benefit, public utility and public interest.

Seterusnya, walaupun daripada rang undang-undang ini kita boleh nampak satu prosedur pelaksanaan adalah lebih komprehensif kalau kita banding dengan kaedah yang lepas, tetapi bagi saya ini tidak mencukupi. Kita mesti adakan prosedur pelaksanaan yang lebih komprehensif untuk merangkumi semua pihak dan untuk meneliti semua faktor yang perlu diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip-prinsipnya untuk pengambilan tanah ini mestilah dikaji dari masa ke semasa, mesti ada satu peruntukan di mana semua prosedur ini, semua prinsip ini dapat dikaji dari masa ke semasa secocok dengan perkembangan. Daripada prinsip pampasan (adjustment of compensation) saya nampak ada sedikit konsep untuk nilai pasaran, ada disebutkan di dalam rang undang-undang ini tetapi ini tidak mencukupi, kita mesti mengambil kira masa, mengambil kira perkara-perkara yang lain termasuk peraturan-peraturan khas untuk pampasan sebab yang ada disebutkan di dalam rang undang-undang ini masih tidak lengkap.

Masalah rayuan, Tuan Yang di-Pertua, hak dan prosedur rayuan walaupun ada satu jawatankuasa khas dan juga melibatkan EPU dan pihak kerajaan negeri ada dikait masuk di dalam semua prosedur ini, saya berharap Yang Berhormat dapat meneliti sama ada cukup untuk sewerage strain and moderation, dengan izin, dari segi pelaksanaan kuasa-kuasa yang dikurniakan kepada pihak kerajaan. Saya hendak pendekkan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, the government must set high standard of morality in all its activities especially in the acquisition of land. Kalau tidak ada standard moral yang tinggi, memang menimbulkan kekhuatiran, syak wasangka dan ketakutan rakyat sebab setakat ini kita nampak masalah tanah memang menimbulkan pelbagai penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, the idea of treating equals equally is central to the concept of justice and this is applicable to the acquisition of land, treating equals equally. Prinsip-prinsip untuk menilai tanah yang diambil alih untuk tujuan awam (public purpose) bagi memastikan nilai yang munasabah untuk harta serta keseragaman penilaian tanah, saya ada meneliti kenyataan-kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga daripada menteri-menteri yang berkenaan mengenai penilaian ini tetapi saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil kira sama ada prinsip-prinsip ini dapat diserapkan masuk di dalam prosedur-prosedur pelaksanaannya dan tuan punya mestilah diberi peluang dengan cukup untuk menyertai pembangunan tanahnya diambil untuk projek-projek komersial. Walaupun ada disebutkan tetapi kita mesti memastikan semua tuan punya yang ingin mengambil bahagian diberikan peluang berbuat demikian dan semua ini mestilah telus dan adil.

Yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya penyelarasan kerana kekurangan koordinasi, penyelarasan di antara

pihak-pihak berkuasa yang berkenaan adalah sangat nyata pada masa yang lepas. Sekarang saya menekankan bahawa penyelarasan ini mestilah ditingkatkan supaya semua prosedur dapat dijalankan dengan lancar dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja saya hendak tekankan, dengan izin, this amendment should not bestow the government with powers which accessibly wide, dengan kuasa-kuasa yang terlalu luas, terlalu besar, maka timbullah masalah seperti pindaan-pindaan tahun 1991 kerana kuasa-kuasa yang terlalu luas, skop yang terlalu besar, maka timbullah masalah dan kita mesti menyekat kuasa-kuasa ini. Kerajaan mesti memahami kita tidak boleh menyalahgunakan kuasa ini dan kita mesti ada sewerage strain dan moderation untuk menyekatkan kuasa sendiri kalau tidak, matilah semua.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak menekankan sekali lagi semua pengambilan tanah mestilah bertujuan dengan objektif tujuan awam, public benefit, public utility, public interest and public purpose. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Beaufort.

5.10 ptg.

**Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat bahawa perincian kepada pindaan akta yang dibentang hari ini sudah tentu akan menyediakan satu garis panduan yang lebih jelas dan semestinya dapat mengelakkan pengambilan tanah oleh mana-mana agensi atau negeri secara tidak sah, terutamanya yang disebut secara detail di bawah seksyen 3(3)(b) atau (c).

Bagi pengambilan tanah dengan tujuan ekonomi, saya berpendapat bahawa kesediaan akta ini memberi ruang kepada pemilik tanah asal untuk ditawarkan sama-sama memajukan tanah berkenaan adalah satu kaedah yang bukan sahaja adil kepada tuan tanah tetapi menguntungkan oleh kerana ianya memberi peluang kepada tuan tanah menggunakan asetnya sebagai modal untuk menceburkan diri dalam pembangunan harta tanah atau lain-lain bidang yang produktif.

Peruntukan ini juga mengelakkan para pemaju yang berhasrat untuk memajukan tanah-tanah yang diambil alih supaya tidak membolot segala keuntungan daripada aset tanah milik perseorangan atau milik individu oleh kerana jika ini berlaku, ianya akan menjejaskan hasrat kita membanyakkan penyertaan bumiputera dalam sektor perniagaan.

Fasal 2 pindaan ini iaitu dengan mengemaskini beberapa takrif serta dengan penjelasannya sekali bukan sahaja melengkapkan akta ini sebagai satu akta yang operational tetapi sudah tentu akan mengurangkan sebarang pertikaian terhadap sebutan dan juga semangat yang dimaksudkan oleh akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika semua pihak melihat dengan semangat positif terhadap proses pengambilan tanah bagi tujuan awam ini, akta ini tidaklah menjadi begitu sensitif sehingga boleh menimbulkan kebimbangan tuan-tuan tanah memandangkan bahawa tanah adalah satu keperluan yang sangat significant terhadap rakyat di negara ini.

Menyedari significant tanah kepada kehidupan masyarakat di negara ini, maka tidak hairanlah ada juga pihak-pihak sentiasa akan mencari kelemahan-kelemahan akta ini untuk membolehkan pihak-pihak tertentu mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan, akhirnya banyak masa dan tenaga kerajaan terbuang untuk menghadapi kes-kes seumpama ini di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang bertanggungjawab ke atas pindaan akta ini perlu mendapat penghargaan kerana sentiasa peka terhadap rungutan dan kebimbangan rakyat terhadap kemungkinan mereka terlibat dengan pengambilan tanah ini. Sebenarnya dengan adanya prosedur yang tepat, adil dan telus, ini akan memudahkan semua kerajaan negeri meneruskan rancangan pembangunan infrastruktur tanpa menghadapi rintangan yang banyak.

Pampasan yang diberi iaitu yang selaras dengan harga pasaran seperti yang dicadangkan oleh akta ini adalah satu jaminan bahawa pemilik tanah yang tanahnya diambil akan mendapat pampasan yang adil. Pemilik juga diberi tempoh yang sesuai untuk menimbang dan memberi jawapan ke atas notis pengambilan tanah tersebut jika sekiranya pemilik tanah itu pula berfikiran layak menyertai pembangunan ke atas tanah yang berkenaan, tawaran pengambilan juga akan disertai dengan terma-terma usaha sama bagi membolehkan beliau menjadi pelaksana bersama kepada projek-projek yang hendak dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 3(5) memberi kuasa kepada pentadbir tanah untuk menolak permohonan daripada pihak yang berminat dengan permohonan yang tidak lengkap atau bagi tanah-tanah yang sudah mendapat kelulusan untuk

dibangunkan oleh pemilik adalah satu lagi jaminan keadilan yang diberikan oleh kerajaan. Selain daripada itu penubuhan satu jawatankuasa khas pengambilan tanah yang terdiri daripada golongan profesional untuk menentukan sama ada sesuatu tanah tersebut layak atau sesuai untuk pengambilan balik tanah adalah satu langkah yang pada hemat saya amat reasonable dan mencerminkan kepada tanggungjawab yang bersesuaian oleh kerajaan. Ianya berfungsi sebagai 'ombudsman' kepada syarikat-syarikat gergasi bagi menentukan apa juga keputusan mestilah mengambil kira soal maruah, etika serta nilai-nilai kemanusiaan. Saya percaya jawatankuasa ini akan menjadi gate-keeper, dengan izin, kepada pengambilan tanah-tanah yang benar-benar diperlukan di samping memastikan bahawa kepentingan tuan tanah dapat diperelihara.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan saya berpendapat dengan adanya akta yang lengkap dan kemas ini kerajaan kita akan dapat menikmati beberapa kebaikan, antaranya ialah banyak tanah terbiar di kawasan strategik di negara kita akan dapat dimajukan secara optimum dan tanpa masalah besar dari segi pelaksanaan. Jikalau ini berlaku iaitu adanya pembangunan ekonomi di kawasan-kawasan yang berpotensi komersial itu, ia tentulah menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, kerajaan mungkin dapat melihat kemungkinan memajukan pembangunan tanah atau pembangunan wilayah bagi pusat pertumbuhan ekonomi penduduk luar bandar.

Kedua, kita juga dapat melakukan perancangan serta melaksanakan prasarana awam tanpa menghadapi banyak ganggu-gugat daripada pemilik-pemilik tanah serta pengaruh daripada orang-orang berkepentingan.

Ketiga, selain itu pindaan ini juga melahirkan satu akta pengambilan tanah yang seragam ke seluruh negara di mana ini berupaya mengelakkan tuduhan 'double standard' ke atas proses atau prosedur pengambilan balik tanah di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa mana-mana syarikat yang memohon pengambilan balik tanah benar-benar dapat memenuhi tanggungjawabnya memajukan tanah-tanah berkenaan, akta ini saya perhatikan cukup memberi ruang kepada pemilik tanah untuk memohon melalui mahkamah, mendapatkan balik tanah berkenaan sekiranya ia tidak dimajukan dalam

masa yang ditetapkan. Tambahan daripada itu ialah pemilik tanah dibayar pula kos kerosakan yang dialami oleh tuan tanah. Ini satu jaminan yang cukup sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai kaedah menentukan penilaian harga tanah. Saya fikir jurunilai daripada pihak kerajaan selalunya mengadakan satu jumlah penilaian yang agak rendah berbanding jurunilai swasta. Kalau ini sering berlaku, saya fikir ianya boleh menjejaskan akta ini jika tidak diberi perhatian khusus. Walaupun seseorang boleh membawa kes ini ke mahkamah, namun jika dibawa sudah tentu akan memakan masa, wang dan tenaga yang banyak daripada pihak kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan agar jurunilai bertauliah daripada swasta dapat diberi mandat untuk mengadakan penilaian agar ia lebih dilihat secara objektif oleh pemilik tanah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan syabas kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang berjaya mengemaskinikan akta ini, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong Karang.

5.21 ptg.

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam pindaan Akta Pengambilan Tanah 1960. Saya ingin mengucapkan tahniah di atas kepekaan pihak kerajaan di atas rintihan dan juga rungutan rakyat mengenai pengambilan tanah yang selama ini dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri.

Dalam masa yang singkat, saya ingin menyentuh dua perkara mengenai kelemahan yang terdapat dalam Akta Pengambilan Tanah yang sedia ada tetapi tidak ada apa-apa perubahan dibuat pada kali ini.

Yang pertama, seseorang pemilik yang tanahnya hendak diambil oleh kerajaan negeri tidak boleh mencabarnya di mahkamah. Keputusan kerajaan itu adalah muktamad dan berkuasa sesudah warta dikeluarkan dan pentadbir tanah memberi notis. Ini jelas telah pun disahkan di dalam kes Pemungut Hasil Tanah Daerah Barat Daya Pulau Pinang mlw. Ong Gek Kee yang mana pihak rakyat ingin memohon certiorari daripada mahkamah untuk

mengatakan bahawa pengambilan tanah itu tidak sah tetapi pihak mahkamah telah memegang kepada seksyen 68 Akta Pengambilan Tanah yang mana "No sued shall be brought to set aside an award or appointment under this act".

Yang kedua, kita lihat akta yang sedia ada begitu memberi kuasa yang luas kepada pihak pelaksana dan akta ini boleh disalahgunakan pada peringkat pelaksanaan dan harus diingat juga bahawa Akta Pengambilan Tanah ini tidak menghalang pihak berkuasa negeri bertindak buat kali kedua andainya tindakannya yang terdahulu iaitu kali yang pertama itu tidak diteruskan atau dibatalkan oleh pihak berkuasa negeri atau diisytiharkan batal oleh mahkamah. Ini bermakna prinsip res judicata tidak terpakai di dalam akta ini. Seandainya prinsip res judicata ini terpakai, maka sudah tentu seandainya pihak kerajaan di dalam proses mereka mengambil semula tanah ini didapati melanggar proses-proses prosedur yang telah ditetapkan dan hari ini kita lihat prosedur ini ditambah semakin panjang lagi, sudah tentu perkara-perkara yang tidak mengikut prosedur ini boleh dibatalkan tetapi oleh kerana akta ini tidak memakai prinsip res judicata maka, kalau ada kesilapan prosedur pun, pihak kerajaan negeri boleh membuat rectify mengenai prosedur-prosedur tersebut.

Oleh itu kerajaan telah pun mengeluarkan satu garis panduan bagi melaksanakan pindaan seksyen 3B khasnya yang mana telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang ke-45 pada 7 Jun 1991 untuk digunapakai di negara-negara di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai arahan pentadbiran. Arahan-arahan ini, walaupun garis panduan ini telah pun dikeluarkan tetapi nampaknya pihak kerajaan negeri masih tidak mengikut arahan-arahan yang telah dikeluarkan sehinggakan pada 22 Januari 1995, di mana di dalam *New Straits Times* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terpaksa membuat satu kenyataan yang saya ingin bacakan di sini:

*"Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad said today the Federal Government will only support state government which use the Land Acquisition Act to carry out development project if they followed proper procedure. If the state government did not follow proper procedure, the Federal Government would advice and ask them to return the land. He said in the case of a state government which he did not name a brought of land was acquired and sold to a third party at a higher price"*

Ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu prihatin mengenai masalah-masalah pengambilan tanah ini yang mana kita dapati pihak kerajaan negeri tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah pun disediakan dan saya percaya oleh kerana ketidakpatuhan kerajaan-kerajaan negeri di atas arahan-arahan yang telah diberikan, maka pada hari ini kita telah pun membentangkan satu akta pindaan pengambilan tanah yang saya yakin untuk membela nasib rakyat.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana di dalam menjalankan pindaan ini, pihak kerajaan nampaknya memberi juga pertimbangan kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak parti pembangkang. Parti pembangkang yang telah mengadakan Conference Against Land Acquisition pada Januari 1995 ada mencadangkan supaya dalam proses pengambilan tanah ini, tuan punya tanah harus diberikan perundingan dan diajak bersama-sama untuk membangunkan tanah mereka. Ini telah pun dimasukkan di dalam pindaan ini dan saya juga ingin mengucapkan tahniah kerana kepekaan oleh pihak kerajaan di mana, di samping mengambil pandangan daripada pihak pembangkang dan juga rakyat jelata, beberapa keputusan mahkamah juga telah diambil kira dan dimasukkan di dalam pindaan ini.

Seperti contoh, di bawah seksyen 3E(2) ini saya percaya kes ini, seksyen ini dibuat bagi tujuan melindungi lain-lain tanah yang tidak termasuk di dalam pelan permohonan pengambilan asal dan bagi menentukan hanya tanah yang dipohon sahaja diambil peruntukan dimasukkan bagi menghalang PBN meluluskan pengambilan tanah melebihi daripada kelulusan asal kawasan yang dipohon. Saya rasa ini sesuai dengan kes Syed Omar bin Abdul Rahman Taha Al-Sagof dan yang lain mlw. Kerajaan Negeri Johor di mana di dalam kes tersebut 5,700 ekar tanah kepunyaan perayu telah pun diambil alih tetapi hanya 2,000 ekar sahaja yang digunakan untuk Pelabuhan Pasir Gudang dan yang selebihnya - lebih kurang 3,700 ekar lagi hanya diambil untuk special purpose. Jadi, saya percaya dengan seksyen 3E(2) yang baru ini, kes-kes seperti Syed Omar ini tidak akan berulang lagi.

Begitu juga saya lihat di dalam seksyen 8(5) - satu kes Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 23.5.1994, di antara Straits Credit Sdn. Bhd. mlw. Pentadbir Tanah Kuala Lumpur. Mahkamah telah memutuskan supaya pentadbir tanah membayar segala kos dan kerosakan yang dialami oleh tuan tanah akibat daripada luput kuatkuasa warta di

bawah seksyen 8. Saya rasa keputusan mahkamah ini telah pun di masukkan di bawah seksyen 8(5).

Jadi, semua ini saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah. Walau bagaimanapun, saya ingin menimbulkan beberapa persoalan kepada pihak kementerian mengenai definisi-definisi yang tidak dimasukkan di dalam pindaan ini. Walaupun kita tahu di dalam Perlembagaan memberi guarantee tetapi tidak permanent mengenai hak rakyat ke atas tanahnya dan ini pun memang telah diputuskan di dalam kes S.Kolasingam yang mana mahkamah juga mengakui bahawa hak rakyat ini boleh diambil jika ada melalui undang-undang yang betul dan jika dibayar ganti rugi. Jadi, oleh kerana kita lihat pindaan yang dibuat pada hari ini adalah pindaan yang berkisar kepada seksyen 3(B) dan (C) sahaja, (A) tidak terlibat. Jadi, nampaknya (B) dan (C) ini yang terpaksa mengikut prosedur-prosedur sehingga daripada seksyen 3A sehinggalah F kena hantar kepada UPEN, hantar kepada jawatankuasa tanah dan juga kepada pihak berkuasa negeri tetapi tidak disentuh kepada seksyen 3A. Ini menunjukkan bahawa sesiapa yang ingin mengambil tanah untuk 'public' purpose masih lagi mengikut prosedur-prosedur yang lama tetapi malangnya di dalam pindaan ini tidak dinyatakan secara jelas apa yang dimaksudkan dengan 'public purpose'. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah bezanya di antara 'public purpose', 'public interest', 'public benefit' dan 'public utility'? Daripada empat jenis 'public' ini hanya satu 'public' sahaja yang diberi tafsiran iaitu 'public utility'.

'Public purpose' ini amat perlu diberikan tafsiran, oleh kerana tidak diberi tafsiran di dalam akta ini, maka kita khuatir bahawa pihak-pihak yang ingin mengambil tanah ini akan menggunakan semasa permohonan mereka di bawah 3A, iaitu public purpose. Di dalam undang-undang juga tidak ada judicial interpretation. Di dalam kes Kulasingam, Rashid Yeop, Abdullah Sani telah menyatakan the expression public purpose is incapable of a prestigious definition. No one in fact as attempted to define it successfully, whereas there had been suggested, but in my view it is still best to employ a simple commonsense test, that is to see whether the purpose serve the general interest of the community.

Jadi, maksudnya di sini dia meninggalkan masalah ataupun terpulang kepada pihak eksekutif untuk memberi tafsiran mereka sendiri. Apabila kita serahkan kepada pihak eksekutif, iaitu pihak penguatkuasa negeri membuat tafsiran 'public pur-

pose', kita khawatir mereka pula nanti akan memberi tafsiran mengikut kepentingan mereka. Saya ingin memetik ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dalam *Star*, November 1995. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ada menyatakan, "*We want to ensure that there is no ambiguity or misinterpretation of what constitute compulsory acquisition for public purpose. Right now public purpose is not clearly define. We would like to define this clearly as a safeguard to prevent abuse. Our intention is to protect the people interest.*"

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pun ada memberi cadangan, "*The government is considering whether to divide public purpose into two categories, one without commercial interest such as acquiring land for school, road and hospital, and the others for which land is acquired for public purpose but which brought economic return. If there is economic return when the land is acquired, than compensation should be commensurate with this.*"

Jadi, ini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga ada membuat cadangan untuk diberi tafsiran yang jelas mengenai 'public purpose'. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad juga pada April 1995 ada membuat kenyataan, "*the act would be amended to rectify presence witness and check abuses.*" Jadi, saya hendak nyatakan tadi bahawa definisi 'public purpose' ini amat terbuka. Kalau ini tidak diberi tafsiran yang jelas, kita khawatir bahawa perkara ini akan berulang balik, di mana mereka sebenarnya minta di bawah 3B, tetapi mereka memberi alasan di bawah 3A.

Ini terbukti ada satu kes yang telah pun diputuskan di mahkamah. United Malacca Rubber Estate Bhd. melawan Pentadbir Tanah di daerah Johor Bahru dan yang lain, yang mana dalam kes ini satu pemberitahuan dalam borang 'D' mengikut seksyen 8 akta tersebut, telah disiarkan di dalam warta yang mengisytiharkan bahawa tanah yang dijadual itu dikehendaki untuk projek tambak kedua tersebut dan untuk pembangunan kawasan Gelang Patah. Mahkamah telah memutuskan bahawa kerja membina tambak kedua itu boleh termasuk di bawah seksyen 3A atau B akta tersebut.

Jadi, kalau tidak diberikan betul-betul definisi 'public purpose', kita khawatir bahawa mereka memohon di bawah 3A, tetapi sebenar tujuan mereka ialah untuk 3B. Oleh itu, kita harap pihak kementerian supaya dapat menimbangkan, supaya

dapat memberi tafsiran mengenai 'public purpose' ini supaya ianya tidak disalahtafsirkan untuk kepentingan pihak berkuasa negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai compensation ataupun ganti rugi. Selama ini kita lihat bahawa ganti rugi ini memang ditawarkan dalam bentuk kewangan. Ini kita lihat bahawa dalam seksyen 15 memang ada disebut, 'by way or full of parcel substitution for monetary compensation. Kita lihat dalam kes Kerpan sebagai contoh, di mana rakyat hanya ditawarkan sebanyak RM60 juta untuk perusahaan udang yang mungkin sudah dibatal. Kemudian, di Gelang Patah pun serupa. Saya ingin mencadangkan boleh ataupun tidak tanah-tanah yang telah diambil oleh pihak kerajaan ini diganti dengan tanah yang lain, yang nilainya lebih kurang sama dan tugas untuk mencari tanah ganti ini biarlah dicari oleh tuan tanah itu sendiri. Tidak perlulah pihak kerajaan negeri mencari untuk tanah-tanah mana yang diganti.

Jadi, kerana tanah ini kita tahu, mungkin hari ini kita lihat tanah itu nilainya rendah. Tetapi satu hari nanti tanah ini nilainya akan begitu tinggi. Jadi, kalau tanah ini diambil, katalah dalam satu kawasan pekan, tidak mengapa. Kita carilah tanah dalam hutankah, tanah-tanah kerajaan yang masih belum diterokai ini digantikan. Jadi, tidak perlu diambil dalam bentuk wang. Dengan adanya tanah ini kita harap bahawa hak-hak rakyat ini untuk duduk di atas tanah mereka ini tidak akan tercabar.

Yang akhir sekali, saya ingin mendapat beberapa pandangan daripada pihak kementerian iaitu tiga golongan yang boleh didefinisikan sebagai person interested, ertinya orang berkepentingan, yang mana orang yang berkepentingan ini saya rasa mereka bukannya registered proprietor ataupun tuan punya tanah. Kerana kita di sini mengikut current system, kita tidak ikut Undang-undang Tanah UK. Kalau Undang-undang Tanah UK kita iktiraf, kita ber'interest'. Tetapi oleh kerana kita hanya mengamalkan register ber'interest', maka sesiapa yang ada namanya di dalam title tanah, itulah tanah kepunyaannya. Sedangkan di dalam seksyen 3A dan seksyen 3 hanya memberi peluang kepada tuan tanah untuk mengambil bahagian membangunkan sesuatu projek. Ia hanya sebut dalam 3A, 3A(2) dan (3), hanya kepada registered proprietor.

Saya hendak jelaskan tiga golongan ini kita dapati mereka ini ada berkepentingan, tetapi mereka bukan tuan punya. Golongan pertama ialah agensi kerajaan. Agensi kerajaan ini saya mengambil sebagai contoh, FELCRA. FELCRA kita tahu

mereka ini diberi tanah di bawah Group Settlement Act (GSA).

Jadi, mereka ini kalau kita lihat di Pejabat Tanah, memang tidak ada wujud nama FELCRA, sedangkan mereka sudah bangunkan tanah ini sudah berapa lama. Kerajaan benarkan mereka bangun, pembangunan telah dibuat, tiba-tiba tanah mereka diambil. Tanah mereka tidak mempunyai title. Sebab kita melihat dua peristiwa yang berlaku ke atas tanah FELCRA. Satu tanah berlaku di satu negeri, iaitu di negeri Perak, iaitu di FELDA Kampung Perlis, di Lembah Beringin, tanah diberi kepada FELCRA. Seribu ekar ini diberi kepada private company, beri kepada Syarikat MK, sedangkan itu tanah FELCRA, tetapi tidak beritahu FELCRA pun. Itu diberi terus alienation.

Satu lagi kes iaitu di FELCRA Sendayan, di Seremban. Pihak pemaju hanya terus berbincang dengan pihak peneroka. Maka tuan punya tanah tadi, orang yang ada kepentingan FELCRA ini diketepikan. Kerana FELCRA bukannya tuan punya berdaftar. Jadi, bagaimana kita hendak menjamin bahawa apabila tanah-tanah FELCRA sebagai contoh untuk dibangun oleh pihak kerajaan negeri ataupun mana-mana pihak, FELCRA dibawa bersama, sedangkan di bawah 3A(2) ini tidak sebut orang-orang yang ada kepentingan. Hanya diajak berbincang ialah tuan punya tanah.

Golongan yang kedua, iaitu golongan rakyat yang telah pun mendapat borang 5A. Borang 5A mereka sudah dapat. Kemudian mereka sudah bayar premium. Kita tidak boleh salahkan Pejabat Tanah kerana mereka kekurangan kakitangan. Juru SO-nya lambat ukur, maka titlanya kadang-kadang kita sudah bayar, satu tahun, dua tahun kita sudah bayar premium title masih belum dapat. Sementara hendak menunggu title ini dapat, tiba-tiba tanah mereka ini dikemukakan untuk diambil semula oleh pihak kerajaan. Bagaimana kepentingan mereka ini akan dijamin. Apakah mereka ini yang namanya belum lagi tertakluk di dalam title sepertimana yang dikenakan oleh seksyen 3A(2) dan 3A(3) adakah mereka ini boleh dipanggil, dan mereka ini boleh diiktiraf sebagai tuan punya tanah. Kalau hanya bergantung kepada orang yang berkepentingan, mereka ini hanya berhak menuntut ganti rugi sahaja, compensation. Kalau ganti rugi, mereka kena pergi mahkamah dan sebagainya yang memang dibenarkan. Sekarang ini soalnya bagaimana mereka ini untuk sama-sama turut serta, sedangkan mereka ini sudah bayar premium. Tinggal lagi oleh kerana geran tidak dapat, nama mereka tidak ada dalam

title ataupun di dalam geran, maka mereka mengikut seksyen 3A(2) dan 3A(3) saya rasa mereka boleh diketepikan. Hanya mereka ini layak diberi ganti rugi sahaja di bawah seksyen 14.

Yang ketiga....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Noh bin Omar:** Okay, satu lagi, ini golongan....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [Bangun]

**Tuan Noh bin Omar:** Sekejap.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak minta laluankah? Tetapi masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Masa tidak izin, saya hendak lalu sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya tidak akan beri masa tambahan.

**Tuan Noh bin Omar:** Ini mengenai golongan, sekejap lagi saya beri.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Okay.

**Tuan Noh bin Omar:** Golongan yang ketiga, kita dapati ada banyak tanah-tanah yang kerajaan hendak beri TOL. Mereka ini teroka tanah sudah 30 tahun, sudah teroka 40 tahun, 20 tahun, tetapi tidak dapat geran lagi. Oleh kerana geran tanah kita dapati sudah bertukar tangan, jual atas jual walaupun illegal transaction, tetapi setahu orang bila sebut tanah atau dapat tanah TOL sahaja mereka sanggup beli walaupun secara tidak sah dari segi undang-undang. Jadi, mereka ini sudah 30 tahun duduk di situ. Dan daripada hak tanah sudah tentu mereka tidak ada hak, kerana mereka tidak didefinisikan sebagai tuan punya tanah. Jadi, bagaimana kedudukan mereka ini. Jadi, saya merayulah kepada pihak kementerian supaya buat satu peraturan dimajukan dalam Majlis Tanah Negara supaya orang-orang seperti ini, tiga golongan yang saya nyatakan tadi harus juga diberikan peluang dan ditafsirkan sebagai tuan punya tanah supaya mereka ini bersama-sama dapat mengambil bahagian di dalam membangunkan tanah yang akan diambil oleh pihak kerajaan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
[Bangun]

**Tuan Noh bin Omar:** Ada masa sedikit sahaja.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hendak selit sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya tengah hendak selit. [Ketawa]

**Tuan Noh bin Omar:** Saya gulung sedikitlah. Jadi, dengan ini saya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat sudah duduk tadi bukan?

**Tuan Noh bin Omar:** Banyak lagi, sedikit lagi saya hendak gulung. Satu lagi persoalan yang timbulkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Noh bin Omar:** Okay, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Batu Gajah.

5.42 ptg.

**Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada saya untuk membahaskan satu rang undang-undang Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengambilan Tanah telah ditubuhkan pada tahun 1960, dan akta ini telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini beberapa kali untuk membuat pindaan. Namun begitu lagi menimbulkan pelbagai masalah oleh kerana disebabkan ada pihak-pihak tertentu menyalahgunakan hak untuk mengambil tanah daripada orang awam, bukan untuk tujuan public utility, dengan izin, tetapi diserahkan kepada pihak swasta bagi tujuan hanya hendak mendatangkan faedah untuk segelintir orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa usaha kerajaan mencampur tangan dalam hal ini dan juga mengambil berat pihak tuan tanah demi tidak diseksa oleh pihak-pihak tertentu menyalahgunakan hak mereka memainkan akta ini dengan sesuka hati demi mengambil tanah daripada orang awam dengan bayaran pampasan yang terlalu rendah. Manakala

tanah yang diambil dijual dengan harga yang tinggi. Oleh yang demikian, akta ini telah menimbulkan banyak masalah dan isu yang membawa kesan yang negatif dan juga menjejaskan imej kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping isu pengambilan tanah daripada orang awam, pihak-pihak tertentu juga sewenang-wenangnya meluluskan tanah lapang, tapak Dewan orang ramai, tanah untuk kepentingan orang awam pun juga diluluskan dan diserahkan kepada pihak swasta untuk kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi satu contoh. Di kawasan saya terdapat sebuah kampung tersusun Jelapang Tambahan. Di situ terdapat lebih kurang 400 buah rumah. Penghuni-penghuni di tempat tersebut adalah sekumpulan warganegara yang berpendapatan rendah. Mereka telah tinggal di sana selama 20 hingga 30 tahun. Tambahan pula ada 226 buah rumah terdiri daripada 73 keluarga kaum Cina dan 153 keluarga kaum India. Mereka terdahulu diarah oleh pihak Pejabat Tanah negeri demi meminta ke sana menjadi sebahagian penduduk di kampung tersusun Jelapang Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, resettlement, dengan izin, pendapatan semula oleh kerajaan pada tahun 19....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sedikit sahaja. Fasal pengambilan tanah, adakah Yang Berhormat sedar sahabat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Batu Gajah hendak beri jalankah atau tidak?

**Tuan Yeong Chee Wah:** Okay, sekejap.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Fasal ini terlibat negeri Perak saya terbaca. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ada satu projek yang raksasa yang akan dibuat dalam kawasan Parlimen Tambun yang akan terhakis orang-orang yang berpendapatan kecil yang berada dalam kawasan bandar di Ipoh. Jadi, ini pun merasa risau kepada Yang Berhormat dari Tambun. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri Perak patut mengkaji balik supaya jangan kawasan-kawasan yang ada orang miskin duduk ini dipinggirkan menyebabkan kerugian pendapatan dan juga tempat tinggal mereka?

**Tuan Yeong Chee Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju, oleh sebab itu dahulu dia pun ada mendakwa kepada saya, dahulu ada limau tambun, tetapi sekarang dan mungkin pada satu hari nanti sebiji limau tambun pun tidak boleh didapati. Jadi, saya memang setuju untuk mengekalkan tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, resettlement, dengan izin, penempatan semula oleh Kerajaan Tempatan tahun 1971 dan 1972 dari kawasan Jalan Pari dan Jalan Silibin, lot-lot rumah telah dikhaskan kepada mereka secara teratur dan terperinci. Tiap-tiap rumah keluasanya lebih kurang 4,500 kaki persegi. Pada masa itu TOL telah diberi kepada mereka mulai pada tahun 1970 hingga 1988. Tuan Yang di-Pertua, tapak itu pun juga di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Ipoh juga mengutip cukai tafsiran daripada mereka. Selepas TOL tanah ditamatkan pada tahun 1988 penghuni-penghuni telah menyediakan pelan-pelan susun atur dan borang-borang permohonan tanah untuk memohon hak milik tanah mereka masing-masing. Penghuni-penghuni juga diarah oleh pihak pejabat tanah untuk melantikan sebuah kompeni juruukur bagi menjalankan 'detail survey', dengan izin, dan juga menyediakan pelan susunatur kepada pejabat tanah kerajaan. Kawasan kampung tersusun Jalan Jelapang Tambahan telah disediakan dengan pelbagai kemudahan-kemudahan infrastruktur yang sempurna, bekalan air, lampu jalan, elektrik, telefon awam dan juga mempunyai jalan-jalan tar dan longkang-longkang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 28hb. November, 1995 penghuni-penghuni tempatan menerima surat daripada Pejabat Tanah Daerah Kinta menyatakan bahawa 100 peserta-peserta daripada 226 pemohon telah diluluskan dan akan mendapat notis 5A.. Untuk peserta-peserta yang lain, tindakan untuk memproses permohonan mereka akan dibuat secepat mungkin dan juga pada 20hb. Mac, 1996 pegawai dari Pejabat Daerah/Tanah juga mengarahkan penduduk-penduduk tempatan melantikan seorang juruukur bagi menyediakan pelan Q.T hakmilik sementara dan juga mengarah mereka menyediakan pelan-pelan ukur untuk diluluskan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, di samping 226 buah rumah yang saya sebutkan di atas lagi ada lebih kurang 150 buah rumah yang terdapat di sana melibatkan lebih kurang 200 keluarga tinggal setempat di situ. Saya difahamkan bahawa mereka sudah lama mengisi borang-borang permohonan title individu kepada pejabat tanah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya menerima beberapa surat rayuan daripada penghuni-penghuni yang tersebut di atas merayu kepada saya bahawa mereka telah menerima ugutan-ugutan daripada pihak pemaju bahawa rumah-rumah mereka akan diroboh dan juga mengarah mereka pindah ke tempat lain dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih dan hairan macam mana tapak untuk kampung tersusun pada awalnya boleh jadi tapak pembangunan swasta. Saya juga ingin mendapat penjelasan mengapakah permohonan penghuni-penghuni sudah ditutup di sana selama lebih 20 hingga 30 tahun tidak diperolehi, tetapi pihak pemaju boleh mendapati block title over night, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersimpati pada penghuni-penghuni di tempat itu, oleh kerana tempat yang mereka duduki telah dipersetujui dan diluluskan oleh Pejabat Tanah Kerajaan Negeri sebagai sebuah kampung tersusun pada awalnya, tetapi pada akhirnya tapak tersebut telah diserahkan kepada pihak pemaju baru-baru ini untuk tujuan pembangunan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan sekali lagi mengapakah tapak yang sudah lama diisytihar dan juga telah diluluskan oleh pihak kerajaan menjadi sebuah kampung tersusun kepada penduduk-penduduk tempatan boleh ditarik balik dan menyerahkan kepada pihak pemaju untuk pembangunan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah kawasan tapak tersebut adalah lebih kurang 71 ekar, apabila penghuni-penghuni merayu kepada pihak pejabat tanah barulah pejabat tanah bersetuju menolak sebahagian tanah agar 22 ekar untuk tujuan sebagai kampung tersusun. Tetapi tanah seluas 22 ekar ini hanya boleh menampung dan menyelesaikan masalah 150 buah sahaja dan selebihnya 250 buah rumah mungkin akan diruntuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada prasangka atau apa-apa halangan tentang perkembangan dan kemajuan pembangunan di tapak tersebut, tetapi berdasar kepada perikemanusiaan, kita mesti mengambilkira dan bersimpati kepada golongan yang susah dan sukar mendapat rezeki harian dan juga perkara ini akan menjejaskan imej kerajaan dan menghina masyarakat penyayang yang sentiasa diutamakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, di samping menyokong Rang Undang-undang

bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960, saya ingin merayu kepada Kerajaan Pusat demi menitik berat dan mengawal semula penyalahgunaan hak berkuasa demi menjaga kepentingan orang awam khasnya pada orang ramai yang berpendapatan rendah. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Shah Alam.

5.50 ptg.

**Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 dan mengucapkan syabas di atas keprihatinan dan kesediaan kerajaan membuat keputusan di atas berikutan dengan rasa tidak puas hati dan beberapa masalah yang dihadapi oleh tuan-tuan tanah yang terlibat terutama sejak pindaan yang dibuat melalui akta yang berkuatkuasa pada 13hb. September, 1993 khususnya seksyen 3(b).

Ada dua isu penting yang selalu menimbulkan masalah dan rasa tidak puas hati di kalangan tuan-tuan tanah yang terlibat.

- (i) pelaksanaan seksyen 3(b) mengenai tujuan pengambilan tanah; dan
- (ii) seksyen 12, 35 dan 47 mengenai penilaian pampasan tanah yang diambil.

Walaupun kerajaan telah menyediakan garis panduan bagaimana seksyen 3(b) ini patut dilaksanakan, namun terdapat beberapa kelemahan dari segi pelaksanaan di peringkat negeri yang menimbulkan masalah kepada tuan-tuan tanah yang terlibat. Dalam konteks ini saya ingin mendapat penjelasan dari Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sejauh manakah kuasa Kerajaan Pusat untuk memastikan kerajaan negeri mematuhi garis-garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara. Walaupun tanah adalah di bidang kuasa kerajaan negeri, tidakkah ada suatu mekanisme yang berkesan melalui kuasa pentadbiran dan politik yang membolehkan Kerajaan Pusat bertindak segera membatalkan sebarang keputusan kerajaan negeri yang bertentangan dengan garis panduan akta yang telah ditetapkan.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas keputusan kerajaan meminda seksyen 3 dan memperkenalkan seksyen baru 3A, 3B, 3C, 3D, 3E dan 3F yang menetapkan garis panduan secara terperinci bagaimana seksyen 3 patut dilaksanakan.

Syarat-syarat yang lebih ketat dan yang dikenakan kepada sebarang permohonan pengambilan balik tanah sangatlah penting dan dialu-alukan bagi melindungi kepentingan pemilik-pemilik tanah dan memastikan pengambilan balik tanah tersebut benar-benar perlu dan memberikan faedah kepada negara dan orang ramai dan tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyokong pembentukan Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 3C. Adalah diharapkan Jawatankuasa ini akan benar-benar berfungsi sebagai sebuah badan yang bebas dan merupakan satu mekanisme 'check and balance', dengan izin. Jawatankuasa ini hendaklah memastikan syarat-syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan dipatuhi dan yang lebih penting proses pengambilan tanah dibuat mengikut jadual dan tempoh masa yang telah ditetapkan, kerana sebarang kelambatan akan merugikan kedua-dua pihak sama ada pihak pemohon dan pemilik tanah.

Pengalaman-pengalaman kita di masa yang lalu menunjukkan proses pengambilan balik tanah mengambil masa yang begitu lama. Oleh itu saya mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas bertindak sebagai 'one stop agency', dengan izin, yang diketuai oleh Pejabat Tanah dan Galian di peringkat negeri ditubuhkan bagi memastikan dan menyelaraskan supaya semua hal-ehwal yang berkenaan dengan pengambilan balik tanah dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu isu yang selalu menimbulkan rasa tidak puas hati ialah nilai pampasan tanah yang diambil balik oleh pihak berkuasa negeri. Kebanyakan daripada kes pengambilan tanah yang dibawa ke Mahkamah Tinggi adalah kes-kes bantahan pemilik-pemilik tanah mengenai pampasan tanah-tanah yang diambil balik. Walaupun Akta Pengambilan Tanah telah memberikan garis panduan penilaian tanah dibuat seperti di dalam Jadual Pertama, masih terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki dan garis panduan baru perlu diperkenalkan berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang lalu dan perubahan-perubahan yang berlaku pada masa ini.

Adalah diharapkan bahawa dengan pindaan-pindaan yang dibuat dalam Jadual Pertama, nilai pampasan tanah yang akan ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri melalui pejabat tanah atau melalui mahkamah jika perkara ini dirujuk kepada mahkamah, lebih munasabah dan adil dan dapat

diterima oleh semua pihak yang terlibat. Malahan bukan sahaja penilaian itu munasabah dan adil, tetapi hendaklah juga dibuat dengan kadar yang segera dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh akta ini.

Kelambatan proses penilaian di masa-masa yang lalu banyak menimbulkan rasa tidak puas hati daripada tuan-tuan tanah yang terlibat terutamanya jika tanah diambil di bawah Sijil Segera Borang K, di bawah seksyen 19 dan seksyen 22 Akta Pengambilan Tanah. Kelambatan untuk mendapatkan keputusan penilaian bagi kes-kes pengambilan tanah di bawah Sijil Segera bukan sahaja membebankan pemilik tanah yang lambat mendapat pampasan, tetapi juga kepada pihak yang memohon tanah tersebut kerana terpaksa membayar faedah yang besar bermula daripada mereka mengambil milik tanah tersebut. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Task Force di peringkat pejabat pengarah tanah negeri yang bertanggungjawab khusus untuk menyelaraskan kerja-kerja penilaian yang biasanya bertambah rumit jika melibatkan kawasan-kawasan yang besar dan banyak lot tanah yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai penilaian tanah-tanah rizab Melayu yang terpaksa diambil oleh pihak berkuasa negeri di bawah akta ini. Walaupun peruntukan seksyen 1(2A) Jadual Pertama menetapkan garis panduan bahawa penilaian tanah-tanah rizab Melayu atau tanah-tanah adat tidak sepatutnya diasaskan kepada statusnya sahaja yang dianggap mempunyai potensi yang terhad. Namun dalam banyak kes penilaian yang dibuat tanah-tanah tersebut masih mendapat nilai yang lebih rendah daripada harga pasaran sebenar atau lebih rendah daripada tanah-tanah bukan simpanan Melayu yang berhampiran. Pemilik-pemilik tanah rizab Melayu juga selalunya tidak mencabar keputusan di mahkamah, kerana mereka kurang mampu membayar kos mahkamah dan proses mengambil masa yang begitu lama. Oleh sebab itulah mereka terpaksa menerima keputusan penilaian kerajaan, walaupun mereka sedar bahawa penilaian tanah mereka tidak munasabah.

Saya berharap pihak berkuasa negeri sebolehnya dapat mengelakkan daripada mengambil balik tanah-tanah rizab Melayu yang makin berkurangan dan carilah alternatif lain jika benar sesuatu projek itu terpaksa juga dilaksanakan. Tetapi kalau terpaksa diambil balik, pastikan diberikan pampasan yang sewajarnya atau berikan tanah gantian di kawasan-kawasan lain sekiranya terdapat tanah-tanah kerajaan negeri di kawasan-

kawasan yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin sekali lagi menegaskan bahawa keputusan kerajaan untuk meminda Akta Pengambilan Tanah jelas membuktikan keprihatinan kerajaan tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat yang terlibat dan selaras dengan falsafah dan peruntukan dalam Akta Pengambilan Tanah dan Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan mengenai hak ke atas harta milik. Pindaan ini juga membuktikan tanggungjawab sosial Kerajaan Barisan Nasional dan prinsip keadilan kepada pemilik-pemilik tanah seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, tetapi kita perlu mengakui hakikat bahawa akta ini sangat perlu diadakan dengan garis panduan yang telah dipinda dan diperketatkan kerana kekurangan tanah kerajaan yang sesuai untuk sesuatu pembangunan ekonomi dan infrastruktur bagi kepentingan negara dan bagi memastikan kepesatan pembangunan negara tidak terjejas hanya semata-mata tidak terdapat tanah kerajaan untuk projek-projek pembangunan yang diperlukan oleh rakyat. Sebab itulah kita perlu menerima hakikat ini bahawa kita terpaksa menggunakan kuasa dan peruntukan yang telah pun diberikan oleh Akta Pengambilan Tanah untuk meneruskan projek-projek pembangunan kerajaan. Jadi, dengan kata-kata ini saya memohon untuk menyokong. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tumpat.

6.00 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, sudah 11 kali bangun, baru dapat. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berucap bagi membincangkan rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960.

Setelah kita meneliti dan melihat semua keseluruhan daripada fasal-fasal yang telah dikemukakan ini bahawa merupakan kerajaan sudah pun menyedari kesilapan yang telah dilakukan oleh kerajaan. Dan kita merasakan bahawa pindaan ini dibuat yang bertujuan di antara lain ialah untuk menyekat atau menghalang daripada penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak tertentu dan yang kedua, bagi menghalang daripada tuan punya tanah dianaiyai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat jenis-jenis tanah ini banyak jenis, ada tanah kerajaan, tanah

rakyat, tanah adat, tanah wakaf dan juga tanah rizab Melayu. Kita tidak boleh berbangga dengan pembentangan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997 ini kerana pindaan ini jelas merupakan suatu pengajaran terhadap sikap degil pihak kerajaan terhadap teguran parti-parti Pembangkang. Tindakan kerajaan ini semata-mata ibarat orang yang parah pecah kepala kerana terhantuk bendul, tetapi bila malang lagi akibat tragedi itu, pihak kerajaan cuba untuk menjadi jaguh pula. Sebagaimana yang kita dengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap sebelum daripada saya terutama daripada pihak parti kerajaan.

Analisa beberapa kes yang diputuskan oleh mahkamah tempatan berkaitan dengan protes terhadap pengambilan tanah rakyat adalah didapati beberapa alasan sering digunakan oleh peguam pembela pihak pemilik tanah yang mencabar pengambilan tanah. Di antaranya ialah:

- (i) prosedur yang ditetapkan di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 itu tidak dipatuhi;
- (ii) prinsip keadilan semula jadi (natural justice) tidak dipatuhi;
- (iii) pengambilan tanah itu adalah satu tindakan bermotifkan jahat;
- (iv) pengambilan tanah itu adalah suatu hasil pakatan jahat;
- (v) pihak berkuasa negeri (PBN) tidak melaksanakan maksud asal pengambilan tanah itu;
- (vi) pengambilan tanah itu tidak memanfaatkan rakyat bahkan mendatangkan mudarat kepada rakyat, alam sekitar dan sebagainya; dan
- (vii) terdapat kes pengambilan tanah oleh pihak PBN kerajaan negeri tetapi dibatalkan setelah melihat reaksi dan maklum balas rakyat setempat, yang besar kemungkinan mengancam dan menggugat pengaruh dan imej politik pihak tertentu. Kes-kes yang sedemikian banyak berlaku di Melaka, Kedah beberapa tahun yang lalu.

Baru-baru ini Sultan Selangor telah menyatakan kebimbangannya terhadap kepupusan tanah di negeri Selangor sehingga Baginda mengeluh bahawa sekiranya keadaan penjualan tanah dan pengambilan tanah terus berleluasa di dalam keadaan dan kecenderungan seperti sekarang ini.

Baginda sendiri tidak tahu di mana hendak berhijrah dan mungkin terpaksa berhijrah ke Pulau Ketam. Kiranya seorang Sultan amat bimbang dalam masalah kepupusan tanah, betapakah lagi rakyat jelata yang dalam keadaan daif serta tidak berkemampuan pengambilan tanah yang berlaku sewenang-wenangnya di seluruh negara di atas nama pembangunan, bukan lagi menjadi rahsia dan orang Melayu khususnya merasa amat cemas dengan keadaan ini kerana tanah-tanah orang Melayulah yang paling banyak terlibat berbanding dengan tanah kaum-kaum lain dalam negara kita ini.

Tanah rizab Melayu sememangnya mengalami kepupusan yang drastik, satu hal yang tidak boleh dinafikan, keluasan tanah rizab Melayu yang dianggarkan lebih kurang 3 juta hektar, tetapi kini jumlah sekadar 1.5 juta hektar. Dari jumlah 8.5 ribu hektar tanah rizab Melayu yang telah hilang status untuk memberi laluan kepada projek-projek pembangunan hanya 2.8 ribu hektar atau lebih kurang 25% sahaja yang telah diganti semula oleh kerajaan negeri seperti yang dikehendaki oleh Akta Tanah Rizab Melayu.

Empat buah negeri yang gagal menggantikan semula tanah rizab Melayu ialah Kedah, Wilayah Persekutuan, Selangor. Wilayah Persekutuan mencatatkan pengambilan tanah rizab Melayu yang paling banyak tidak diganti iaitu 787.1 ribu hektar berbanding jumlah sebelumnya ialah 1.7 ribu hektar. Kedah di tempat kedua, dengan jumlah yang ada sekarang 830.6 ribu hektar berbanding jumlah asal 964.9 ribu hektar. Ini tidak termasuk projek yang terbaru yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar yang baru iaitu projek pesisiran pantai laut Kedah.

Perak di tempat ketiga, dengan 877.2 ribu hektar berbanding dengan 884.1 ribu hektar, manakala Selangor memiliki atau melupuskan 173.5 ribu hektar sekarang berbanding dengan 181.7 ribu hektar sebelumnya. Dengan tegas boleh dikatakan bahawa kiranya di zaman kita masih hidup lagi, kita dapat menyaksikan seorang Sultan telah merasa amat cemas kemungkinan terpaksa berhijrah ke Pulau Ketam, maka kesan atau padah yang amat buruk akan ditanggung oleh pemilik tanah rizab Melayu dalam jangka masa suku abad lagi. Mereka akhirnya terpaksa menjadi pelarian di tanah airnya sendiri. Ini tidak mustahil, Tuan Yang di-Pertua.

Kita ingin bertanya bahawa apakah dengan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997 ini segala tanah rizab Melayu, beratus ribu hektar yang telah hilang status itu akan dapat ditebus kembali.

Saya mencabar pihak kerajaan supaya berani bangkit memberikan jaminan tersebut, saya rasa tidak ada siapa pun di dalam Dewan ini yang berani memberikan jaminan tanah berkenaan akan dapat ditebus kembali, walaupun omong-omong yang kosong pernah dilemparkan dalam setiap kali menjelang pilihan raya, apa lagi pilihan raya kecil yang bakal diadakan nanti.

Kita tentulah tidak mahu pindaan kali ini kesannya hanyalah menyentuh aspek tertentu iaitu ibarat mengubat kudis dengan ubat plaster di sana sini, sedangkan pesakit berkenaan sebenarnya sedang menderita seluruh tubuh badannya kerana diserang oleh kanser.

Tuan Yang di-Pertua, akta pindaan ini nampaknya mencadangkan tindakan yang agak lunak, ada perlindungan dengan tuan tanah sebelum sesuatu tanah diambil dan sebagainya, berbanding sebelum pindaan. Walau bagaimanapun, maksudnya adalah sama iaitu untuk melaksanakan matlamat pembangunan Kerajaan Barisan Nasional iaitu membangun dengan segala kepentingannya yang tidak banyak manfaatnya kepada rakyat.

Matlamat tersebut jauh sekali daripada tujuan untuk mendaulatkan ketuanan Islam di mana semua manusia dapat bernaung dan berlindung dengan aman damai, selamat dan sejahtera. Contohnya, di bandar Kuala Terengganu, bandar ini memang nampaknya dibangunkan kerana negeri kaya rakyat miskin, tetapi apabila kita membuat tinjauan secara lebih dekat, kita tidak nampak orang-orang Melayu di sana berperanan utama dan penting. Jauh sekali soal ketuanan Islam yang akan menjadi warisan untuk kebanggaan dan jaminan kestabilan ekonomi, politik dan budaya anak cucu mereka.

Apa yang berlaku di bandar-bandar di seluruh negara kita sekarang, hanyalah kemajuan dan pembangunan yang pada hakikatnya meminggirkan orang-orang Melayu yang akhirnya akan menjadikan orang-orang Melayu sebagaimana rakyat Palestine dan Red Indian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam rang undang-undang ini atau akta pindaan ini tidak disebutkan masalah tempoh masa atau time frame, dengan izin, yang diwajibkan mengenai penyelesaian proses pengambilan tanah berkenaan yang mana akibatnya akan menyebabkan kelewatan bayaran pampasan dan sebagainya.

Perkara seperti ini banyak berlaku di Johor, Selangor dan Pahang, khususnya di kawasan-kawasan FELDA di mana syarikat-syarikat swasta

yang terlibat telah mengeksploitasikan tanah hak milik peneroka yang telah tergadai dengan hanya pembayaran pendahuluan 10% sehingga menafikan hak mereka untuk mengambil hasil kelapa sawit, getah dan sebagainya tanpa dapat dipastikan pula tempoh masa penafian hak mereka itu.

Saya juga ingin menyentuh mengenai pengambilan tanah di kawasan Koridor Multimedia seluas 15x50 kilometer yang mana banyak melibatkan tanah-tanah orang Melayu, kawasan ini yang dikurniakan syarat beroperasi tanpa sebarang sekatan atau kebebasan penuh. Sudah pasti akan menjadi satu kawasan yang merupakan sebuah negara kemerdekaan baru yang tersendiri atau the new independence state, dengan izin, di dalam sebuah negara yang mana rakyatnya tertakluk kepada pelbagai peraturan dan undang-undang. Tanah-tanah orang Melayu yang dikurniakan kepada Bill Gate ini bukan sahaja menghakis dan menghapuskan hak ketuanan Melayu. Oleh itu, status tanah orang-orang Melayu di kawasan MSC ini mestilah dikekalkan dan tidak sewajarnya diperjudikan dengan nasib dan kepentingan generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang saya ingin sentuh lagi ialah masalah tanah wakaf sebagaimana yang pernah berlaku di Pulau Pinang. Kes pengambilan tanah di Pulau Pinang yang melibatkan tanah wakaf, tanah tersebut dimajukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Pulau Pinang sedangkan maksud asal wakaf tersebut bukanlah untuk dimajukan secara komersial, tetapi lebih untuk kebajikan kepada umat Islam. Apa yang kita tahu dalam hukum fikah, tanah wakaf tidak boleh dijual beli dan tanah wakaf juga tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya, kecuali setakat dengan apa yang termaktub, yang tertulis di atas surat kenyataan wakaf oleh tuan punya wakaf.

Selain daripada itu pula, penggunaan kompleks komersial berkenaan, setengahnya ada digunakan untuk kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan kehendak Islam seperti kedai-kedai tersebut dijadikan sebagai kedai tempat judi, jual arak, pusat hiburan dan sebagainya. Saya rasa ini adalah amat menyalahi daripada kepentingan dan matlamat tanah wakaf itu diwakafkan oleh tuan punya tanah.

Sebelum saya mengakhiri, sukalah saya menyebut sekali lagi sebagaimana yang pernah saya sebut dalam tahun 1991 yang lalu supaya tuan punya tanah mestilah dilibatkan di dalam projek-projek yang mahu dilaksanakan terutama oleh pihak pelaksanaan bagi satu-satu projek dalam kawasan tersebut.

Yang kedua, yang kita minta dan alhamdulillah nampaknya dalam akta pada hari ini kita lihat apa yang saya cakapkan itu telah dimasukkan, saya ucapkan terima kasih. Lama, lambat, sudah berapa tahun baru dengar, kerajaan baru sedar, berfikir lambat, ini susah. Pada hari ini saya mahu beri satu cadangan yang baru, mungkin tidak didengar sekarang dan akan didengar lima tahun yang akan datang. Cadangan baru saya ialah kerajaan hendaklah memberi pampasan kepada tuan punya tanah sesuai dengan nilai projek, bukan nilai semasa atau nilai setempat sebagaimana yang ada sekarang ini. Saya rasa cadangan saya itu cantik dan mestilah dapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Gelang Patah.

6.18 ptg.

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahar Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997 pada petang ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap terma cadangan pindaan Akta Pengambilan Tanah pada kali ini iaitu untuk menyekat kecenderungan pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan kuasa mereka bagi mendapatkan keuntungan peribadi di bawah Akta Pengambilan Tanah yang sedia ada dengan menggadaikan kepentingan pemilik-pemilik tanah, khasnya para pekebun kecil. Saya menyokong sepenuhnya cadangan-cadangan pindaan yang dikemukakan bagi tujuan memperketatkan proses pelaksanaan pengambilan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, prosedur-prosedur pengambilan tanah yang lebih ketat memanglah wajar diperkenalkan bagi mengelakkan pengambilan tanah yang sewenang-wenangnya memandangkan dalam kebanyakan kes pengambilan tanah, tanah yang diambil daripada para pemilik tanah terutama daripada pekebun kecil merupakan kepingan tanah milik mereka yang tunggal yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka. Selalunya mata pencarian para pekebun kecil ini juga bergantung kepada kepingan tanah yang tunggal ini. Oleh yang demikian, sebarang pengambilan tanah yang dilakukan tanpa mempertimbangkan kebajikan pemilik tanah dari segi jangka panjang adalah satu perbuatan yang cukup tidak bertanggungjawab.

Pengambilan tanah daripada para pekebun kecil dengan sewenang-wenangnya juga tidak selaras dengan usaha pihak kerajaan untuk mengagihkan kekayaan negara dengan lebih adil dan saksama. Justeru itu, saya berpendapat pindaan kali ini cukuplah bermakna dan jelas menunjukkan komitmen pihak kerajaan untuk mempertahankan kepentingan pemilik-pemilik tanah, terutamanya para pekebun kecil yang selalunya menjadi mangsa eksploitasi golongan bermodal sama ada secara sengaja ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat bersetuju dengan cadangan pindaan ini di mana pengambilan tanah bagi projek yang membabitkan kepentingan awam mestilah terlebih dahulu mengambil pandangan bukan sahaja daripada pemilik tanah tetapi juga perlu mendapatkan pandangan daripada orang ramai. Saya berasa pengambilan pandangan atau pendapat daripada penduduk sekitar terhadap pembangunan projek yang dikatakan menyumbang kepada kepentingan awam adalah amat mustahak dan wajar. Ini adalah kerana penduduk tempatan merupakan golongan yang paling layak untuk menilai dan membuat keputusan sama ada projek yang dicadangkan itu benar-benar selari dengan kepentingan awam mereka.

Tuan Yang di-Pertua, demi melicinkan komunikasi di antara penduduk tempatan dan pihak berkuasa yang bercadang untuk mengambil sekeping tanah bagi pembangunan projek yang berkepentingan awam, saya mencadangkan bahawa sekurang-kurang seorang wakil rakyat iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan tersebut atau kedua-dua ADUN dan Ahli Parlimen kawasan tersebut mesti dipelawa untuk menghadiri semua mesyuarat yang diadakan pada peringkat sebelum tanah tersebut dikenal pasti untuk diambil iaitu sebelum cadangan pengambilan tanah dirujuk kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri. Ini adalah bagi memastikan bahawa pandangan dan pendapat daripada penduduk tempatan dapat disampaikan kepada pihak berkuasa dengan berkesan dan pihak berkuasa mesti mengambil berat pendapat yang dikemukakan oleh orang ramai dalam membuat keputusan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat bersetuju bahawa pemilik tanah mesti diberi tawaran untuk turut serta dalam projek-projek pembangunan yang dilakukan di atas tanah yang akan diambil oleh pihak berkuasa daripada pemilik tanah tersebut. Namun demikian, dari segi pelaksanaan, tawaran-tawaran yang dibuat kepada pemilik tanah tidak harus

mempunyai sebarang syarat tambahan yang mengkehendaki para pemilik tanah menyumbangkan sebarang modal tunai atau beban kewangan lain yang di luar kemampuan pemilik tanah tersebut. Ini adalah bagi mengelakkan keadaan di mana para pemilik tanah terpaksa melepaskan tawaran tersebut kerana gagal memenuhi tuntutan tambahan yang saya kira tidak adil kepada mereka. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pindaan kali ini dapat turut mempertimbangkan isu ini supaya kepentingan pemilik tanah dari segi jangka panjang dapat dipertahankan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya ingin menekankan bahawa pihak berkuasa mesti sentiasa memberi keutamaan kepada rancangan pembangunan yang sudah dirangka oleh pemilik tanah itu sendiri. Sekiranya pemilik tanah telah mempunyai perancangan untuk membangunkan tanah mereka sendiri, pihak berkuasa tidak harus membuat sebarang cadangan untuk mengambil tanah tersebut. Ini adalah sangat penting, sebaliknya pihak berkuasa mesti memberikan tempoh masa sekurang-kurangnya satu tahun bagi membolehkan pemilik tanah tersebut mengemukakan rancangan pembangunannya secara terperinci. Hanya setelah dikenal pasti bahawa pemilik tersebut tidak berniat untuk membangunkan tanah mereka sendiri, barulah prosedur-prosedur pengambilan tanah boleh diteruskan mengikut peruntukan undang-undang.

Selain daripada itu, saya juga berharap pihak berkuasa dapat memastikan bahawa cadangan pemilik tanah untuk membangunkan tanah sendiri dapat dipertimbangkan dengan penuh adil. Pihak berkuasa perlu berhati-hati dalam menangani isu sedemikian supaya para pemilik tanah tidak merasakan yang mereka terdesak untuk menggugurkan rancangan pembangunan mereka yang asal bagi membuka laluan kepada pengambilan tanah oleh pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyentuh tentang isu pemeliharaan alam sekitar. Adalah jelas bahawa kebanyakan kawasan yang bakal diambil untuk pembangunan merupakan kawasan yang pada masa sekarang dipenuhi pokok dan tumbuh-tumbuhan. Sekiranya kawasan tersebut diambil untuk dibangunkan, maka pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan tersebut akan terpaksa ditebang dan ini mempunyai kesan yang mendalam terhadap keseimbangan alam sekitar. Dalam konteks ini, persoalan pemeliharaan alam sekitar tidak harus dilihat sebagai satu halangan yang akan membantut pembangunan negara. Kita perlu

sedar bahawa pembangunan yang tidak terancang akan mendatangkan kesan yang tidak diinginkan. Oleh itu, saya berharap pihak kerajaan negeri ketika membuat keputusan muktamad terhadap sebarang cadangan pengambilan tanah dapat turut mengambil kira kesan terhadap keadaan alam sekitar dan sistem ekologi sekeliling yang akan dibawa oleh sesuatu projek pembangunan yang akan dimulakan di atas tanah yang diambil itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa dalam apa jua keadaan, sebarang cadangan untuk mengambil sebidang tanah atas nama pembangunan mestilah memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada kepentingan dan kebajikan para pemilik tanah dari segi jangka panjang. Walaupun cadangan pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah yang dikemukakan ini telah memperkenalkan beberapa langkah yang bertujuan menjaga kepentingan para pemilik tanah, namun kita perlu sedar bahawa sebarang penggubalan undang-undang tidak akan dapat menyentuh kesemua isu yang bakal timbul kepada pelaksanaannya, begitu juga dengan pindaan kali ini. Maka saya ingin menyeru kepada pihak berkuasa supaya peka kepada hasrat dan pandangan pemilik tanah ketika menjalankan prosedur-prosedur pengambilan tanah kerana bagi kebanyakan pemilik tanah-tanah yang ditinggalkan nenek moyang mereka bukan sahaja mempunyai nilai dari segi kewangan tetapi juga mempunyai nilai sentimental.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada hujah-hujah saya tadi, saya ada beberapa cadangan di sini supaya dengan pindaan ini agar ia benar-benar mewujudkan keadilan sosial kepada pemilik tanah, iaitu sepatutnya bila ada kes-kes pengambilan tanah, tarikh penilaian patut diambil kira pada tarikh tawaran pampasan atau siasatan (inquiry) yang mana akan memanfaatkan pemilik tanah dan pihak berkuasa dalam pengambilan tanah. Jika tidak boleh buat demikian, adalah wajar bayaran bunga (interest) perlu dibayar kepada pemilik tanah dengan kiraan mulai daripada tarikh gazet pengambilan tanah hingga tarikh pembayaran. Cara ini adalah adil kepada pemilik tanah.

Yang kedua, bayaran pampasan patut dibayar kepada pemilik tanah dalam tempoh enam bulan selepas tarikh tawaran atau siasatan.

Yang ketiga, pampasan perlu diambil kira kos perundangan, penilaian dan lain-lain kos konsultasi yang dibelanjakan oleh pemilik tanah yang terbabit dalam pengambilan tanah kerana pemilik tanah adalah dipaksa dalam kes pengambilan tanah. Mereka bukan willing seller, dengan izin.

Yang keempat, daripada definisi yang terkandung di dalam pindaan ini, saya tidak nampak ada definisi untuk 'market value'. Saya cadangkan supaya definisi untuk 'market value' patut dimasukkan supaya ia dapat mewujudkan 'equitability' dalam prosedur pengambilan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan rasa tidak puas hati daripada pemilik-pemilik tanah terutama pekebun-pekebun kecil yang terlibat dalam kes pengambilan tanah dalam projek laluan kedua Bandar Baru Nusa Jaya di Gelang Patah - dalam kawasan Parlimen saya yang mana selepas gazet dikeluarkan pada tahun 1992 dan tawaran-tawaran pampasan diberikan pada tahun 1993, boleh dikatakan kebanyakan pemilik tanah terutama pekebun kecil tidak bersetuju dengan tawaran pampasan yang diberikan oleh pihak berkuasa negeri dan kebanyakan pemilik-pemilik tanah membawa kes ini ke mahkamah tetapi malangnya bila kes ini dibawa ke mahkamah, mahkamah berikan penilaian dan ganti rugi yang lebih rendah daripada apa yang ditawarkan. Pekebun-pekebun kecil.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tahu mahkamah tidak boleh beri lebih murah daripada yang ditawarkan oleh pegawai tanah mengikut undang-undang.

**Tuan Chang See Ten:** Tetapi kes ini sudah lebih murah daripada yang ditawarkan, RM40,000 seekar tetapi mahkamah tetapkan RM27,000 sahaja. Pemilik-pemilik pekebun kecil diberitahu supaya mengembalikannya RM13,000 balik kepada pihak kerajaan negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setahu saya mahkamah tidak boleh berbuat begitu.

**Tuan Chang See Ten:** Tetapi kes ini, sebab itu saya ingin bawa dalam Dewan yang mulia ini, kes ini sudah menyebabkan pekebun-pekebun kecil di Gelang Patah bingung dengan formula yang digunapakai oleh mahkamah dalam penyelesaian kes-kes rayuan berkaitan hak mereka untuk mendapatkan bayaran pampasan yang lebih saksama dalam isu pengambilan semula tanah oleh kerajaan di Gelang Patah bagi tujuan pembangunan projek laluan kedua yang menghubungkan Gelang Patah, Johor dengan Tuas di Singapura.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa dia masih boleh buat rayuan.

**Tuan Chang See Ten:** Sekarang mereka sedang buat rayuan ke Mahkamah Tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, jikalau begitu perkara itu subjudicee, Yang Berhormat, jangan berucap.

**Tuan Chang See Ten:** Saya bawa hari ini cuma ceritakan mereka rasa tidak puas hati tetapi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan pindaan Akta Pengambilan Tanah ini ia akan dapat membawa keadilan dan kredibiliti kerajaan di dalam kes-kes pengambilan tanah.

Dengan kata-kata yang demikian, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada lapan orang lagi yang hendak berucap. Bagaimana kita hendak membahagikan masa sekarang. Kalau benarkan saya cadangkan Yang Berhormat berucap sepuluh minit ya, boleh tidak? Oleh kerana saya ada kuasa meminta Yang Berhormat Menteri menjawab tetapi oleh sebab Yang Berhormat telah pun membuat persediaan tidak patut saya berbuat demikian. Okay. Kelang, sepuluh minit, Yang Berhormat.

6.33 ptg.

**Dr. Tan Yee Kew [Kelang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskanlah sahaja ya, janganlah.....

**Dr. Tan Yee Kew:** ...Ya, mengenai pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan ya.

**Dr. Tan Yee Kew:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Pindaan yang dibuat ke atas seksyen 3B dan C dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 telah menyebabkan timbulnya banyak masalah sejak ia mula dikuatkuasakan pada tahun 1991. Pindaan ini telah difikirkan perlu dengan tujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi ataupun pembangunan semula tanah bagi faedah negara. Seperti kebanyakan undang-undang yang dibentuk, walaupun tujuannya baik tetapi pelaksanaannya sentiasa terbuka kepada penyalahgunaan.

Sejak mula dikuatkuasakan banyak aduan yang telah diterima. Antara yang agak serius ialah tanah telah diambil daripada pihak pemilik yang berupaya dan yang memang mempunyai tujuan untuk membangunkan tanah mereka. Malangnya tanah ini akhirnya diberi kepada pihak ketiga yang

melaksanakan pembangunan yang serupa ke atas tanah itu. Ada juga diterima aduan bahawa tanah telah diambil dengan pampasan yang paling minimum tetapi kemudiannya diberikan kepada pihak ketiga yang menjualnya dengan harga yang tinggi. Dengan itu pihak yang ketiga telah mendapat keuntungan yang besar tanpa membangunkan tanah berkenaan.

Kadangkala tanah diambil dengan rela untuk tujuan kemudahan awam tetapi kemudiannya diberikan kepada pihak ketiga untuk pembangunan komersial. Pindaan semasa bagi seksyen 3 dan memasukkan seksyen-seksyen baru 3A, 3B, 3C, 3D, 3E dan 3F adalah bertujuan untuk mengatasi segala kelemahan dan kekurangan di dalam akta sebagaimana yang telah disebutkan pada awalnya. Secara amnya, sementara saya bersetuju dan menyokong bahawa pindaan-pindaan tersebut akan membantu mengurangkan penyalahgunaan dan dengan itu menambahkan keyakinan orang awam terhadap akta tersebut, walau bagaimanapun saya ingin membawa perhatian kementerian terhadap beberapa perkara.

Pertama, iaitu di bawah seksyen 3 subseksyen (6), walaupun ia memberi perlindungan kepada pemilik tanah yang telah mendapat kelulusan pembangunan dan dengan itu tanahnya terlindung daripada pengambilan tetapi ianya tidak melindungi seorang pemilik tanah yang sedang dalam proses memohon kelulusan bagi pembangunan tanahnya. Terdapat aduan daripada pemilik tanah bahawa mereka telah tidak berjaya mendapatkan kelulusan untuk membangunkan tanah mereka walaupun telah bertahun mereka memohon dan menunggu jawapan. Ini adalah kerana ada pihak yang berminat untuk mengambil tanah tersebut bagi kegunaan sendiri.

Untuk memastikan teknik yang tidak wajar ini tidak berterusan di dalam usaha pengambilan tanah, saya rasa pihak berkuasa negeri seharusnya menolak permohonan pengambilan tanah sekiranya pemilik tanah berdaftar telah pun mendapat kelulusan untuk pembangunan tanahnya dan juga sekiranya pemilik berdaftar telah pun memohon untuk pembangunan tanah miliknya.

Perkara yang kedua ialah berkenaan dengan seksyen baru 3A. Seksyen ini memberikan peluang kepada pemilik tanah berdaftar mengambil bahagian di dalam projek di mana tanah itu diambil sekiranya pemilik tanah telah pun mendapatkan kelulusan pembangunan sebelum ini dan sekiranya pengambilan itu untuk kegunaan awam. Saya rasa peluang untuk mengambil bahagian di dalam projek

pembangunan ke atas tanah yang diambil patut diberikan kepada pemilik tanah secara automatik, tidak kira sama ada mereka telah pun mendapat kelulusan pembangunan ke atas tanah mereka ataupun tidak dan tidak kira sama ada tanah itu diambil untuk tujuan kegunaan awam ataupun untuk pembangunan komersial persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya faedah diperolehi oleh pihak persendirian yang akan membangunkan tanah itu untuk keuntungan ekonomi, maka sepatutnyalah pemilik tanah tersebut diberi peluang mengambil bahagian di dalam projek yang dirancang. Ini adalah kerana peruntukan akta membenarkan pengambilan tanah oleh orang persendirian atau badan korporat untuk tujuan pembangunan komersial atau industri kerana hendak memastikan tanah tapak dibangunkan dengan sempurna agar dapat memberi faedah kepada negara dan menghasilkan peluang yang tinggi kepada rakyat. Oleh itu hasil pembangunan seharusnya dikongsi bersama oleh pemilik tanah yang asal dan pihak yang memohon pengambilan tanah. Penyingkiran pemilik tanah yang asal dalam projek pembangunan akan menafikannya daripada memperoleh faedah pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuhkan di sini ialah pindaan yang dicadangkan itu tidak memperkenalkan sebarang mekanisme baru di dalam akta untuk menghalang sesiapa sahaja yang membuat permohonan untuk pengambilan tanah dengan tujuan untuk menjualnya semula dan dengan itu mendapat untung yang besar dan bukan sebenarnya untuk pembangunan sepertimana yang didakwa di dalam permohonan pengambilan tanah.

Memandangkan penyalahgunaan serupa ini sering berleluasa di masa-masa lalu, peruntukan-peruntukan harus dimuatkan di dalam akta ini agar keutamaan diberi kepada pemilik tanah asal diberi pilihan membeli semula tanahnya pada harga ianya diambil sekiranya perolek pembangunan yang dijadualkan itu tidak berjaya. Saya rasa dengan cara ini hanya pihak yang benar-benar mempunyai tujuan untuk membangunkan tanah akan membuat permohonan untuk mengambil tanah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh disangkal lagi bahawa pindaan yang dicadangkan hari ini telah menjadikan akta ini undang-undang yang bertambah adil tetapi memandangkan betapa kompleksnya akta ini, saya menggesa agar Yang Berhormat Menteri terus berusaha untuk memperbaikinya dan dalam berbuat demikian sila pertimbangkan tiga perkara yang telah saya timbulkan tadi.

Dengan kata-kata ini, saya memohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong.

6.43 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan dua perkara sahaja dan ini adalah mengenai seksyen 40D baru yang ada digantikan melalui pindaan dalam rang undang-undang ini iaitu khasnya seksyen 40D, perenggan ketiga:

“Any decision made under this section is final and there shall be no further appeal to a higher Court on the matter”

Ini bermakna selepas satu keputusan telah diberi ke atas pampasan oleh dua assessor ini dan hakim mahkamah, tidakkah ada apa-apa jalan untuk merayu kepada satu mahkamah yang tinggi daripada mahkamah ini. Saya hairan kerana seksyen 27 dalam rang undang-undang ini meminda seksyen 49(1) akta ibu iaitu apa yang hendak dipotongkan adalah ini, bagi proviso:

“...provided that where the decision comprises an award or compensation there shall be no appeal later on” dan “unless the amount awarded by the court exceed RM5,000” adalah dipotong di dalam peruntukan ini.

Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, atas pampasan langsung tidak ada apa-apa rayuan. Jika begitu, rayuan kepada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan adalah atas apa, keputusan apa. Saya sudah meneliti dengan baik semua peruntukan tetapi saya hairan kenapa tidak ada satu rayuan bagi pampasan kepada Mahkamah Rayuan dan selepas itu kepada Mahkamah Persekutuan.

Perkara yang kedua, Tuan Speaker, ini ada dibangkit kerap kali dalam Dewan yang mulia ini, dan baru-baru ini Kanun Acara Jenayah, khasnya seksyen 173F dan 180 ada dipinda untuk memperuntukkan satu *prima facie* case di akhir kes pendakwaan. Dalam pindaan itu pun *prima facie* tidak di'fine'kan. Sekarang dalam Third Schedule dalam Akta Ibu ada dipinda, khasnya Third Schedule item 2(1) berbunyi sekarang, “The applicant valuer report the loan must establish a *prima facie* case for the applicant.”

Di sini pun, tidak ada apa-apa tafsiran bagaimana jadi satu *prima facie* case. Baru-baru ini dalam satu kes selepas pindaan kepada Kanun Acara Jenayah, dalam kes Lt. Kol. Yusof dan diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam bulan Januari tahun

ini. Apa yang diputuskan bagi tafsiran *prima facie* oleh Mahkamah Rayuan means ‘beyond reasonable doubt’. Ini bermakna tidak ada apa-apa perbezaan. Apa yang wujud dahulu daripada pindaan masih wujud. Jika itu, beyond reasonable doubt apa yang diperlukan bagi seorang tuan tanah untuk prove his case, ini jadi satu standard of prove yang tertinggi sekali atas seseorang tuan tanah.

Saya harap kementerian khasnya Peguam Negara meneliti dengan baik kedua-dua seksyen ini untuk menentukan tidak ada kekeliruan apabila rang undang-undang ini diluluskan dan terpakai dan tafsiran ada diberi kepada seksyen-seksyen ini yang saya telah sebut tadi dalam mahkamah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mentakab.

6.49 ptg.

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tindakan kerajaan membentangkan akta ini walaupun ia telah lama ditunggu-tunggukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi kepada perkara yang saya akan sentuh untuk menjimatkan masa, iaitu perkara seksyen 3(6) di mana sesuatu permohonan pengambilan tanah adalah bukan untuk kemudahan awam, dan jika tanah tersebut telah mendapat kelulusan pembangunan, pentadbir tanah hendaklah menolak permohonan tersebut. Saya menyambut dengan baik pindaan ini kerana jika seorang pemilik telah pun bercadang dan mampu membangunkan tanahnya serta memperolehi kelulusan pembangunan, iaitu term of approval dari pihak berkuasa tempatan, tetapi tanahnya masih boleh diambil oleh orang lain untuk tujuan komersial, maka hak pemilikan tanah tiada bermakna lagi dari segi undang-undang. Saya anggap perkara ini merupakan satu prinsip pokok yang tidak boleh dikompromikan. Oleh itu, saya berasa gembira bahawa pindaan ini akan memberi jaminan yang diperlukan.

Cuma saya berpendapat peruntukan ini sepatutnya diperluaskan merangkumi kes-kes di mana tuan tanah telah memohon untuk mendapat kelulusan pembangunan, tetapi masih menunggu keputusan daripada pihak berkuasa tempatan. Ini adalah berasaskan kepada pandangan bahawa jika seorang tuan tanah telah mengemukakan cadangan pembangunan tulen dan telah membayar deposit untuk mendapat kelulusan pembangunan, maka kita harus menghormati haknya sebagai tuan tanah dan hasratnya untuk membangunkan tanah berkenaan.

Tambahan lagi proses mendapat kelulusan pembangunan mungkin mengambil masa yang agak lama, maka kita perlu mengelakkan kemungkinan berlaku pihak tertentu sengaja melambat-lambatkan kelulusan supaya pihak ketiga boleh mengambil kesempatan untuk memohon mengambil tanah yang berkenaan.

Pendek kata, saya berpendapat sekiranya tuan tanah boleh membuktikan bahawa ia telah kemukakan cadangan pembangunan kepada kerajaan tempatan dan dalam proses menunggu kelulusan pembangunan, maka pentadbir tanah hendaklah juga menolak sebarang permohonan mengambil tanah berkenaan, kecuali permohonan tersebut adalah untuk maksud awam.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam kes di mana tuan tanah bukan sahaja belum mempunyai kelulusan pembangunan, tetapi dia juga tidak mempunyai apa-apa rancangan pembangunan, saya berpendapat sebelum mana-mana permohonan mengambil tanah diberi pertimbangan oleh UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, tuan tanah harus diberi peluang supaya mengemukakan cadangan pembangunan dalam satu tempoh masa yang munasabah. Ini adalah bertujuan untuk mengelak kemungkinan berlakunya pengambilan tanah orang lain dengan sewenang-wenangnya oleh mana-mana pihak untuk mencari keuntungan lumayan dengan cara yang tidak adil dan merugikan tuan tanah.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan 3A(3) yang telah memperuntukkan bahawa sekiranya UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berpendapat adalah sesuai untuk tuan tanah melibatkan diri dalam projek yang dicadangkan dalam sesuatu permohonan pengambilan tanah, maka pemohon dan tuan tanah akan diminta mengadakan perbincangan tentang bentuk penglibatan, penyertaan, ekuiti dan sebagainya dalam satu tempoh masa mengikut syarat-syarat dan terma-terma yang digariskan. Peruntukan ini memang merupakan satu cara yang bagus untuk menjaga kepentingan tuan tanah. Persoalan saya ialah bagaimana dan asas apa yang akan digunakan untuk menentu sama ada tuan tanah sesuai atau tidak untuk melibatkan diri di dalam sesuatu projek yang dicadangkan.

Sehubungan dengan perkara di atas, pindaan 3A(4) menghendaki pemohon pengambilan tanah melaporkan kepada UPEN keputusan perundingan yang dijalankan dengan tuan tanah supaya ia boleh

digunakan untuk membuat keputusan mengenai penglibatan tuan tanah. Saya fikir ini tidak menjadi masalah sekiranya pemohon dan tuan tanah dapat mencapai persetujuan dalam perbincangan mereka. Tetapi jika mereka gagal mencapai persetujuan, pihak UPEN cuma mendengar laporan daripada satu pihak, iaitu pihak pemohon, saya khuatir keputusannya mungkin terserong. Jadi, dalam kes kegagalan mencapai persetujuan, saya bercadang supaya tuan tanah juga memberi pandangan dan cadangan beliau secara bertulis untuk diambil kira oleh UPEN semasa membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan pindaan seksyen 3E(2) yang bertujuan bagi menghalang pihak berkuasa negeri meluluskan pengambilan tanah melebihi daripada keluasan asal kawasan yang dipohon. Saya ingin menyarankan supaya keluasan tanah yang hendak diambil tidak harus melebihi apa yang benar-benar diperlukan dalam sesuatu projek berkenaan. Ini adalah untuk memastikan tiada mana-mana pihak boleh mengambil kesempatan, cuma mengambil tanah orang lain semata-mata untuk menambah 'land bank'nya, dengan izin. Amalan mengambil tanah yang berlebihan dan kemudian diberi kepada syarikat penswastan sebagai gantian bayaran kos pembinaan juga perlu dihentikan dengan segera demi keadilan kepada tuan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin bertanya dalam sesuatu pengambilan tanah apakah status seorang penyewa tanah atau penyewa bangunan terletak di atas tanah berkenaan dan masih mempunyai kontrak penyewaan yang sah. Adakah penyewa tersebut juga berhak mendapat sebahagian pampasan yang dibayar? Kalau tidak, bagaimana kepentingan penyewa sah sebagai pihak berkepentingan dapat dilindungi dengan pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Kangar.**

6.55 ptg.

**Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pindaan Akta Pengambilan Tanah 1997 ini. Namun begitu, sukacitalah keadilan asasi dalam pengambilan tanah perlu diberi penekanan dan dipatuhi oleh pihak berkuasa negeri, antaranya termasuklah hak untuk diberitahu. Maksudnya di sini, Tuan Yang di-Pertua, di mana pihak tuan tanah yang tanahnya akan diambil, perlu diberi notis untuk memaklumkan bahawa tanahnya akan diambil oleh pihak berkenaan. Kerana ada kes yang didapati bahawa notis tidak

sampai kepada tuan tanah, dan tuan tanah terus membayar hasil tanah sekalipun tanahnya telah pun diambil oleh pihak kerajaan.

Semasa award dibuat di mahkamah tuan tanah tidak hadir, kerana notis tidak sampai. Ini berlaku dalam kes Lai Thye Iwn. Pemungut Hasil Tanah, di mana tuan tanah yang berkenaan terus membayar hasil tanah kerana tidak dimaklumkan bahawa tanahnya telah diambil oleh pihak berkenaan. Begitu juga notis untuk yang menjelaskan tujuan yang sebenar, tujuan yang nyata. Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi, bahawa ada kes didapati tujuan pengambilan tanah tidak begitu nyata dan sah. Misalnya, dalam kes Syed Omar Abdul Rahman Alsagof dan seorang lain Iwn. Kerajaan Negeri Johor, di mana sebahagian tanahnya digunakan dengan tujuan untuk Pelabuhan Pasir Gudang dan sebahagian untuk tujuan lain. Inilah perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam hak asasi ini.

Di samping itu juga, perlu juga diiktiraf dan beri hak menghujah dan membuat bantahan kerana kebanyakan orang-orang kampung terutama orang-orang Melayu tidak tahu bahawa mereka ada hak ini. Pihak yang berkenaan patut memaklumkan kepada pihak tuan tanah terutama sekali orang-orang kampung, orang-orang Melayu yang banyak tidak tahu perkara ini dan dia terpaksa terima award begitu sahaja. Walau bagaimanapun, ada juga, kerana ini ada kes bahawa bantahan award tidak diberi peluang. Misalnya dalam kes Hamidon Ahmad Iwn. Pemungut Hasil Tanah Jasin, di mana pemohon mengemukakan bantahan di bawah seksyen 38 Akta Pengambilan Tanah 1992 dan dirujuk kepada Mahkamah Tinggi. Yang ini perkara-perkara dari segi keadilan.

Di samping itu juga, banyak rakan tadi sebut tentang kesegeraan dalam urusan, kerana apabila tanah diambil, bererti segala faedah di atas tanah itu sekalipun belum dibayar pampasan, terhenti, dan urusan niaga juga terhenti, apatah lagi kalau pampasan ataupun award itu dibayar berperingkat-peringkat. Wang ini tidak boleh digunakan secara sepenuhnya untuk dilaburkan dalam lain-lain aktiviti ekonomi. Kerana dalam hal ini berlaku juga kes di mana kes Pemungut Hasil Tanah Daerah Barat Daya Pulau Pinang Iwn. Ong Get Kee, di mana warta di bawah seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 diadakan pada 25.4.1974, manakala award dibuat pada 15.6.1981, bererti dalam tempoh tujuh tahun. Nilai tanah dibuat pada tahun 1974, bayaran dibuat pada tahun 1981, ini bererti kita dapati bahawa dalam

tujuh tahun nilai tanah berkenaan telah pun berubah sedangkan tuan tanah dapat harga tanah pada tahun 1974, iaitu tujuh tahun kebelakang, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, inilah perkara-perkara.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu saya rasa jikalau sekiranya tanah itu tidak diambil, dihantar notis hendak ambil tetapi tidak diambil, maka notis itu akan laps dalam masa saya lupa, dalam tiga tahun ataupun beberapa tahun. Ada dalam undang-undang sekarang tahun 1960.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Yakah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Okay.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hanya tuan tanah itu tidak tahu, tidak sedar haknya, dan dia tidak pergi jumpa peguam, itu sahajalah.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Ya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, selalunya kalau orang kampung dia tidak jumpa peguam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, itulah salahnya.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Ya, dia jumpa wakil rakyat. Kadang-kadang wakil rakyat yang bukan lawyer pun dia tidak tahu, termasuk saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga kita berharap supaya pihak berkuasa negeri terutama sekali pemungut hasil tanah perlulah membuat siasatan sepenuhnya dalam prosiding pengambilan tanah ini. Kerana kalau tanpa siasatan yang betul, kita tidak jamin bahawa prosedur pengambilan tanah ini dijalankan dengan betul, seperti kes tidak sampai notis tadi. Inilah perkara yang perlu ditekankan dan kita tidak menentang, kita sentiasa bersetuju pengambilan tanah oleh kerajaan untuk tujuan awam, kerana bukan sahaja undang-undang kita, malah dalam Islam sendiri pun memberi perakuan demi untuk kepentingan awam ataupun dalam undang-undang Islam disebut sebagai 'Al-maslahah, al-ammah'. Wakil PAS tidak ada di sini, jadi kalau tidak betul yang pandai Arab itu tolong perbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, ....

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** PAS pun tidak pandai Arab, tetapi dia tahu Arab sahaja. Dia tahu Arab, tetapi tidak pandai. Kalau dia bercakap Arab pun orang Arab tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada disebut mengenai nilai pasaran. Sungguhpun kita ada panduan untuk membuat penilaian, tetapi sepertimana disebut oleh rakan-rakan yang lain supaya apa yang patut ditekankan di sini ialah tentang nilai semasa, kerana yang lepas-lepas kita dapati banyak berasaskan kepada kemunasabahan sahaja. Jadi, perkara inilah yang saya titik beratkan dan juga tentang nilai kepotensian tanah yang berkenaan sepertimana saya yakin bahawa perkara ini akan diambilkira dalam pindaan ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang ingin saya jelaskan dan minta ditumpukan supaya hak asasi keadaan ini diambil perhatian dan dipatuhi oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya turut menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Lumut.

7.03 mlm.

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya Lumut, ianya adalah satu kawasan atau lokasi di mana Kerajaan Negeri Perak begitu aktif mengambil tanah. Jumlah lebih kurang 1,000 ekar lebih tidak termasuk tanah-tanah estet telah diambil oleh tiga pihak JKR, Petronas dan Tenaga Nasional.

Pengambilan tanah juga adalah satu topik yang sangat panas di antara penduduk-penduduk di Lumut. Walaupun penduduk-penduduk tidak membantah pengambilan tanah oleh JKR, Tenaga Nasional dan Petronas untuk pembinaan lebuh raya dan pembangunan public utility oleh Tenaga Nasional dan Petronas, mereka berasa sangat keliru dan tidak berpuas hati kerana cara yang digunakan untuk mengira pampasan di antara tiga pihak ada perbezaan dan tidak seragam.

Yang pertama, Tenaga Nasional menggunakan perkhidmatan penilaian swasta dibandingkan dengan penilaian kerajaan yang digunakan oleh Petronas, akibatnya nilai harga tanah ada banyak perbezaan, walaupun lokasi berkenaan yang sama di lokasi Sikari, Air Tawas, Kampung Baru Simpang Dua, Kampung Baru Simpang Tiga dan Kampung Baru Simpang Lima.

Kedua, pampasan yang tidak adil dan munasabah. Sebagai contoh ada kes di mana pemilik tanah membayar kos tanah pada tahun 1989 jumlah RM12,000 per ekar tetapi bila tanah diambil oleh Petronas pada tahun 1994, tawaran pampasan diberikan ialah RM9,000 per ekar sahaja. Ini

menunjukkan pemilik tanah telah mengalami kerugian yang besar terutamanya nilai harga pasaran sudah meningkat ke RM18,000 per ekar.

Ketiga, tambahan pula saya pun telah menerima banyak aduan berkenaan pampasan untuk pokok-pokok di atas tanah. Pampasan tidak seragam dan tawaran diberikan adalah berbeza di antara Syarikat Tenaga Nasional dan Syarikat Petronas. Sebagai contoh merujuk pokok (mature and floating), dengan izin, pampasan diberikan. Untuk pokok durian - RM400-RM550 sepokok, pokok manggo - RM150-RM300, pokok sawit - RM100-RM105 sepokok. Selain daripada itu pertikaian pun berlaku apabila ada dua perbezaan kiraan pokok-pokok di atas tanah, di antara pemilik tanah dan pihak syarikat yang mengambil tanah. Untuk menyelesaikan masalah ini kedua-dua pihak bersama-sama pergi ke kebun dan mengira pokok-pokok. Proses ini sangat memakan masa. Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah terhadap perkara ini, saya ada beberapa cadangan.

Yang pertama, apabila dua syarikat mengambil tanah di lokasi yang sama pampasan yang diberikan sepatutnya seragam.

Yang kedua, pampasan harus mengikuti nilai harga pasaran.

Yang ketiga, sebelum menandakan satu angka untuk mengira pampasan, pandangan dari seorang penilai swasta mesti didapati.

Yang keempat, untuk mengelakkan proses yang memakan masa dan pertikaian di antara kedua pihak, satu pampasan merangkumi tanah dan pokok ditawarkan.

Yang kelima, kalau mampu menukar tanah - jika di hutan pun boleh - di antara pihak pemilik tanah dan kerajaan negeri diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pengambilan tanah, tebus guna tanah (land reclamation) sedang menjadi isu di kawasan saya juga. Di kawasan saya iaitu kawasan Lumut banyak permohonan telah dibuat untuk penambakan tanah. Sebanyak 300 ekar tanah di Pulau Pangkor, 500 ekar di Teluk Batik, 20,000 - saya ulas sekali lagi 20,000 di Likir telah dipohon untuk penambakan tanah.

Sebelum pihak Kerajaan Negeri Perak meluluskan permohonan penambakan tanah, saya berharap pihak berkenaan akan memberi perhatian kepada isu-isu berikut.

Pertama, keperluan mengadakan skim penambakan tanah tersebut kerana kita masih ada banyak tanah yang belum diperkembangkan.

Kedua, kesan-kesan negatif yang boleh menjejaskan dan mempengaruhi kehidupan dan pekerjaan dan penduduk-penduduk di tempat berkenaan.

Ketiga, kajian EIA yang terperinci mesti dijalankan sebelum permohonan penambakan tanah diluluskan.

Keempat, di manakah pasir dan batu boleh didapati untuk penambakan tanah seluas 20,800 ekar?

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika tebus guna tanah di Likir oleh Likir Island Development Project diluluskan, seperti di dalam akhbar *New Straits Times* pada hari ini pun ada satu laporan berkenaan projek ini. Sumber-sumber pembiakan ikan serta kerang dan lain-lain jenis kehidupan lautan akan terjejas. Selain daripada itu kehidupan penduduk-penduduk yang kebanyakannya adalah kaum nelayan atau dalam pekerjaan yang berkaitan dengan industri makanan laut akan merosot. Sehubungan ini, saya berharap pihak Kerajaan Negeri Perak akan memberi perhatian yang serius kepada isu-isu penambakan tanah khasnya di Pulau Pangkor dan di Likir.

Saya mencadangkan satu jawatankuasa khas diwujudkan untuk mengawal tebus guna tanah seluruh negara sebelum penyalahgunaan kuasa oleh pihak Kerajaan Negeri menjadi isu politik, seperti yang apa yang berlaku kepada pengambilan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja ucapan saya dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seremban. Selepas itu Bukit Bendera dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.10 mlm.

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak sebut sedikit sahajalah tentang pengambilan tanah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan ulang ya.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya tidak ulang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hal-hal mahkamah.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tentang pengambilan tanah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh diletakkan di dalam undang-undang ini.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tentang pengambilan balik tanah untuk kegunaan awam....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Hon Choon Kim:** ..... atau public purpose, saya rasakan jika projek itu tidak dilaksanakan kemudian nanti, eloklah ditimbang dan dikembalikan tanah itu kepada tuan tanah yang asal. Misalnya hendak membina sebuah sekolah selepas itu ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak jadi ya.

**Dato' Hon Choon Kim:** .... Projek tidak jadi. Jadi, tidak boleh diberi kepada orang lain - third party. Oleh itu saya rasa perlulah dipertimbangkan.

Saya mengalu-alukan satu subseksyen dimasukkan iaitu subseksyen 3E, iaitu pengambilan tanah itu tidak boleh melebihi dari apa yang diperlukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Hon Choon Kim:** Jadi, untuk kegunaan awam juga, itu pun perlu kita timbangkan dan saya perhatikan bahawa di beberapa kes di mana apabila projek meluruskan sungai jadi tanah telah diambil balik dan keluasan ini memang begitu luas, sehingga orang-orang kampung kehilangan tanah. Itu pun satu masalah juga. Maklumlah Tuan Yang di-Pertua, orang kampung bukan banyak tanah, apabila satu ekar atau dua ekar yang dipunyai oleh mereka diambil balik oleh kerajaan untuk meluruskan sungai, jadi dia tidak mempunyai tanah lagi - dia tidak ada tanah lagi. Perkara itu pun kena tengok.

Saya tidak tahu maksud seksyen 3E itu, sama ada bermaksud untuk kegunaan 1(3)(b) atau (c), saya tidak pastilah sama ada itu pun boleh mengikat kepada kerajaan untuk mengambil tanah untuk kegunaan awam. Jadi, itulah saya hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu ialah mengenai tanah. Kerajaan tidak boleh mengambil balik tanah apabila tuan tanah mempunyai development plan yang telah diluluskan. Jadi, ini adalah satu pindaan yang baik dan adil. Tetapi kadangkala selepas tuan tanah menghantar permohonan atau untuk convert tanah atau tukar syarat, permohonan ditolak dan satu bulan kemudian tanah itu di'acquire'. Jadi, itu pun kena tengok, tidak boleh buat macam ini, ditolak selepas itu third party masuk, mohon dan acquire tanah, selepas itu diluluskan.

Itu pun satu contoh yang saya hendak sebut.

Lagi satu mengenai pampasan (compensation). Biasanya Tuan Yang di-Pertua, pampasan ia

diasaskan kepada tanah asal. Misalnya tanah pertanian harganya tanah pertanian. Walaupun kita tahu tanah itu apabila diambil balik oleh kerajaan ialah untuk kegunaan komersial, tetapi pampasannya ialah berasas kepada nilai pertanian sahaja. Ini saya rasa tidak adil. Saya cadangkan semua pengambilan tanah untuk komersial patutlah nilai itu berasaskan kepada komersial bukan kepada pertanian. Jadi itu juga akan merugikan orang-orang kampung.

Satu lagi perkara, sama ada pindaan ini membolehkan kerajaan negeri sama ada untuk meng'acquire' atau mengambil tanah-tanah untuk membesarkan kampung. Maklumlah kampung-kampung yang sedia ada ini memang tidak cukup luas, dengan pertambahan bilangan penduduk jadi kawasan pun tidak ada, sama ada ini boleh diiktirafkan atau ditafsirkan sebagai kegunaan awam untuk membesarkan kampung, untuk membuat perumahan untuk orang-orang kampung dan sebagainya, sama ada ini boleh dianggap sebagai kegunaan awam. Kalau kita buat, jadi kampung itu tidak ada tanah, hendak tunggu pemaaju untuk membuka tanah dia tidak mahu, mungkin ada banyak sebab dia enggan untuk membangunkan kawasan mereka. Jadi dalam kes ini bolehkah kerajaan masuk untuk mengambil balik atau mengarahkan tuan tanah yang berhampiran dengan kampung-kampung itu patut membangunkan. Kalau dia enggan buat, maka sama ada kerajaan boleh masuk untuk mengambil balik tanah untuk kegunaan ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyebut beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Bendera. Ya.  
7.15 mlm.

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya rang undang-undang ini dibentangkan pada masa yang tepat untuk menyelesaikan beberapa masalah yang timbul akibat daripada pindaan pada tahun 1991 dan juga untuk mengurangkan apa-apa kemungkinan bagi penyalahgunaan kuasa pengambilan balik tanah di bawah seksyen 3B dan 3C akta yang sedia ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga memperuntukkan tiga peringkat kajian (scrutiny) sebelum sesuatu keputusan dibuat sama ada untuk membenarkan pengambilan tanah bagi tujuan di bawah seksyen 3B atau 3C yang mana saya gelar sebagai fasal-fasal tujuan bukan awam.

Peringkat pertama adalah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) yang mana akan mengemukakan syor kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah. Jawatankuasa ini pula akan memberi syor kepada Pihak Berkuasa Negeri, maka tiga peringkat penelitian ini akan menentukan bahawa sebarang keputusan oleh pihak berkuasa mengenai perkara pengambilan adalah dibuat berasaskan penelitian dan kajian yang teliti terhadap kebaikan atau keburukan permohonan bagi tujuan pengambilan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu perkara yang saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai taraf pihak yang memohon pengambilan tanah di bawah fasal-fasal tujuan bukan awam. Seksyen baru 3A rang undang-undang ini mencadangkan bahawa mana-mana pihak boleh memohon untuk pengambilan tanah di bawah fasal ini.

Saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian, sama ada, adakah hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu had undang-undang baru bagi mana-mana pihak untuk memohon pengambilan tanah kerana had seperti ini sekarang tidak wujud di bawah akta yang sedia ada dan jika ya, apakah hasrat kerajaan untuk membenarkan permohonan seperti ini bagi pemohon mencabar keputusan pihak berkuasa di bawah undang-undang pentadbiran atau dalam semangat 'natural justice' sekiranya permohonan orang itu ditolak.

Saya sangat kluatir sekiranya dibenarkan, pihak berkuasa negeri mungkin boleh dibawa ke mahkamah oleh pemohon yang tidak berpuas hati di atas keputusan itu.

Saya juga ingin meminta penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai cadangan baru bagi seksyen 3A (7)(b) atau (a). Mungkin ini adalah satu kesilapan di mana perenggan yang mengatakan pihak berkuasa dalam kes Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau 'the state authority, in the case of Federal Territory of Kuala Lumpur' kerana ini mungkin telah bercanggah dengan definisi pihak berkuasa negeri dalam rang undang-undang ini.

Terdapat satu aspek rang undang-undang di mana saya ingin memuji kerajaan kerana memberi peluang bagi tuan tanah supaya mengambil bahagian dalam pembangunan tanahnya bersama-sama dengan pemaaju walaupun rang undang-undang iaitu seksyen baru 3A(2) menyatakan bahawa tuan tanah boleh dijemput untuk mengambil bahagian dalam projek pembangunan dan ini adalah semata-matanya atas timbang rasa UPEN.

Saya berharap bahawa UPEN akan melaksanakan discretion ini dengan lebih kerap supaya tuan tanah juga akan mendapat manfaat projek pembangunan bersama-sama dengan pemaju. Keadaan ini juga adalah selaras dengan tujuan Wawasan 2020 di mana kita ingin mengadakan lebih pengagihan kemewahan secara sama adil.

Jadi, rang undang-undang Jadual 3, saya ingin menyelaraskan prosedur mahkamah terhadap pertelingkahan mengenai jumlah pampasan yang perlu dibayar kepada tuan tanah. Ini adalah satu perkara yang baik dan saya berharap penyelesaian tuntutan-tuntutan tuan tanah dapat dipercepatkan. Dengan ini, sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:**  
[Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada 20 orang semua.

7.22 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, lebih dari 20 orang!

**Tuan Yang di-Pertua:** 20 orang! Saya bilang di sini.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** 20? Minta maaf!

**Tuan Yang di-Pertua:** 20 ya!

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, you are always right!  
[Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat berucap kata semua akan ditimbang!

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati Tuan Yang di-Pertua, dan saya menghormati setiap Ahli Parlimen yang bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan saya dapati ucapan-ucapan daripada perbahasan ini cukup baik, .....

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Bernas belaka!

**Tuan Yang di-Pertua:** .....tinggi dan masing-masing telah membuat 'homework' masing-masing. Silakan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, hendak jawabkan untuk saya, saya boleh duduklah!  
[Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpujulah! [Ketawa]

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi panduan. Saya minta terus memberi panduan sebab isu yang berhadapan dengan kita ialah 'very legal'. Saya selalu menyatakan I am actually non legal but I am not illegal. [Ketawa] Dari segi ini, oleh itu, saya ingin memulakan dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada setiap yang bercakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kalau kita dengar isu-isu yang diungkitkan, dibangkitkan, cadangan, pandangan bagi saya, saya boleh kategorikan sebahagian 'out of topic', yang itu saya tidak jawab dan sebahagian lagi menyuarakan perkara yang sudah ada, itu pun saya tidak jawab. Bahagian yang ketiga, ialah meminta penjelasan yang mungkin boleh kita memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar pandangan-pandangan tadi, saya merasakan, dengan izin, the people has made a right choice. Kerana kita dengar Ahli-ahli Parlimen yang bercakap semuanya bercakap dengan penuh amanah, membawa perasaan daripada kampung-kampung, daripada constituent masing-masing menyedari hakikat bahawa isu ini merupakan isu yang 'controversial' buat beberapa lama dan masing-masing membuat 'expression' bahawasanya welcoming, dengan izin, pindaan-pindaan yang memelihara kepentingan rakyat demi keadilan dan 'justice'.

Ini juga kita melihat kalau inilah caranya dengan penuh bertanggungjawab, amanah, prihatin, pada hemat saya, long leave the people, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan penggulungan saya ini dengan menyatakan bahawasanya Perlembagaan kita memberi memaktubkan bahawasanya hak individu dari segi memiliki harta, ianya tidak boleh diambil daripada kita tanpa, dengan izin, educate compensation. Bererti itulah asas pindaan kita dan di samping itu apa juga yang kita hendak pinda dari segi permasalahan tanah ini ialah kita memikirkan, mengimbangi kepentingan hak individu, 'individual right as against ataupun versus a public right' ataupun kepentingan masyarakat atau sosial.

Atas asas inilah kita mendapati bahawasanya kadangkala sukar kita hendak mencari pertemuannya di antara langit dengan bumi kepentingannya kadang-kadang, tetapi di mana kita terdapat ada persamaan matlamat, maka itu lebih mudah, yang susahnyanya apabila kepentingan sosial dengan kepentingan itu bertentangan begitu ketara, maka terdapatlah permasalahan yang paling pokok.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya ingin menyatakan bahawasanya, sesungguhnya pindaan yang kita hendak bawa ini yang berkaitan dengan kuasa yang sebenarnya dimiliki oleh kerajaan negeri dan tugas kita pada hari ini ialah untuk membolehkan, memperuntukkan undang-undang ini, untuk memperuntukkan kuasa-kuasa mereka untuk melakukan apa yang dikatakan tadi 'pengambilan tanah'.

Tuan Yang di-Pertua, namun Kerajaan Pusat melalui Majlis Tanah Negara diperuntukkan di dalam Perlembagaan mempunyai kuasa-kuasa tertentu dan Majlis Tanah Negara ini dianggotai oleh semua kerajaan negeri dan ini membayangkan bahawasanya apa juga yang dibincang oleh Majlis Tanah Negara perlu diakuri oleh setiap kerajaan negeri.

Jadi, oleh itu, di situlah letaknya kekuasaan kita dan saya berasa berterima kasihlah kepada setiap individu yang telah menyuarakan beberapa pandangan. Saya tidak hendak jawab pandangan dan cadangan kerana saya telah memberi 'instruction' kepada pegawai-pegawai saya supaya kita mencatat semua pandangan dan cadangan. Yang mana yang baik kita akan kemukakan kembali kepada Majlis Tanah Negara dan kalau tidak keterlaluan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izinlah dengan Tuan Yang di-Pertua, *Hansard* yang dikeluarkan nanti akan dikirimkan kepada setiap kerajaan negeri. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit sahaja nampaknya banyak yang bersekitaran dalam istilah keadilan, 'natural justice' dan sebagainya. Percayalah satu-satu kerajaan tidak akan lama kekal memerintah kalau ianya melaksanakan program mengambil tanah, membuat apa sahaja pun bertentangan dengan keadilan yang *perse* kepada rakyat sepertimana dilihat oleh rakyat.

Jadi, hari ini kita melihat bahawasanya semakin lama kerajaan mendapat sokongan daripada rakyat bererti bahawasanya apa yang kita lakukan itu rakyat memahami.

Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya, kalau kita mahu mengambil tanah, tidak sekali-kali kerajaan ini mengambil tanah dengan 'nawaitu' dengan niat untuk menganiaya rakyat - jauh sekali! Malahan setiap inci tanah yang diambil adalah dengan matlamat untuk memelihara rakyat, menjaga kepentingan rakyat, memelihara kepentingan jangka panjang, mewujudkan pembangunan supaya wujud dua perkara.

Dalam Al-Quran pun kita jumpa wujud dua perkara iaitu satu kerajaan yang baik mesti katanya, dalam doa Nabi Ibrahim 'Alaihissalam, Surah Al-Baqarah, Ayat 126, Nabi Ibrahim meminta Kota Mekah dijadikan kota yang wujud dalamnya keharmonian dan yang kedua, dia kata, supaya yang beriman tidak mati kelaparan.

Pengertiannya harmoni - wujud harmoni, yang keduanya, mesti ada prosperiti supaya yang beriman tidak mati kelaparan, tetapi dalam negara Malaysia bukan yang beriman sahaja tidak mati kelaparan, yang jahil, yang batil pun tidak ada yang mati kelaparan. Malahan di negara kita banyak orang mati adalah bukan kerana kelaparan, kerana lebih makan.

Jadi, inilah prinsip kita mengambil tanah itu adalah semata-mata memelihara kepentingan rakyat, tetapi terkadangkala mungkin terdapat penyalahgunaan kuasa di peringkat-peringkat tertentu. Dan awalan ini lagi saya hendak menyatakan kepada mereka yang mahu melakukan penyalahgunaan kuasa, biarlah ianya menjadi amaran bahawasanya, dengan izin, it does not paid. Banyak contoh, tetapi saya tidaklah mahu mengaibkan sesiapa kerana saya teringat kepada hadis Rasulullah yang menyatakan, 'melindungi keaiban sesama manusia di dunia, insya-Allah, akan dilindungi keaiban kita di akhirat oleh Allah S.W.T. nanti'.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bermula sedikit dengan apa yang dibawa oleh kedua-dua ahli Pembangkang tadi, yang pertamanya Ahli Yang Berhormat dari parti PAS, saya rasa tidak ada apa yang saya hendak ulas. Saya cuba dengar, tetapi tidak ada apa yang boleh saya jawab kerana tidak ada soalan yang dikemukakan. Hanya dia kata, adil atau tidak adil, kita lambat dan cepat, itu sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, saya rasa adalah point yang kita akan mengambil kira, insya-Allah, kalau sekiranya perlu akan dibawa kepada pihak atasan, tetapi dia bertanya tadi, mengapa must be specific kerajaan membuat undang-undang tidak boleh rayu. Sebenarnya, tujuannya ialah, dengan izin, time factor. Kita tidak mahu projek itu

dingdong, dingdong dan akan mengambil masa yang paling panjang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong diberi oleh Tuan Yang di-Pertua masa selama hampir satu jam, saya cuba mendengar, tidak ada apa juga yang banyak boleh diambil, kecuali dia katakan bahawasanya boleh saya petik, dia kata, laws are mother of all evils, all vices, of corruption, penyalahgunaan kuasa. Dia lupa bahawa law has two side of the coin. Satu, dia boleh kata mother of all evils tetapi on the other side of the law, law is also father of all virtues. Jadi, dia hendak tengok ikut itu, nothing is good no bad, it is the mind that make his so, if we have a bad mind, you view think badly. Itu bukanlah salah kita and I am not apologetic on that score, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa satu perkara yang dia katakan bahawa law ini, pasal undang-undang.....

**Tuan Lim Si Cheng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun.

**Tuan Lim Si Cheng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi semasa Ketua Pembangkang berucap beliau menyatakan kerajaan tidak serius kerana menteri tidak ada, timbalan menteri tidak ada. Sekarang semasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab, Yang Berhormat dari Tanjong tidak ada. Adakah Yang Berhormat bersetuju kepada pandangan saya, DAP pun tidak ambil serius dalam perkara ini?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** DAP memang tidak ambil serius, dia bercakap, dia lari dan dia tidak ada. Tetapi sebelah kita pula, kerana keyakinan Menteri kepada Setiausaha Parlimen, bukan koman sangat Setiausaha Parlimen ini, [*Ketawa*] jadi oleh itu, dia beri saya peluang untuk berhujah dengan ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kami dalam Kerajaan Barisan Nasional, kita mengamalkan prinsip collective responsibility, bertanggungjawab sama. Kalau sekiranya kadang-kadang kita dengar soalan kepada Perdana Menteri, dijawabkan oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, hierarchy dia jauh iaitu Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, tetapi Perdana Menteri tidak terasa terhina apabila jawapan itu diberi oleh Setiausaha Parlimen.

Bermakna kita ini adalah collective responsibility, hanya pangkat sahaja berbeza, the rest all the same. We have equal right, we share equal view dan kita juga bertanggungjawab sama dalam urusan kerajaan.

Saya hendak jawab sedikit lagi sebelum saya masuk ke bab lain. Yang Berhormat dari Tanjong juga menyatakan tadi, dia kata, what do we need the law? Saya kadang-kadang mungkin tertanya-tanya juga what are laws for?, dengan izin. Undang-undang ini, law to the good they need no law. Orang yang baik, they don't need laws. Orang yang tidak baik, evil, to the bad they break all laws. Jadi, kita hendak buat ini untuk the average man, untuk orang-orang yang mahu patuh kepada undang-undang. Jadi kalau mereka yang tidak patuh, saya hendak ulanglah, kepada kerajaan negeri saya tidak mahulah hendak panjang-panjangkan cerita kerajaan negeri ini, kita ini hendak membantu kerajaan negeri, memberi guideline.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pindaan ini telah pun termaktub di dalam satu garis panduan (guideline) yang dipersetujukan dalam Majlis Tanah Negara tetapi malangnya garis panduan itu tidak kuat, it has no bite, dengan izin. Jadi oleh itu, kerajaan telah memikirkan perkara ini dengan sematang-matangnya di antara memelihara kerajaan negeri dengan memelihara rakyat. Kita hendak memelihara kedua-dua, jadi kita masukkan pindaan ini di dalam akta, incorporated dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawasanya ahli-ahli Parlimen tidaklah mengharapkan saya menjawab satu persatu, saya kira 20 ahli bercakap. Kalau seorang ahli Parlimen ada 30-60 soalan, saya tidak dapat menjawabnya dengan begitu panjang lebar. Saya ingin menyatakan bahawasanya sebahagian besar daripada apa yang dinyatakan adalah termaktub di dalam undang-undang. Kita telah mengambil kira pandangan-pandangan Yang Berhormat ini sebelum lagi Yang Berhormat ini bercakap. Saya ingin menyatakan bahawasanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dan yang tidak bercakap mendapat manfaat sepenuhnya daripada pemahaman yang semaksimum mungkin dari istilah pelaksanaan Akta Pengambilan Tanah ini. Oleh itu, saya akan mencadangkan semua Yang Berhormat kita jemput ke kementerian untuk mendapat taklimat [*Tepuk*] supaya tiap-tiap Ahli Yang Berhormat dapat mengerti dan memahami sesungguhnya sebab dia hendak kembali ke kawasan masing-masing dan anggota-anggota Parlimen yang ada dalam Dewan ini semuanya very

responsible yang tidak mahu penganiayaan dilakukan terhadap anggota-anggotanya. Tetapi saya sudah katakan pada awal tadi niat setiap pengambilan tanah bukan untuk menganiaya malahan untuk menjaga kepentingan negara dan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan ada lagi dalam peringkat Jawatankuasa, saya tidak dapatlah hendak menjawab cuma secara sepintas lalu daripada setiap Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap, saya tengok mulai daripada Tanjong, kemudian Yan dan Yan pun banyak menyuarakan pandangan yang boleh kita mengambil kira dan dia menyatakan bahawasanya banyak sekali tanah di dalam negerinya telah diambil dan inilah sebabnya Akta Pengambilan Tanah ini dipinda untuk menentukan wujudnya ketelusan yang lebih lagi dan keadilan dikurniakan kepada rakyat lebih lagi supaya mereka dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang saya dengar tadi banyak yang menyuarakan permasalahan patut tuan tanah diberi hak untuk menyertai bersama dalam projek ini. Memang ada dalam pindaan ini, kalau boleh saya secara sepintas lalu menyatakan, dalam pembentangan saya awal tadi menyatakan bahawasanya sekiranya UPEN atau Jawatankuasa Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berpendapat sesuai bagi tuan tanah untuk melibatkan diri, maka kedua-dua pihak ini dikehendaki mengarahkan supaya rundingan dijalankan antara pemohon pengambilan tanah dengan tuan tanah berkenaan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan sesuai seperti dalam bentuk kerjasama dan perjanjian komersial serta penglibatan ekuiti. Maksudnya, jelas bahawasanya kita membuat peruntukan bagi mengizinkan tuan tanah diberi ekuiti. Ini bererti bahawasanya berbeza dengan keadaan yang silap di mana kita mengambil with complete this regard to the land owner, dengan izin. Hari ini kita memberi dia lebih lagi peluang.....

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya ingat hendak masuk ke bab Tanjong Karang, dia sudah bangun dulu.

**Tuan Noh bin Omar:** Ini tadi sebab saya tidak bangkitkan isu ini. Saya hendak bertanya dan mengucap tahniah kerana membawa tuan tanah bersama, tetapi bagaimana kerajaan akan memastikan kepentingan ekuiti tuan tanah ini tidak ditindas. Saya kata kalau ekuiti tanah, masa mula-

mula itu boleh jadi dia ada 30% tetapi bila waktu hendak membangunkan projek itu dia kena tambah lagi paid-up capital. Jadi bila tambah paid-up capital, tuan tanah modalnya tanah sahaja, tanah itu sudah tidak naik nilainya. Jadi macam mana hendak pastikan bahawa kalau dia pegang 30%, forever sampai projek itu siap pun dia 30%, tidak ada tinggal sampai 1% oleh kerana developer ini akan naikkan paid-up capital. Terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Inilah tuan tanah kena jumpa lawyer macam Yang Berhormatlah. Saya rasa dalam hal ini ada baik juga, Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Parlimen memainkan peranan. Saya memang berkeyakinan sebab saya dengar dalam Dewan dan di luar Dewan rata-rata ahli Parlimen menyuarakan perasaan khuatir, bimbang, waspada terhadap 'ketidakadilan' yang dirasakan dilakukan.

Kalau boleh saya membuat contoh ini. Kalau di Kuantan, sebab saya ini wakil ahli Parlimen dari Kuantan, ada dua kali; satu, hendak acquisition untuk dibuatkan commercial complex. Kita bertemu dengan Meneri Besar, menjelaskan perkara ini dengan rasional, akhirnya kerajaan negeri consid. Ada lagi satu kes, kerajaan negeri hendak ambil tanah rakyat di Gebeng hendak membuat kawasan industri, begitu juga dengan pampasan yang tidak adil sebelum lagi kita melaksanakan undang-undang ini. Bila kita bincang balik, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pada hemat sayalah semua Menteri Besar ini adalah orang politik juga dan dia tidak mahu hilang popularity malahan mereka juga mahu menegakkan keadilan. Jadi oleh itu, apabila diketemukan tuan tanah dengan Menteri Besar, bila Menteri Besar menengok tuan tanah ialah orang kampung yang daif, pakai selipar, pakai kain yang buruk datang berjumpa dengan dia, dia terus double the valuation, boleh dibuat. Ertinya, budi bicara. Dan saya mengajaklah semua ahli Parlimen, ayuh, ambil berat dalam hal ini.

Satu lagi soalan apa jaminannya pihak pemaju ini tidak akan mempermain-mainkan tuan tanah. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak ada jawapan bagi itu, sebab amanah. Itu sebabnya ada wujudnya penyelewengan dari segi tanah di peringkat tertentu. Dalam prinsip pimpinan, ada dua perkara, kita buka kitab mana pun, termasuk kitab al-Quran. Dia kata, pimpinan itu, macam kita ahli Parlimen adalah pemimpin, Menteri Besar adalah pemimpin, ada dua prinsip mesti wujud pada pemimpin. Yang pertama, dia kata pemimpin mesti ada kekuatan. Kekuatan apa? Kalau dia jadi wakil

rakyat, dia mesti ada kekuatan politik, ilmu politik. Kalau dia jadi Menteri Besar, ilmu pengurusan, ilmu pentadbiran. Yang kedua, dia kata kalau kita hendak jadi ahli perang, kita mesti ada kekuatan perang, ilmu perang dan kekuatan fizikal. Dan yang kedua ialah amanah. Kalau ada kekuatan dan tidak ada amanah, selalunya jawabnya ialah menyeleweng. Ada amanah dan tidak ada kekuatan, jawabnya tidak boleh jalan. Betul, terima kasih. Jadi, dalam hal ini saya kira hendak ada jaminan adalah susah.

Kalau boleh saya beralih kepada Yang Berhormat dari Tuaran juga telah membuat beberapa pandangan, dia suruh wujudkan tribunal. Kita sudah ada UPEN, kita sudah ada jawatankuasa khas negeri, itu pun seolah-olah macam tribunal.

Yang Berhormat dari Yan pun ada menyuarakan beberapa perkara. Saya minta maaf, Yan antara lain menyentuh mengenai FELDA, jadi terkeluar sedikitlah. Dia kata, pampasan yang tidak berpatutan. Saya rasa ramai lagi yang menimbulkan permasalahan pampasan yang tidak berpatutan. Tuan Yang di-Pertua, cara macam mana lagi kita hendak buat? Kita mesti yakin kepada our professional, dengan izin.

Dalam kerajaan, kita ada penilai. Dalam swasta, kita ada penilai. Kita ambil kedua-dua penilai (assessors), kita bawa kepada mahkamah untuk membantu hakim dan penilai itu akan memberi nilainya, both are professional and I believe they have their integrity, dengan izin. Dengan itu, kalau sekiranya dua penilai membuat nilai, tidak tepat juga lagi, kalau kita menganggap nilainya rendah, bukan salah penilaian, ianya salah expectation kita. Kita mengharapkan ianya tinggi tetapi penilaian sebenarnya adalah dilakukan oleh kedua golongan profesional dan kita seharusnya yakin di atas profesionalisme masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong tadi ada sebut dengan ringkas, saya pun sudah jawab tadi. Tidak payah jawablah, dia tidak ada.

Yang Berhormat dari Sepang telah menyentuh mengenai pre-acquisition proceeding. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sepang, sebenarnya memang kementerian pun memikirkan masalah ini, sebab itu dilakukan pindaan sedemikian rupa di mana pentadbir tanah bersama-sama dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri dikehendaki memanggil tuan tanah. Kalau boleh saya istilahkan itu pun seolah-olah dijadikan sebagai pre-acquisition proceeding, boleh dibawa kepada pengetahuan,

dirundingkan perkara dan saya percaya pegawai-pegawai kita, kalau boleh saya katakanlah, saya mempunyai keyakinan sebilangan besar malahan big majority, 99.95% they are responsible officers. Kadang-kadang dia juga datang daripada kampung dan tanah yang diacquired, dilakukan pengambilan oleh kerajaan pun adalah tanah ibu bapa, saudara mereka. Jadi, saya percaya mereka juga akan menjaga kepentingan orang kampung. Orang politik jaga kepentingan orang kampung. Pegawai kerajaan jaga kepentingan orang kampung. Penilai jaga kepentingan orang kampung. Saya rasa sudah banyak, hanya kalau berlaku juga penyelewengan, kata pepatah 'bukan salah ibu mengandung hanya nasib tak baik menimpa badan'.

Yang Berhormat dari Tuaran tidak ada, tidak payah.

Yang Berhormat dari Sepang, terima kasih. Ada satu, dua cadangan yang akan diambil perkiraan dan pegawai-pegawai ada mencatat cadangan Yang Berhormat dari Sepang.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang, ada beberapa perkara spesifik seperti Majlis Perbandaran Kelang, itu minta maaf, kalau terlalu khusus saya perlukan notis dan saya akan bawa kepada pihak yang berkenaan.

Garis panduan Majlis Tanah Negara, saya sudah sebut tadi bahawasanya garis panduan ini memang dahulunya adalah garis panduan di dalam Majlis Tanah Negara, keputusan Majlis Tanah Negara tetapi oleh kerana banyak pihak yang tertentu tidak mengikuti garis panduan itu, sebab itu dimaktubkan garis panduan ini, incorporated, dengan izin, dalam akta ini. Sebab itu dipinda akta ini.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun banyak - pertama pembangunan keadilan sosial. Diambil kira, Tuan Yang di-Pertua. Keadilan sosial dengan pembangunan. Memang dalam apa juga usaha untuk mengambil tanah atau masalah program pembangunan memang kerajaan mengambil kira kepentingan sebagaimana saya nyatakan tadi, pertama the individual rights versus social rights. Yang kedua, antara pembangunan dan keadilan sosial. Yang ketiga banyak lagi yang kerajaan timbangkan, di antaranya pembangunan material, fizikal, ekonomi dan pembangunan rohani dan sebagainya. Jadi, banyak yang dipertimbangkan. Jangan bimbanglah Yang Berhormat dari Dungun tetapi cara Yang Berhormat Dungun bawa soalan-soalan ini macam cara orang yang boleh - ada satu term lagi. [Ketawa]

Ahli Yang Berhormat dari Kepong seperti biasalah, dia tanya dia lari tetapi saya ingat.....soalannya boleh tahan tetapi .....

**Seorang Ahli:** Dia pergi Telok Intan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Ya, dia pergi Telok Intan. Saya ingat dia akan gunakan Akta Pengambilan Tanah sebagai isu.

Ahli Yang Berhormat dari Beaufort - penilaian yang rendah oleh penilai kerajaan. Kita ada penilai swasta dan hakim diberikan kuasa untuk pilih mana satu, yang mana satu idaman kalbu, yang kerajaankah atau yang swasta itu. Terpulanglah. Ahli Yang Berhormat dari Beaufort tidak ada, dia bercakap tentang keadilan. Saya sudah cakap tadi fasal keadilan adalah asas utama dalam kita memperhitungkan pengambilan tanah.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang - fasal public purpose, public utility, public benefit. Public purpose dalam 3A, saya difahamkan bukan kerana mereka lakukan tetapi saya difahamkan oleh kerana undang-undang kita berasaskan kepada undang-undang England, India, Singapura pun tidak ada dia define, tidak ada definition itu Yang Berhormat memahamilah advantage kepada siapa. Yang keduanya public purpose, sehingga hari ini tidak terlalu ketara, it is not that controvercial, dengan izin. Sebab itu kita tidak memikirkan untuk memberi satu definisi. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Pegawai saya pun setuju nampaknya, dia kata kita kena bawa kepada pihak atasan untuk kita fikirkan dalam hal ini. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga membawa perkara penggantian tanah. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawasanya ada negeri telah melaksanakan sedemikian. Ada negeri bila dia hendak ambil dia tanya hendak tanah ganti tidak? Tetapi saya telah nyatakan dalam pembentangan saya tadi oleh kerana pembangunan yang begitu pesat dan oleh kerana lajunya pembangunan the four factors of production - land, labour, capital, entrepreneurship - entrepreneurship berkembang hebat, capital bertambah-tambah, labour bertimbun-timbun sampai Bangladesh datang but land is the other factor yang terus menguncup dan terus menguncup. Dan ini relatively, Tuan Yang di-Pertua, dan oleh kerana itu separuh negeri ia tidak ada tanah. Kalau kerajaan negeri Pahang atau Perak, saya percaya mungkin dia berkata boleh tetapi separuh negeri, saya tidak sebutlah negeri itu, nanti ada yang marah pula - merasakan bahawasanya sudah tidak ada tempat lagi. Ada satu, dua perkara

yang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang cadangkan, saya ucap ribuan terima kasih dan akan diambil kira oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lain saya kira sama ada Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam, Batu Gajah, Tumpat dan sebagainya menyentuh perkara yang sama, jadi saya tidak berhasrat untuk mengulang. Sekali lagi saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih, sebelum itu saya hendak menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat. Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ini - apa juga kita buat dia kata we never consider that the principal of natural justice. Saya tidak tahu Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ini fahamkah atau tidak natural justice, yang dia tahu justice dia ala mata dia, saya rasa tidak payah saya jawablah.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah pun begitu juga. Saya sudah jawab dalam soalan orang lain tadi, saya sudah mengambil kira persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, dia kata *prima facie*, isu *prima facie* ini dalam jadual ketiga ialah apa yang sudah diterima selama ini iaitu terbukti sehingga dibuktikan sebaliknya. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dia lawyer tetapi apabila kita hendak jawab dia tidak ada, jadi tidak payah jawab jugalah. Ahli Yang Berhormat dari Kelang juga saya sudah jawab soalnya dan yang lain-lain itu, Tuan Yang di-Pertua hampir sama soalnya dan saya mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang banyak sekali - saya rasa tidak pernah lagi saya menjawab soalan dengan tiga writing pad tidak cukup. Jadi, saya mengucapkan kepada Ahli-ahli Parlimen, ianya satu manifestasi Ahli-ahli Parlimen kita membuat homework mereka dan saya hendak ulang sekali lagi, kalaulah ada orang menyatakan bahawasanya Ahli-ahli Parlimen kita tidak bertanggungjawab, tidak amanah dan tidak prihatin terhadap keluhan rakyat, saya hendak ajak orang itu datang ke Parlimen ini - tengok bagaimana mereka menyuarakan pandangan dalam Akta Pengambilan Tanah ini.

Jadi, saya ucap tahniah dan hanya kalau kita dengan panjang-panjang apa yang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong cakap tadi, saya tidak tahu fasal apa Tuan Yang di-Pertua beri dia satu jam, itu hak Tuan Yang di-Pertua tetapi ianya hanya merupakan manifestasi perasaaan yang frustrasi. Jadi, tidak apa juga yang hendak kita jawab. Jadi, oleh itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini kalau ada yang tidak terjawab saya minta maaf banyak-banyak, saya

hendak mengingatkan Ahli-ahli Parlimen sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat merasakan ada benda yang ketara terasa terbuka di kalbu ataupun beberapa pandangan yang mahu disampaikan kepada pihak kementerian ataupun dirasakan ada ruang yang tidak begitu adil dan tidak boleh diterima, saya ingin membuka peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya anytime - bila-bila masa sahaja berutus dengan pihak kementerian sama ada dengan pihak menteri ataupun kalau sudi Setiausaha Parlimen pun boleh terima. Kalau rasa hendak atas lagi menteri dan insya-Allah pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diletakkan pada tempat yang tinggi dalam penilaian kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 - 35 -

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya beberapa fasal. Yang pertama Fasal 3(2). Fasal 3(2) ini saya hendak tanya, sudahlah tadi kita tidak ada beri takrif public purpose, jadi mengapa seksyen 3(2) ini hanya permohonan tanah di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c) sahaja yang mesti mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Apa rasionalnya seksyen 3A itu, acquisition di bawah 3A itu tidak perlu mengikut ataupun dikecualikan daripada pindaan ini kerana seperti yang saya katakan tadi kita bimbang dia minta di bawah 3A tetapi sebenarnya dia bermain kelip mata, sebenarnya dia maksudkan 3B. Jadi, kita kluatir nanti lama-lama UPEN ini dia tidak ada kerja sebab semuanya mohon nanti di bawah 3A kerana di bawah 3A tidak perlu pergi UPEN, tidak perlu jawatankuasa dah, jadi apa rasionalnya?

Saya juga hendak tanya apa rasionalnya jawatankuasa tanah ini diberi tempoh dua bulan untuk memberi angkat permohonan ini kepada pihak

berkuasa negeri. Mengapa di peringkat pejabat tanah di peringkat UPEN tidak diberikan time frame ini? Mengapa bila sampai tentang tanah ini ia beri time frame dua bulan untuk menyelesaikan? Jadi, kita kluatir juga bila perkara ini sudah sampai kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah nanti, ada pihak-pihak yang berkepentingan, dia akan terus bawa perkara ini kepada pihak berkuasa negeri dan Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah ini juga kita lihat ia tidak ada korum, ia tidak ada sebut korum, ia hanya beritahu siapa ahli-ahlinya tetapi berapa ramai korum tidak disebut kerana semalam kita bincangkan Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional pun ada ditulis korum, jadi ini besok, sudahlah diberi tempoh dua bulan, ini kita faham-faham sahajalah di peringkat negeri ini semuanya sibuk. Setiausaha Kerajaan Negerinya, PTGnya semua sibuk, sudahnya besok dia panggil dua orang sahaja, dia bincang-bincang okay sudah jalan sebab tidak ada ditentukan korum di dalam Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah.

Dan saya juga ingin mendapat penjelasan ada satu kuasa penambahan di bawah seksyen 3C jawatankuasa ini, untuk mengelakkan berlakunya lagi pandangan-pandangan serong kepada pihak kerajaan negeri, boleh ataupun tidak di perenggan 3C(2)(a)(v) kemudian dengan 3C(2)(b)(vii)

“representatives of the other related government departments or agencies as may be determined by the chairman”

boleh tidak kita letak pegawai BPR satu sebagai ahli duduk di dalam Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah ini supaya tidak ada lagi dakwa-dakwi mengatakan kerajaan kita ataupun pihak tertentu ini terlibat di dalam rasuah. Kalau boleh timbangkan masukkan pegawai BPR di dalam salah satu jawatankuasa tanah ini.

Kemudian yang 3E(4) ini saya hendak minta penjelasan sedikit:

“Bagi melindungi kepentingan tuan tanah dan kerajaan negeri sendiri, pemohon dikehendaki memberi jawapan kepada pentadbir tanah dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh menerima notis pentadbir tanah sama ada bersetuju atau tidak dengan syarat-syarat kelulusan yang diberi oleh PBN. Kegagalan pemohon memberikan jawapan dalam tempoh tersebut akan menyebabkan beliau dianggap sebagai telah menarik diri”.

Jadi, saya hendak tanya dalam tempoh tiga puluh hari ini ada tidak proses untuk buat rayuan? Tiga puluh hari ini adakah termasuk rayuan? Jadi, kalau

bila dia ada memohon rayuan dan tidak pun dinyatakan di dalam akta ini sama ada dia berhak atau dia boleh ataupun tidak untuk membuat rayuan.

Jadi, saya rasa itu sahaja yang saya ingin sentuh dan yang seksyen 40A, 40B, 40C dan 40D ini walaupun kita ada dua accessor untuk kita memberi penilaian macam mana kita hendak reconsile dengan seksyen 37D, kalau saya tidak silap, 37D di mana orang yang berkepentingan itu nanti juga dia berhak menolak segala cadangan-cadangan yang telah diputuskan oleh pihak berkuasa kerajaan, oleh pihak kerajaan negeri. Ini kes yang saya sebut tadi itu. Jadi, dalam kes itu dia ada kuasa 37D kalau saya tidak silap bermakna kalau pihak kerajaan negeri telah memutuskan untuk membayar sekian-sekian harga, kalau dia tidak setuju dia boleh minta supaya harga ganti rugi itu dibayar dengan lebih kurang lagi dan kalau mengikut kes yang saya sebut tadi bahawa mahkamah bersetuju bahawa pihak yang berkepentingan ini tadi, dia ada kuasa. Jadi, macam mana kita hendak 'reconsile'kan seksyen 37D kalau saya tidak silap dengan seksyen 40 ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada satu lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak jawab atau hendak beri dia dahulu?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Oh!

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Pengerusi, cuma satu sahaja, yang 3F(2) ini membolehkan pentadbir tanah itu untuk membuat satu siasatan jika permohonan itu ditarik balik atau dirosak dan ia akan menentukan jumlah deposit akan dirampas untuk membayar sebagai pampasan kepada tuan tanah. Jadi, kita ada satu tempoh masa yang ditetapkan, jadi bagaimana saya minta penjelasan sama ada perlu kita tetapkan satu tempoh masa seperti yang disebut oleh 3E(4) itu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Soalan yang pertama itu berkenaan dengan 3A - mengapa guideline ataupun garis panduan ini tidak tertakluk kepada 3A hanya 3B dan 3C. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun 3A ini tidak pernah, bukan tidak pernah dapat, tidak begitu ketara kontroversinya, saya boleh katakan tidak ada kontroversi. Oleh kerana

itu 3A ini biasanya diterima, biasanya kalau rakyat dapat notis tanahnya akan diambil untuk buat sekolah, balai raya, masjid dan sebagainya, dia jarang sangatlah protes, hanya kadang-kadang dia protes dari segi nilai sahaja. Itu pun ada kaedah-kaedah tertentu yang membolehkan mereka merayu dan saya memahami Yang Berhormat dan saya sendiri sebagai Ahli Parlimen saya juga merasakan bahawasanya kadang-kadang tidak adil kalau ada pengambilan tanah dilakukan di bawah 3A akhirnya diguna untuk benda lain tetapi percayalah walaupun tidak ada jaminan dari segi undang-undang bolehlah kalau saya nyatakan begini, bolehlah saya ulangkan apa yang saya nyatakan tadi. Daripada pucuk pimpinan kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Ahli-ahli Kabinet semua telah mengatakan perkara ini adalah serius dan kalau boleh saya ulang apa yang saya nyatakan tadi, dengan izin, for heaven sake, it is not worth to defy, dari segi pentadbirannya boleh diadakan kawalan.

Yang kedua, mengapa Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah diberi dua bulan. Tuan Pengerusi, saya memahami tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kementerian merasakan perlu diadakan satu time frame, nombor satu. Yang kedua, time frame itu mestilah masa yang mencukupi bagi pegawai-pegawai membuat persiapan. Yang ketiga, ianya tidak terlalu panjang supaya tidak akan mengendalakan projek dan juga menyebabkan kemusykilan kepada kedua-dua pihak pemaju dan juga pihak tuan tanah. Dari segi kementerian yang mengatakan bahawasanya very arbitrary figure, dengan izin, dua bulan, boleh tiga bulan, boleh sebulan, tetapi kita merasakan dua bulan adalah tempoh masa yang sesuai berasaskan kepada kajian dari segi pihak Pejabat KPTG kalau perkara ini hendak dibuat beberapa hari dan sebagainya sepertimana Yang Berhormat dari Tanjong Karang kata tadi, dengan mengambil kira kesibukan pegawai-pegawai di peringkat negeri dan sebagainya.

Yang ketiga ialah kuorum. Saya ucap terima kasih perkara ini boleh saya ke pengetahuan Majlis Tanah Negara. Kalau tidak dipinda pun rang undang-undang ini, boleh dilakukan secara pentadbiran. Sesungguhnya kuorum itu yang penting ialah the people that method must attend, dengan izin. Maknanya kalau hari itu kita hendak membincangkan permasalahan architecture atau kejuruteraan dan environment sebagainya, orang-orang atau pegawai-pegawai berkenaan penting

hadir. Saya percaya, saya memberi keyakinan kalau SS panggillah di peringkat negeri, kalau pegawai-pegawai tidak datang, biasanya dalam pengalaman saya mereka tidak mungkir. Tetapi saya tidak tahulah kalau pegawai-pegawai sekarang ini adalah engkar. Pada pandangan saya ianya tidak ada menimbulkan masalah.

Untuk memasukkan BPR ini satu pandangan yang baik. Tetapi kalau BPR di dalam, mungkin semuanya baik, tetapi di luar dia buat tidak baik. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diketengahkan. Satu perkara tadi saya tidak berapa dengar fasal dua assessor, bagaimana kita hendak reconcile dua assessor kalau dua membuat penilaian berbeza dengan 37D, saya pun tidak sempat hendak check. Yang ini, minta maaf Yang Berhormat, saya akan merujuk kepada pihak...

**Tuan Noh bin Omar:** 37(3).

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Bagaimana hendak reconcile, bolehkah Yang Berhormat bantu saya ulang sekali lagi, saya tidak sempat hendak tulis tadi. Dia cakap laju dan banyak pula perkara dan benda ini pula teknikal. Saya sudah kata, Yang Berhormat ialah the legal man, I am very illegal. *[Ketawa]*

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya bersedia berbincang di luar Dewan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, sebenarnya ahli-ahli wakil rakyat semacam inilah saya tengok ada potensi masa depan, *[Ketawa]* boleh berkira. Inilah sikap bertolak ansur. Kadang-kadang Setiausaha Parlimen bukan tahu semua, tetapi terpaksa jawab juga.

Tadi berkenaan tempoh masa, yang ditanyakan oleh seorang Yang Berhormat. Sebenarnya jawapan untuk memberi ruang kepada Pentadbir Tanah mengumpulkan maklumat, saya tidak ada jawapan bagi sama ada boleh kita tetapkan satu masa. Tetapi bolehlah dijadikan satu cadangan, Yang Berhormat. Saya minta maaf, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Fasal 1 hingga 35** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG TAFSIRAN (PINDAAN) 1997

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**  
8.07 mlm.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta-akta Tafsiran 1948 dan 1967 untuk mengesahkan perbuatan yang dilakukan menurut peruntukan akta-akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menjadi perlu ekoran keputusan Mahkamah Persekutuan pada 18 Disember 1996 dalam kes Wong Pot Heng dengan Haji Rosli bin Haji Kamarudin dan Kerajaan Malaysia. Dalam kes itu, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa peruntukan seksyen 20 Akta-akta Tafsiran 1948 dan 1967, iaitu Akta 388 tidak boleh digunakan untuk membuat perundangan subsidiary yang berkuatkuasa secara kebelakangan jika tidak ada peruntukan dalam akta yang di bawahnya, perundangan subsidiary itu dibuat yang membenarkan kuatkuasa kebelakangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tarik seksyen 20, Akta 388 itu mula berkuatkuasa, itu pada 18 Mei 1967, sudah begitu banyak perundangan subsidiary yang dibuat dengan kuatkuasa kebelakangan. Kebanyakan perundangan subsidiary yang berkuatkuasa secara kebelakangan ialah Perintah Pengecualian. Contohnya, pengecualian daripada cukai pendapatan, cukai jualan, cukai perkhidmatan, duti kastam dan duti setem. Kuatkuasa kebelakangan tidak pernah diberikan bagi perkara-perkara yang melibatkan penalti, kerana itu jelas ditegah dalam proviso kepada seksyen 20 itu.

Sebelum kes Wong Pot Heng, seksyen 20, Akta 388 tidak pernah ditafsirkan oleh mahkamah di Malaysia. Di Singapura bagaimanapun, Mahkamah Rayuan Singapura dalam kes Attorney General lwn. Cold Storage Singapura Private Ltd. tahun 1979, MLJ/227 telah memutuskan bahawa seksyen 23, Akta Tafsiran Singapura yang sama isinya dengan seksyen 20, Akta 388 membenarkan pembuatan perundangan subsidiary yang berkuatkuasa secara kebelakangan. Keputusan Mahkamah Rayuan Singapura dalam kes Cold Storage itu telah

dikemukakan kepada Mahkamah Persekutuan dalam kes Wong Pot Heng untuk menyokong hujah bahawa seksyen 20 membenarkan perundangan subsidiary dibuat secara kebelakangan. Bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan memilih untuk tidak mengikut keputusan dalam kes itu.

Oleh sebab Mahkamah Persekutuan ialah mahkamah tertinggi di negara ini, maka tiada rayuan selanjutnya dapat dibuat terhadap keputusan dalam kes ini. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan dari masa ke semasa untuk membuat perundangan subsidiary yang berkuatkuasa secara kebelakangan. Terdapat dua pilihan berikutan kes Wong Pot Heng itu, iaitu pertama, meminda semua akta dan ordinan di negara ini untuk memasukkan kuasa membuat perundangan subsidiary yang berkuatkuasa secara kebelakangan atau pilihan kedua ialah (b) untuk meminda Akta 388 untuk menjadikan lebih jelas bahawa peruntukan dalam seksyen 20 akta itu sememangnya dimaksudkan oleh Parlimen untuk digunakan berkenaan dengan perundangan subsidiary yang diperbuat di bawah akta atau ordinan.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah praktik untuk meminda semua akta dan ordinan yang sedang atau masih berkuatkuasa untuk memasukkan peruntukan yang menjadi perlu oleh sebab kes Wong Pot Heng ini. Oleh yang demikian, satu-satu pilihan yang praktik ialah untuk kita meminda Akta 388.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk mengatasi kesan daripada kes Wong Pot Heng ialah pindaan kepada (i) tajuk panjang Akta 388, dan (ii) pindaan kepada seksyen 20, seksyen 23 dan seksyen 25. Pindaan yang dicadangkan kepada tajuk panjang Akta 388 dimaksudkan untuk menolak tafsiran bahawa Akta 388 ini hanyalah dengan izin, a statute concern *prima facie* with meaning of words used in statute so that the same word can have uniform meaning as far as possible, so that the same meaning need not be repeated in various statute with much tedious.

Walaupun memang benar Akta 388 mengandungi tafsiran perkataan dan ungkapan bagi maksud sedemikian, namun Akta 388 juga mengandungi begitu banyak peruntukan yang dimasukkan untuk mengelakkan peruntukan yang serupa menjadi perlu dimasukkan ke dalam setiap akta yang diperbuat oleh Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 20 ialah kemasukan perkataan-perkataan tambahan yang bermaksud bahawa kuasa yang ada dalam seksyen itu untuk memberikan

kuatkuasa kebelakangan kepada sesuatu perundangan subsidiary boleh digunakan walaupun tiada peruntukan khusus dalam akta yang di bawah perundangan subsidiary itu dibuat.

Pindaan kepada seksyen 23, Akta 388 pula bertujuan memastikan tidak lagi dibuat tafsiran bahawa jika sesuatu perundangan subsidiary dibuat dengan kuatkuasa kebelakangan tanpa kuasa yang nyata dalam akta yang di bawahnya perundangan itu dibuat, maka perundangan itu dikira tidak selaras dengan akta itu, dan oleh itu tidak sah walaupun peruntukan yang membenarnya kuatkuasa sedemikian terdapat dalam Akta 388 itu.

Seterusnya pindaan kepada seksyen 25, Akta 388 bertujuan untuk menjelaskan bahawa jika ada kuasa di bawah Akta 388 berkenaan dengan perundangan subsidiary, maka kuasa itu adalah memadai walaupun tidak disebut bahawa perundangan subsidiary itu dibuat di bawah kuasa sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kes Wong Pot Heng adalah difikirkan bahawa beberapa peruntukan lain yang berkaitan dengan pentafsiran undang-undang bertulis juga wajar dipinda untuk menghapuskan kesamaran. Pindaan kepada seksyen 15, Akta 388 bertujuan untuk mewujudkan peruntukan khusus dalam undang-undang yang menyatakan bahawa mukadimah dan tajuk panjang sesuatu akta adalah menjadi sebahagian daripada akta itu. Ini berbeza daripada nota birai yang terdapat dalam akta, tetapi tidak sebenarnya merupakan sebahagian daripada undang-undang yang terkandung di dalam akta itu.

Ketika ini mukadimah dan tajuk panjang memang lazimnya ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Akta, namun adalah dikhuatiri bahawa jika tiada peruntukan yang nyata dalam Akta 388 ini, mungkin akan ditafsirkan satu hari nanti bahawa mukadimah atau tajuk panjang atau kedua-duanya tidak menjadi sebahagian daripada akta. Selain itu suatu seksyen baru iaitu Seksyen 17A dicadangkan dimasukkan supaya mahkamah akan mentafsirkan suatu undang-undang dengan mengambil kira maksud undang-undang itu dibuat, baik yang tersurat mahupun yang tersirat. Pindaan juga dicadangkan kepada Seksyen 27 untuk memperjelaskan bahawa perundangan subsidiari boleh mewujudkan kesalahan. Walaupun tidak dinyatakan secara nyata dalam akta yang di bawahnya ia dibuat. Walaupun ini belum pernah dipertikaikan, namun penjelasan ini didapati perlu memandangkan apa yang berlaku dengan pentafsiran Seksyen 20.

Tuan Yang di-Pertua, selain pindaan-pindaan yang dinyatakan di atas 2 pindaan dicadangkan untuk memudahkan penggunaan cara dan bahantara elektronik misalnya dalam penyenggaraan daftar-daftar yang dikehendaki di bawah undang-undang. Pindaan-pindaan itu ialah pindaan kepada takrif 'writing' dalam Seksyen 3, Akta 388 dan kemasukan Seksyen baru 62A. Peluang juga diambil untuk membuat pindaan berbangkit kepada beberapa takrif perkataan dalam Seksyen 3. Takrif perkataan 'Lord President' dipinda menjadi 'Chief Justice' oleh sebab perubahan nama jawatan Ketua Hakim Negara dalam bahasa Inggeris yang dibuat melalui pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang berkuatkuasa pada 24hb. Jun 1994. Sebutan tentang Supreme Court dalam takrif 'Rules Committee' juga dipinda atas sebab-sebab yang sama. Takrif 'West Malaysia' dipinda untuk memasukkan 'Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur' berikutan penubuhan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pada 1hb. Februari, 1974. Selain itu ada juga cadangan supaya istilah 'West Malaysia' itu sendiri dipinda menjadi Peninsular Malaysia bagi mencerminkan kegunaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta-akta Tafsiran 1948 dan 1967 untuk mengesahkan perbuatan yang dilakukan menurut peruntukan akta-akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada hendak bahas ya.

[Tiada perbahasan]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SABAH) (PINDAAN) 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**8.21 mlm.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Peguambela (Sabah) Bab Kedua dibaca kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Institut Teknologi MARA atau ITM telah diberi kuasa untuk menganugerahkan ijazah. Antara ijazah yang boleh dianugerahkan ialah Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dan sekumpulan pertama siswazah ITM telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dalam bulan Oktober, 1996.

Untuk membolehkan siswazah ITM yang telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Semenanjung Malaysia, Jadual kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 telah dipinda melalui PU(B)576/1996 dengan menyenaraikan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada ITM sebagai kelulusan yang diiktiraf. Siswazah ITM yang dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) hanya boleh diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Sabah jika Ordinan Peguambela (Sabah) dipinda sewajarnya. Rang Undang-undang ini bertujuan melaksanakan pindaan yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Peguambela (Sabah) ialah undang-undang yang hanya boleh dipinda oleh Parlimen, kerana perkara-perkara tentang profesion dan khususnya tentang orang-orang yang berhak menjalankan amalan di mahkamah selain Mahkamah Syariah dan Mahkamah Anak Negeri adalah terkandung dalam senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan

kepada Perlembagaan Persekutuan.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini mencadangkan pindaan kepada perenggan 4(1)(cc) dengan memasukkan sebutan tentang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) yang dianugerahkan oleh ITM. Perenggan 4(1)(cc) itu sekarang ini sudah pun mengandungi sebutan mengenai Diploma Lanjutan yang ditawarkan oleh institut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela (Sabah) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong Karang.

**8.24 mlm.**

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan yang telah meminda undang-undang ini dengan terpindanya Rang Undang-undang perenggan 4(1)(cc) Ordinan Peguambela (Sabah) untuk membolehkan seseorang yang telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) oleh ITM diterima masuk sebagai seorang peguambela di Sabah, maka dengan ini merupakan satu penghargaan kepada ITM, bermakna kita di Dewan yang mulia ini telah pun membahaskan pindaan untuk menaikkan taraf ITM dan hari ini segala apa yang kita perjuangkan bukan sahaja diterima di Semenanjung, tetapi juga di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan undang-undang ini, maka sudah tentu bilangan peguambela-peguambela di negara kita ini makin bertambah. Jadi, apabila peguambela-peguambela ini makin bertambah, sudah tentu kita ingin menjaga kualiti peguam-peguam ini. Saya ingin mendapat pandangan daripada pihak Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat lagi sebelum seseorang pelajar undang-undang atau peguam itu boleh membuka firma mereka sendiri. Dahulu ada ura-ura menyatakan bahawa seseorang peguam yang hendak membuka firma sendiri, membuka syarikat guamannya dia haruslah ada pengalaman sebagai seorang peguambela,

peguamcara sekurang-kurangnya 5 tahun, kalau tidak silap saya. Kalau ini tidak ada pun saya ingin mencadangkan supaya kenakan syarat 5 tahun supaya apabila 5 tahun dia bekerja dengan mana-mana firma dan kita harap apabila dia membuka syarikatnya, maka dia akan menjadi seorang peguam yang berpengalaman, bukan itu sahaja, kalau boleh kita juga minta peguam-peguam ini biarlah dia ini ada partnership, biarlah sekurang-kurangnya dua orang partner atau rakan kongsi. Kadang-kadang kalau seorang sahaja sole proprietor ini kadang-kadang kita lihat kelam-kabut. Dia seorang, dia hendak berkejar kes sivil, kes criminal, itu yang kadang-kadang kita lihat, oleh kerana ketidakhadiran peguam-peguam ini boleh menjejaskan juga kes-kes yang tertangguh di mahkamah. Kadang-kadang oleh kerana dia terlampau banyak kes, dia minta kes-kes di mahkamah itu dipostpone. Jadi, kita harap ciri-ciri ini harus ada sepertimana yang dikenakan oleh bank, sebagai contoh. Institusi kewangan atau bank-bank dia hendakkan syarat-syarat tertentu untuk menjadi panel. Ia mesti sudah beroperasi selama 5 tahun, kemudian ada partner rakan kongsi. Jadi, ini sudah tentu pihak bank apabila ia mengenakan syarat-syarat ini untuk menjadi penal lawyer mereka, mereka berkehendakkan lawyer atau firma-firma guaman ini yang betul-betul berkualiti untuk menjalankan amanah yang ditugaskan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai peguam kita terikat dengan berbagai-bagai undang-undang. Kita ada Legal Profession Act, kemudian kita juga terpaksa akur kepada keputusan-keputusan mahkamah, kalau kita tidak puas hati dengan keputusan mahkamah, kita tidak boleh membuka komen terbuka, takut kena contempt of court. Kita terpaksa ikut prosedur-prosedur kita, kita boleh membuat rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi. Jadi, saya percaya seorang peguam kita akan menghormati kepada undang-undang yang kita amalkan sendiri, tetapi persoalan yang saya hendak timbulkan di sini ialah bagaimana cara kerajaan untuk bertindak kepada peguam-peguam yang mempunyai imuniti, yang menggunakan Dewan yang mulia ini untuk tempat dia melepaskan geram. Ini kadang-kadang apabila dia menjadi seorang Ahli Parlimen, dia tidak boleh membezakan waktu dia bercakap di dalam Parlimen ataupun di mahkamah. Cara hujah yang dikemukakan di dalam Dewan ini, seolah-olah dia berhujah di dalam mahkamah. Ini kadang-kadang kita lihat hujah-hujah yang dikemukakan di Dewan ini telah ditolak oleh mahkamah. Dia tidak puas

hati dengan keputusan mahkamah, dia lepas geram di dalam Dewan ini terutamanya Yang Berhormat dari Jelutong - ini tidak sedap sebab dia tidak ada. Kalau ada saya pun berani cakap. Dia lepaskan segala yang tidak puas hatinya di dalam Dewan ini dan dia tahu kalau dia cakap apa sekali pun dia ada privilege, tidak boleh didakwa sebagai contempt of court dan sebagainya.

Walaupun kita ada peraturan-peraturan Dewan yang menghalang beliau bercakap, maknanya kes-kes yang telah, yang sedang dibincang atau pun kes yang telah pun diputuskan oleh mahkamah. Tetapi kita lihat baru-baru ini bukan sahaja dia tidak mematuhi peraturan Dewan, dia hendak argue lagi, dia tidak puas hati dengan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, keputusan Tuan Yang di-Pertua pun dia masih pertikaikan lagi. Dia masih hendak melafazkan rasa tidak puas hatinya dan kita tahu ini adalah style pembangkang. Apabila mahkamah memihak kepada beliau, kepada kes parti pembangkang dia tidak ada cakap terima kasih pun. Begitu juga dengan petition pilihan raya, dua kes di Sarawak, kita lihat memihak kepada DAP, dia tidak ada cakap pun terima kasih. Dahulu apabila bekas Yang Berhormat dari Bukit Bintang kalah, Yang Berhormat yang baru ini ganti dia seolah-olah menghina mahkamah. Dia tidak menghormati keputusan mahkamah, di mana ada keadilan pihak pembangkang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah sampai masanya pihak kerajaan kena memikirkan bahawa sesiapa yang ada interest secara langsung dengan kes-kes mahkamah ini, supaya apabila dia bercakap dalam Dewan ini mestilah ada batasnya atau dihalang. Hari ini kita ada Peraturan Dewan 35(6), hanya sesiapa yang ada pecuniary interest atau faedah kewangan sahaja yang diminta isytihar sejauh mana interest yang ada sebelum dia memulakan hujah, tetapi kita tengok 35(6) ini pun kita jarang guna. Jadi, saya ingat sudah sampai masanya supaya kita sebagai Ahli Parlimen pembuat dasar tidak dicampuradukkan dengan pengamal undang-undang, maka kerajaan kena memikirkan mana-mana Ahli Parlimen yang terlibat secara langsung dengan mana-mana kes, bukan sahaja kes mahkamah, mana-mana kes, sama ada kes mahkamah atau pun kes-kes yang lain yang dia terlibat secara langsung, maka dia sepatutnya tidak boleh bercakap dalam Dewan ini kerana kita tahu bila dia bercakap dalam Dewan ini, dia akan mengambil kesempatan untuk melepaskan perasaan geramnya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, tidak ada lagi. Sila jawab!

8.30 mlm.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat rakan saya dari Tanjong Karang yang telah memberi pandangan beliau berkenaan dengan beberapa perkara. Yang dapat saya nyatakan di sini ialah iaitu pertamanya di antara lain mengapa kita mahukan dipinda rang undang-undang ini untuk membolehkan mereka yang berkelulusan daripada ITM diterima sebagai peguambela dan peguamcara di Sabah ialah kerana untuk membantu mereka tidak menghabiskan wang dengan pergi ke luar negeri untuk menuntut ilmu undang-undang ini.

Jadi, sebab itu, kita lakukan perkara ini sebenarnya ialah untuk kepentingan rakyat supaya dapat kita selain daripada membantu mereka, kita juga menghentikan aliran wang yang dibelanjakan oleh ramai orang-orang Sabah untuk menuntut pelajaran di luar negeri bagi ilmu undang-undang ini, saya percaya termasuk juga Tuan Yang di-Pertua, yang pergi ke luar negeri.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang iaitu ada setengah-setengah peguam yang mengambil kesempatan untuk melepaskan geramnya dengan kerana tidak puas hati keputusan mahkamah yang diambil, yang tidak memihak kepada dia. Sebenarnya Yang Berhormat, perkara yang hanya orang kata 'memantau monitor' kita ini ialah point of order kitalah, peraturan-peraturan ini.

Jadi, sebab itu, memang betul Yang Berhormat sebut iaitu dalam peraturan hanya sekadar untuk dia menyebut bahawa dia mempunyai 'pecuniary interest', maka selepas itu dia boleh membahaskan apa juga perkara yang mahu dibahaskan oleh beliau.

Jadi, saya melihat di sini iaitu bahawa kita juga harus kena jaga dengan 'the sovereignty of the Parliament', bermakna kita di dalam Parlimen ini sebenarnya diizinkan untuk membahaskan apa juga perkara yang ada di bawah langit, di bumi Malaysia ini, tidak ada had dan kalau sekiranya ada perkara-perkara yang dianggap sebagai seditious ataupun yang lain-lain, maka sebab itu kadangkala kita dicabar untuk menyatakan perkara ini di luar Parlimen, selepas itu sahaja baru kita boleh mengambil tindakan terhadap orang yang telah

mengeluarkan ungkapan seditious terhadap mana-mana pihak.

Oleh kerana the sovereignty of the Parliament ini, jadi, oleh kerana itu agak sukar bagi kita untuk mengadakan satu undang-undang yang menghadkan keupayaan kita sendiri. Tetapi, cuma kita boleh mengawal perkara ini kalau sekiranya kita meminda point of order yang digunapakai oleh kita dalam Parlimen, baru saya kira boleh kita memantau dan mengawal perkara-perkara yang dianggap sebagai 'conflict of interest'.

Tetapi sebenarnya, the sovereignty of the Parliament ini, saya kira agak sukar untuk kita lakukan perkara ini. Mungkin kita boleh gunakan perkara-perkara peraturan yang lain kalau sekiranya perbuatan dia atau percakapan dia, hujah-hujah dia itu menyinggung perasaan ahli-ahli yang lain, itu boleh kita suruh dia keluar dan gunakan apa-apa peraturan yang ada di dalam point of order kita.

Tetapi untuk kita mengikat perkara yang boleh dilakukan oleh kita sendiri, itu saya kira agak sukar untuk kita buat, kerana seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, 'Parliament is sovereign', kita boleh berbincang apa sahaja dan bukan sahaja di dalam Parlimen, malah kalau di luar sekalipun, kalau kita menjadi pengerusi kepada satu jawatankuasa yang meluluskan sesuatu perkara dan kalau sekiranya kita mempunyai 'conflict of interest', sebenarnya mengikut peraturan kita, kita hanya sekadar untuk menyatakan bahawa kita ada 'interest' dan kalau dikatakan kita boleh terus bermesyuarat, kita terus mesyuarat.

Jadi, kalau di peringkat luar Parlimen pun, sukar untuk kita memantau dan mengawal perkara 'conflict of interest' ini hanya sekadar untuk dia mengisytiharkan hak dia, jadi, agak sukar untuk kita menggunakan bagi menghadkan Ahli-ahli Parlimen kita untuk bercakap tentang perkara 'conflict of interest', tetapi sebenarnya boleh dihujahkan di dalam Parlimen menerusi peraturan point of order yang kita ada pada hari ini.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini kerana saya ingin mendapatkan pendapat daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri adakah kita nanti bercadang untuk meminda point of order. Ini kerana kita lihat setiap kali sesi perbincangan, kadang-kadang dia bercakap kes-kes yang ada 'conflict of interest' dia. Bercakap panjang-panjang, hari ini kita tunggu dia seorang pun tidak ada!

Dia bam-bam-bam bercakap, kita pun tidak faham apa dia cakap, sebab dia ada interest kepada

kes-kes yang tertentu pihak Pembangkang ini. Bila 'time' sambung macam ini, boleh dikira berapa orang yang ada di dalam Pembangkang. Jadi, kita tidak mahu Pembangkang ini menggunakan Dewan ini untuk dia melepaskan geram sahaja.

Jadi, saya ingat sudah sampai masanya kita kena pinda Peraturan Mesyuarat ini supaya dia bercakap, kalau dia tidak 'interest', dia tidak boleh bercakap panjang-panjang, dia bukan tahu apa pun dia cakap! Oleh kerana dia ada 'interest' dia boleh bercakap panjang-panjang. Jadi, itu yang saya lihat keadaan Pembangkang ini tidak memberi faedah kepada kita. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira kalau dia datang dalam Parlimen, dia melepaskan perasaan ke'frust'an dia [*Ketawa*] kalau boleh gunalah, ke'frust'an - perasaan memuncak dan marah dia.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat iaitu bahawa kadang-kadang dia datang ke sini, dia lepaskan 'frust', kita tidak faham. Yang Berhormat, kalau kita tidak faham Yang Berhormat ingat rakyat boleh fahamkah? Rakyat lagi tidak faham! Tak usah dok pedulilah hal dia ini!

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebab itu kita, akhirnya nanti apabila dia bercakap banyak sekali pun, akhirnya nanti yang menjadi hakim kepada apa yang dikatakan dalam Dewan ini ialah rakyat yang akan memilih kita. Sebab itu, saya hendak katakan di sini, dalam sesi yang lepas, dia lepas geram begitu banyak sekali sehinggakan rakyat sendiri pun tak faham, bukan kita sahaja yang tidak faham, rakyat pun tak faham, sebab itu rakyat tendang dia. MCA kita sapu bersih kawasan DAP di kawasan-kawasan yang dahulu dipegang oleh mereka.

Jadi, saya ingat biar dia bercakap kerana ada saluran untuk dia melepaskan 'frust' dia. Dan kita sebagai wakil rakyat, 'lantak' pergilah dia bercakap, dia hendak bercakap!

Sebenarnya, apa yang dia kata itu, sukar untuk sampai ke bawah dan yang penting kepada kita ialah 'hakim' yang terakhir nanti ialah rakyat - pengundi. Sebab itu, bila rakyat melihat, dia bercakap pun 'merapu', dia lepaskan 'frust', rakyat sekarang sudah sofistikated, bukan macam dahulu, sebab itu mereka mengambil keputusan memberikan kemenangan yang besar kepada Barisan Nasional.

**Tuan Lim Si Cheng:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sekejap, Yang Berhormat!

Sekarang ini, tidak ada di sini! Ini semua pergi ke Teluk Intan! Sebab, dia bersungguh-sungguh hendak dapat kerusi Teluk Intan. Tetapi kita tahulah, macam-macam taktik yang dia gunakan untuk menang. Ada satu akhbar *China Press* melaporkan iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik mengatakan bahawa kita tidak perlu undi Cina. Ini satu taktik yang digunakan oleh mereka menggunakan akhbar untuk mendapat sokongan daripada orang-orang Cina. Yang ini, kita tidak puas hati dan saya percaya *China Press* pun akan dipanggil untuk diberitahu mengapa mereka mengeluarkan kenyataan yang tidak pernah dihujahkan oleh pemimpin Barisan Nasional.

Jadi, sebab itu kita serah kepada rakyat untuk menentukan tentang perkara ini. Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Senai.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan apa yang dikatakan oleh Pembangkang itu rakyat pun tidak faham. Kadang-kadang mereka mengelirukan rakyat jelata.

Saya ingin memberi satu contoh. Baru-baru ini ada satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pembangkang yang minta Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera meminta maaf kepada rakyat. Dia bercakap sesuatu yang sebenarnya, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera tidak buat di Parlimen di sini. Jadi, macam mana kita hendak mengambil tindakan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab itu saya rasa dalam hal ini, kalau sesuatu perkara yang disebutkan dalam Dewan yang tidak benar, saya minta kalau Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera yang dikatakan telah menyatakan sesuatu yang dia tidak kata, untuk kita challenge dia di mahkamah, kerana dia telah menyatakan sesuatu yang tidak pernah kita kata.

Jadi, kita mempunyai saluran 'remedial', dengan izin, di luar dan kita ambil tindakan itu. Dan kita jangan benarkan ianya dilapor begitu meluas dalam akhbar tanpa kita menjawab balik mengatakan bahawa apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu adalah tidak benar. Kalau dia buat pada saya, saya hendak beritahu di sini, kalau ada benda yang dia cakap yang tidak benar tentang saya, saya akan lawan dia di luar. Ini saya akan buat!

**Tuan Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak minta pandangan. Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sedar bahawa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini, dia kepala batu, dia degil, baru sahaja dia kena bayar ganti rugi RM29,000 kepada Presiden MCA. Sekarang dia keluarkan lagi kenyataan yang tidak betul. Jadi, orang yang tak makan saman ini macam mana kita hendak menyelesaikan masalah ini?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebenarnya, kita dalam Barisan Nasional tidak mengambil kesempatan di dalam perkara yang menguntungkan kepada kita. Kalau kita gunakan kesempatan kes mahkamah, dia kena bayar berapa puluh ribu ringgit kepada pemimpin MCA, saya rasa MCA patut menggunakan kesempatan ini untuk menunjukkan kepada pengundi, ini dia keputusan mahkamah yang jelas menunjukkan bahawa Ketua Pembangkang adalah penipu dan mahkamah membuat keputusan untuk dia bayar. Jadi, kita kena ambil kesempatan ini. Mungkin perbezaan antara kita dengan mereka, mereka ini exploit situation, dengan izin, dan kita ini 'gentleman'.

Tetapi, walau bagaimanapun, saya hendak memberitahu di sini, rakyat jangan kita 'under rete', rakyat yang membuat pengundian pada setiap lima tahun itu. Rakyat tahu siapa kita dan rakyat tahu siapa Pembangkang ini. Macam hari ini sahajalah, bercakap-bercakap tetapi kosong di sana itu. [*Sambil menunjuk ke arah tempat duduk pihak Pembangkang*]

Kalau bolehlah minta supaya diberitahu juga, kalau laporan dalam akhbar menunjukkan iaitu bahawa berapa ramai Ahli Parlimen yang datang hadir, kalau di pihak Pembangkang kosong seperti ini, tolonglah sebut. [*Ketawa*] Saya minta akhbar sebut! Hari ini waktu kita menjawab menunjukkan iaitu bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bertanggungjawab menunggu sampai habis, tetapi Pembangkang tidak ada! Mana PBS, mana DAP, mana PAS? Langsung tidak ada!

Tidak ada keupayaan dan kemampuan untuk melawan bertikam lidah dan berhujah dengan kita, perangai PAS memang macam itu. Dia pandai cakap-cakap orang, tetapi dia lari, ini kerja dia!

Saya sudah banyak kali, setiap kali membentangkan undang-undang apa sekali pun, dia bercakap, lepas itu dia 'cabut'! Sebab perangai dia, dia tidak

ada keupayaan untuk berhujah dengan kita, kerana hujah dia memang tidak boleh dipertahankan kalau ianya di'rebut', dengan izin, oleh kita. Kita kuat, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, bagi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, saya hendak mengatakan di sini iaitu bahawa berkenaan dengan yang hak lain-lain itu, iaitu berkenaan dengan kita mengamal selama lima tahun baru boleh kita membuka firma kita sendiri, perkara ini sebenarnya kita kena juga ambil kira pandangan di kalangan orang yang terlibat dengan izin, practice of law, di negara kita.

Kalau di kalangan mereka merasakan iaitu bahawa mereka tidak merasa tertekan kalau sekiranya seseorang itu mengamal undang-undang selama dua, tiga bulan, kemudian dia boleh buka firma, kalau peguam sendiri merasakan bahawa ini tidak mendesak atau menekan mereka, mengapa perlu kalau kita mengenakan had ini. Ini terpulung kepada mereka.

Kalau Bar Council merasakan di kalangan ahli-ahli mereka iaitu mutu telah jatuh, kurang dan kalau mereka merasakan iaitu perlu disyaratkan supaya untuk membuka firma ini mesti ada lima tahun pengalaman, biarlah pandangan dan cadangan itu datang daripada mereka dan kita kaji. Kalau tidak, mereka yang terlibat dalam perkara ini terserah kepada mereka.

Walaupun bagaimanapun, kita sedang mengkaji perkara ini dengan kajian yang lain-lain untuk menjadikan profesion guaman ini menjadi satu profesion yang akan terus dihormati oleh orang ramai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SARAWAK) (PINDAAN) 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**8.47 mlm.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak, Bab 110 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Institut Teknologi MARA (ITM) telah diberi kuasa untuk menganugerahkan ijazah. Antara ijazah yang boleh dianugerahkan ialah Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dan sekumpulan pertama siswazah ITM telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) itu dalam bulan Oktober 1996. Untuk membolehkan siswazah ITM yang telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Semenanjung Malaysia, Jadual kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 telah dipinda melalui PU (B) 576/1996 dengan menyenaraikan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada ITM sebagai kelulusan yang diiktirafkan.

Siswazah ITM yang dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) hanya boleh diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Sarawak jika Ordinan Peguambela Sarawak dipinda sewajarnya. Rang undang-undang ini bertujuan melaksanakan pindaan yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Peguambela Sarawak ialah undang-undang yang hanya boleh dipinda oleh Parlimen kerana perkara-perkara tentang profesion dan khususnya tentang orang-orang yang berhak menjalankan amalan di mahkamah selain Mahkamah Syariah dan Mahkamah Anak Negeri adalah terkandung dalam senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini mencadangkan pindaan kepada perenggan 4(1)(cc) dengan memasukkan sebutan tentang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) yang dianugerahkan oleh ITM. Perenggan 4(1)(cc) itu sekarang ini sudah pun mengandungi sebutan

mengenai Diploma Lanjutan yang ditawarkan oleh institut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

8.50 mlm.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya missed one flight at 8.45 malam oleh kerana hendak dengar undang-undang ini. Jadi, sama ada boleh balik pada malam ini ke Sarawak pun saya belum tahu lagi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah oleh kerana panggil nama saya walaupun kawan lain yang berdiri.

Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana meminda undang-undang ini dan membolehkan Bachelor of Laws (Honours) daripada ITM untuk mempraktikkan undang-undang di Sarawak kerana kalau ini tidak dibolehkan, makna kita berat sebelah. Kelulusan-kelulusan lain yang lulus daripada universiti lain boleh mempraktikkan undang-undang dan kelulusan daripada ITM yang mana kita nilaikan mempunyai taraf yang sama tidak boleh mempraktikkannya.

Tetapi satu persoalan yang berbangkit, kenapakah Bachelor of Laws (Honours) sahaja dikatakan dan bagaimana kelulusan Bachelor of Laws daripada universiti di England yang tidak mempunyai Kepujian iaitu Bachelor of Laws dan ada lagi satu Degree Undang-undang iaitu Degree Agrotech yang mana seseorang itu lulus dari segi undang-undang tetapi oleh kerana sebab-sebab medical tidak boleh menduduki peperiksaan akhir tetapi universiti memikirkan dia boleh lulus, tetapi beliau dibolehkan masuk ke 'in of court' untuk menjalani kursus profesional. Mereka ini bila balik ke Malaysia dibolehkan mempraktik undang-undang mereka. Jadi, kenapa kah Bachelor of Laws daripada Institut Teknologi MARA mesti mendapat Kepujian dan Bachelor of Laws daripada negara macam England dan Agrotech daripada universiti di England tidak perlu Kepujian. Kenapakah kita berat sebelah? Sepatutnya Bachelor of Laws dari England itu kalau tidak ada Kepujian jangan diberi kebenaran mempraktikkan undang-undang mereka di Sarawak juga kalau kita hendak meningkatkan

profesion perundangan di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pindaan kepada perenggan 4(1)(cc) ini adalah secara *ad hoc* buat sementara ini kerana pada masa sekarang pihak Persatuan Peguam Sarawak telah membuat satu penyelidikan untuk meminta kerajaan meminda semua seksyen 4 ini kepada satu peruntukan am. Maknanya, senarai-senarai kelulusan yang boleh diiktiraf oleh kerajaan mempraktikkan undang-undang di Sarawak disenaraikan di dalam satu schedule dan boleh di'amend' menerusi statute, tidak payah menerusi amendment undang-undang lagi dan kita buat satu peruntukan yang mana kita katakan kelulusan di bawah senarai ini boleh mempraktikkan undang-undangnya di Sarawak, tetapi senarai-senarai yang mereka hendak masukkan itu belum lagi mendapat kelulusan persatuan yang sebahagiannya di Bahagian Miri.

Jadi, saya percaya kalau masa dua, tiga bulan lagi senarai ini boleh kita terima dan kita boleh bawa ke sini. Tetapi oleh kerana pindaan (amendment) ini telah sampai ke sini, jadi dengan sendirinya senarai yang bakal mereka hendak majukan kepada kerajaan untuk memasukkan senarai universiti-universiti yang lain ataupun institut-institut yang lain di mana difikirkan layak untuk mempraktikkan undang-undang di Sarawak tidak dapat disenaraikan selain kelulusan daripada ITM. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian adalah baik juga kalau kita mendapat pandangan daripada Persatuan Peguam Sarawak yang mana mereka memikirkan banyak lagi kelulusan lain yang patut disenaraikan di bawah seksyen 4 ini membolehkan mereka mempraktikkan undang-undang mereka di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak tanya, kelulusan daripada ITM iaitu Advance Diploma dalam Undang-undang. Walaupun dalam senarai saya tidak nampak pun mereka ini dibolehkan mempraktik undang-undang di Sarawak selain daripada menjadi pegawai kerajaan. Walaupun Advance Diploma ini diiktiraf sebagai kelulusan Degree untuk memasuki jawatan-jawatan kerajaan, tetapi untuk mempraktikkan undang-undang mereka, saya belum nampak. Oleh kerana daripada segi praktikalnya saya tidak nampak, jadi saya ingin bertanya kepada Dato' Timbalan Menteri sama ada ini telah dibolehkan. Kalau tidak dibolehkan, kenapa tidak dibolehkan oleh kerana penilaian awal Advance Diploma ini adalah sama tarafnya dengan Bachelor of Laws (Kepujian) daripada Institut Teknologi MARA ini bahkan syllabus dan sebagainya semuanya sama, hanya perbezaan nama sahaja yang diubahkan. Jadi, adalah baiknya kelulusan-kelulusan sebelum 17 Oktober 1996 ini sepatutnya juga diiktiraf dan diberi pengiktirafan yang sama dan dibolehkan

mempraktikkan undang-undang setelah melalui prosedur-prosedur yang tertentu iaitu membuat chambering dan sebagainya. Tetapi kalau penilaian kerajaan tidak memberi taraf yang sama dengan Advance Diploma ini, apakah jadi kepada mereka ini? Kalau taraf yang sama diberi, adakah rancangan kerajaan memberi arahan kepada ITM agar Advance Diploma ini diconvert namanya kepada LLB kerana ini bukan perkara yang baru.

Pernah berlaku di England beberapa dekad dahulu dan pada dekad ini pun ada juga yang mana satu degree yang diluluskan oleh satu institusi sebelum mendapat charter daripada kerajaan ataupun Royal Charter daripada Queen diberi bermacam-macam nama, tetapi apabila Royal Charter telah diberi kepada institusi yang berkenaan, degree yang diterima sebelum itu dengan nama lain diberi nama yang biasa digunakan, umpamanya LLB, Bachelor of Laws dan sebagainya. Jadi, adakah kerajaan membuat satu rancangan yang Advance Diploma ini dikenali sebagai satu Degree ataupun LLB juga pada masa yang akan datang dan bilakah perkara ini akan dilakukan supaya memberi keadilan kepada pihak-pihak yang telah lulus yang mana pengiktirafan telah diberi oleh pihak kerajaan iaitu Advance Diploma holder ini adalah setaraf dengan Ijazah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan lima, tujuh tahun untuk mempraktik, ingin saya bangkitkan juga. Persatuan Peguam Sarawak telah berbincang mengenai soalan ini, bukan mengatakan lima tahun bahkan mereka mencadangkan supaya peguam yang telah mempraktikkan undang-undang selama tujuh tahun baru dibolehkan membuat syarikat mereka sendiri, mempraktik sendiri, tidak menjadi penolong kepada syarikat-syarikat lain tetapi oleh kerana kita gunakan lagi soalan demokrasi dalam perbincangan dan mesyuarat itu diadakan satu ballot, jadi pencadang (proposal) mengatakan yang mereka ini tidak boleh menubuh syarikat mereka sebelum tamat tujuh tahun ini dikalahkan, jadi dengan sendirinya cadangan itu tidak sampai kepada kerajaan.

Tetapi walau bagaimanapun, sebilangan besar peguam yang telah lama mengatakan kalau kualiti mempraktik undang-undang ini hendak ditingkatkan, kalau perkhidmatan itu hendak diperbaiki kepada masyarakat awam, kerajaan mesti mengambil tindakan yang tegas supaya melihat perkara ini, jangan pihak peguam-peguam muda ini oleh kerana mereka sudah menjadi ahli Bar Council dan Advocates Association menggunakan the number of majority mereka mengalahkan perkara-perkara yang rasional di belakangnya untuk memperbaiki profesion ini.

Dengan perkataan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Parit Sulong, selepas itu Timbalan Menteri diminta jawab.

8.59 mlm.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak berbicara secara ringkas sahaja iaitu saya menyokong kedua-dua rang undang-undang ini sebenarnya. Sebagai seorang bekas pelajar graduan School of Administration and Law daripada ITM, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan di atas pengiktirafan graduan-graduan Sekolah Undang-undang daripada ITM untuk memasuki legal service dalam negara ini dan diharapkan doa saya semoga apabila mereka menjangkau peringkat yang lebih tinggi termasuk ke peringkat sebagai legal draughtsman dan sebagainya, mereka akan menggunakan perkataan-perkataan Melayu yang tepat, tidak hanya membahasainggeriskan kepada perkataan Melayu di dalam rang undang-undang yang diperbahaskan dalam bahasa Melayu dalam Dewan Rakyat ini.

Saya membuat kenyataan ini sebagai round-up kepada seluruh perbincangan undang-undang di mana saya melihat banyak perkataan yang terlalu amat asing dan amat janggal bunyinya digunakan di dalam dan dilonggokkan, dicampuradukkan, dirojakkan sebagai bahasa Melayu. Sebagai contoh yang paling akhir, semalam saya mendapati perkataan 'bekues'. Saya faham maksudnya dalam bahasa Inggeris tetapi tidak adakah maksud yang relevan, yang tepat dalam bahasa Melayu?

Sewaktu kita membahaskan rang undang-undang siber mengenai jenayah komputer, tandatangan digital dan seterusnya, banyak perkataan yang terlalu asing diambil longgok dan dimasukkan sebagai bahasa Melayu. Siapakah authority bahasa Melayu ataupun bahasa Malaysia dalam negara? Kamar atau Chamber Attorney General ataupun Dewan Bahasa dan Pustaka? Saya mempersoalkan soal ini kerana saya tidak mahu perkara ini terus berbangkit dan diungkit di dalam Dewan Rakyat. Apabila sahabat saya dari Hulu Langat membangkitkan perkara ini, telah timbul dan mencetuskan satu kontroversi sehingga ditulis surat oleh Attorney General yang panjang seolah-olah memberi implikasi bahawa sahabat saya dari Hulu Langat tidak tahu bahasa.

Saya harap walaupun kita dalam keadaan yang terburu-buru untuk menggubal satu undang-undang, walaupun kita dengan niat yang baik untuk

menggubal satu undang-undang, saya harap di samping point of law kita titikberatkan point of language, dengan izin. Di samping kita menitikberatkan masalah-masalah perundangan, kita titikberatkan masalah bahasa. Saya takut nanti generasi akan datang akan mencerca generasi Ahli Parlimen hari ini kalau tidak menegur masalah bahasa ini.

Jadi, harap itulah sebagai kesimpulan saya kepada keseluruhan persidangan kita selama lebih kurang dua bulan di mana saya memang pada mulanya melihat perkara ini sebagai remeh tetapi sebenarnya perkara ini juga perkara yang unggul, perkara yang harus diberi tumpuan dan perhatian yang mendalam oleh pihak penggubal undang-undang dalam negara ini supaya keagungan bahasa Malaysia itu juga terpancar di dalam segala bentuk undang-undang yang tertulis di dalam negara kita.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:[Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

9.02 mlm.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua rakan saya dari Batang Lupar dan juga Parit Sulong. Sepertimana yang saya sebut di peringkat awal tadi, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional memang bertanggungjawab dan oleh kerana Yang Berhormat dari Batang Lupar mengambil bahagian di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini tetapi oleh kerana dia mengejar kapal terbang yang kedua, jadi terpaksa meninggalkan Dewan dan sebab itu dia minta - maaflah saya kena jawab waktu dia tidak ada. Inilah bezanya antara Barisan Nasional dengan pembangkang yang tidak bertanggungjawab. Kosong tempatnya di sana!

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar iaitu katanya kelulusan di luar negara di peringkat General Degree dan juga Agrotech dibenarkan diterima boleh mengamalkan undang-undang dalam negara, saya sebenarnya kurang memahami apakah mereka ini diterima untuk masuk mengambil peperiksaan Bar di England ataupun diterima sebagai peguam di dalam negara kita. Jadi, perkara ini saya tidak dapat kepastian kerana beliau tidak ada di sini, tetapi kalau saya faham apa yang disebut oleh beliau tadi iaitu bahawa mereka yang mendapat Agrotech dan juga General Degree ini dibenarkan untuk mengambil peperiksaan Bar di England, jadi saya kira walaupun mereka ada General Degree dan Agrotech dan dibenarkan mengambil peperiksaan Bar di England dan kalau

mereka lulus dengan degree yang diambil kira itu bukan lagi General Degree yang awal tadi tetapi sebenarnya kelulusan Bar at Law itu, sebab itu mereka diterima boleh mengamalkan di dalam negara kita.

Jadi, itu sebagai jawapanlah kalau saya dapat tepat apa yang saya faham daripada apa yang dibangkit oleh beliau iaitu kalau pelajar-pelajar ini dapat General Degree dan Agrotech sahaja diizinkan mengambil peperiksaan Bar di England dan kemudian kalau dia lulus peperiksaan, kelulusan yang kita ambil kira bukan lagi General Degree tetapi ialah kelulusan Bar at Law dia itu, sebab itulah dia diterima untuk menjadi pengamal undang-undang dalam negara kita.

Keduanya, saya juga minta maaf kurang faham dengan satu perkara iaitu bahawa ada satu lagi senarai katanya yang menyebabkan kita tidak perlu untuk meminda statute ini kerana dengan senarai itu sudah mencukupi bagi mereka yang mempunyai kelulusan ini untuk mengamalkan undang-undang di sana. Setahu saya ini mungkin tidak boleh dilakukan kerana pemantauan berkenaan dengan perkara-perkara tentang pengamalan undang-undang di Sabah dan Sarawak adalah terkandung di bawah Ordinan Sabah dan Sarawak ini dan belum sampai ke pengetahuan saya iaitu bahawa boleh dilakukan dengan cara yang lain selain daripada meminda statute ini.

Yang Berhormat dari Batang Lupar juga membangkit berkenaan dengan kedudukan Advance Diploma yang dikeluarkan oleh MARA. Sebenarnya di dalam ucapan saya sebentar tadi, saya telah menyebut iaitu bahawa Advance Diploma ini memang boleh diterima kerana di akhir ucapan saya, saya mengatakan iaitu perenggan 4(1)(cc) itu sekarang ini sudah pun mengandungi sebutan mengenai Diploma Lanjutan yang di 'award' kan oleh institut itu, bermakna sudah bolehlah. Sesiapa yang mempunyai Diploma Lanjutan memang sudah boleh mengamalkan undang-undang di kedua-dua buah negeri ini iaitu Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Yang Berhormat dari Batang Lupar - dia pun seorang peguam juga - dia bangkit berkenaan soal peguam muda yang hendak bina firma sebelum mereka mendapat pengalaman. Hujah Yang Berhormat ada 'pros and cons' dia mengatakan iaitu bahawa pengalaman tujuh tahun itu menyebabkan seseorang itu lebih matang, maka dia patutlah diberi peluang selepas tujuh tahun boleh buka firma. Tetapi saya agak ragu-ragu sedikit dengan hujah yang dibawa oleh beliau mengenai dengan pengalaman saya dua tahun

dalam Dewan ini, ada Ahli Parlimen duduk sampai dua puluh tahun tetapi perangai macam budak-budak. Jadi, kita hendak gunakan hujah 'lama' dalam sesuatu profesion itu bermakna kita lebih matang, tetapi kalau melihat daripada gelagat dan perangai Ahli-ahli Pembangkang yang ada dalam Dewan tetapi yang tidak ada pada malam ini, saya ingat hujah-hujah ini tidak boleh pakailah sebab saya ibaratkan mereka ini seperti unta juga - unta ini walaupun dia lama di Mekah tetapi belum dapat haji lagi, kita pergi tiga bulan kita dapat haji.

Jadi, saya ingat susahlah kalau kita hendak gunakan bahawa pengalaman lama dalam satu-satu tempat itu maknanya dia lebih matang dan dia sudah bijak, saya ingat hendak gunakan hujah itu tidak boleh sebab saya kurang yakin dengan gelagat dan perangai yang ditunjukkan oleh Ahli Pembangkang yang ramai duduk di sini lebih daripada dua puluh tahun tetapi macam unta di Mekah - berpuluh tahun duduk di Mekah, ada kita dengar orang panggil 'Haji Unta'? Tidak ada ya. *[Ketawa]*

Jadi, sebab itu saya ingat kita kena serah juga kepada pihak yang mengamal undang-undang ini untuk mengambil keputusan berkenaan dengan cara mana untuk mereka mengendali kerja-kerja mereka dan demokrasi tidak boleh diketepikan, kita tidak boleh mengatakan iaitu bahawa oleh kerana mereka ramai yang muda, maka kita yang tua kalah, saya ingat tidak ada jalan lain yang paling baik melainkan untuk kita serahkan kepada mereka dengan proses demokrasi untuk menentukan perkara-perkara yang harus dilaksanakan terhadap golongan mereka ini. Saya lebih lagi berminat untuk menyerahkan perkara ini kepada Bar Council dan biarlah mereka menghalakan cadangan kepada kita kerana undang-undang ini akan dilaksanakan untuk kegunaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gembira dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong kerana seperti beliau juga saya merupakan pencinta bahasa. Saya bersetuju iaitu bahawa kadangkala dalam rang undang-undang ini kita tengok pelbagai bahasa yang digunakan, kononnya dia tidak dapat memberikan satu makna yang tepat kepada apa yang dimaksudkan oleh undang-undang ini sehinggakan kita terpaksa menggunakan bahasa secara literal translation, dengan izin, daripada perkataan Inggeris dan kadangkala saya bertanya di kalangan peguam mengapa mungkin perkataan ini digunakan? Dia kata untuk mendapatkan satu makna yang tepat, tetapi untuk mendapatkan satu makna yang tepat untuk masyarakat mana? Masyarakat Malaysia yang

menggunakan bahasa Malaysia ataupun masyarakat Inggeris yang menggunakan bahasa Inggeris? Sebab kalau kita menggunakan hujah iaitu menggunakan bahasa Inggeris kerana tidak ada bahasa dalam bahasa Malaysia yang boleh memberikan makna yang tepat, cuba kita tanya kepada orang di kampung, apa itu 'bekues'? Dia pun tidak tahu!

Macam mana hujah yang mengatakan iaitu bahawa perkataan 'bekues' itu lebih menepati maksud yang hendak disampaikan oleh undang-undang sebab tanya kepada orang kampung, tidak usah kita kata - sebut di kampung saya di Lenggong, kalau kita tanya dia undang-undang ini membekueskan, dia akan tanya kepada saya, apa dia 'bekues' ini, Yang Berhormat? Jadi, sebab itu saya lebih mirip bersetuju kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong - kita guna seboleh-bolehnya walaupun perkataan Ibankah, perkataan Kadazankah dan kalau ada perkataan-perkataan yang diguna oleh masyarakat yang ada dalam negara kita waima kalau daripada orang Indiakah, Cina sekalipun ada satu perkataan yang boleh kita terima, kita guna.

Mengapa kita harus guna satu ayat yang digunapakai oleh orang Inggeris kerana dia lebih memberi maksud yang menepati undang-undang ini? Saya agak sukarlah, yang ini saya terpaksa mengatakan bahawa saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong kerana saya percaya kita berkeupayaan untuk mewujudkan penggunaan bahasa kita sendiri. Tidak ada masalah. Tidak ada masalah maknanya kalau, sebagai contoh, 'democracy' kita guna demokrasi tetapi sebelum kita menggunakan perkataan-perkataan tertentu, kita harus cari penggunaan yang boleh menggunakan perkataan yang boleh digunakan dalam negara kita.

Sebagai contohlah, Yang Berhormat kata 'bekues' itu menepati maksud - tanya pada orang ramai apa itu bekues? Berapa orang yang bercakap bahasa Inggeris dalam negara kita ini yang memahami apakah itu maksud 'bequest'? Malah kalau kita tanya kepada orang Malaysia itu sendiri yang mengguna bahasa Inggeris, tanya dia 'bequest' pun dia tidak tahu, yang faham cakap bahasa Inggeris ini.

Sebab itu saya bersetujulah dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong dan sememangnya setiap istilah yang kita gunakan ini, kita merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau sekiranya ada perkataan-perkataan yang dimasukkan di dalam rang undang-undang kita ini yang kita rasa bahawa ianya tidak merupakan penggunaan bahasa Malaysia yang digunakan oleh

Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri, maka saya harap halakan sungutan dan protes kita ini kepada Dewan Bahasa dan Pustaka supaya mereka mencari perkataan-perkataan yang menepati dalam bahasa kita sendiri, dalam masyarakat kita berkenaan dengan apakah maksud yang hendak dibawa oleh rang undang-undang ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyebutkan berkenaan dengan baru-baru ini kita lihat ada satu kemiripan seolah-olah penggunaan bahasa Inggeris dicampurkan dengan Bahasa Malaysia kita ini, maka ia merupakan - itulah bahasa yang digunakan oleh kita dalam negara kita pada hari ini. Jadi, kalau tidak dicampur aduk dengan bahasa Inggeris sedikit, itu tidak menepati citarasa masyarakat negara kita pada hari ini. Sebab itu, saya tengok ada kemiripan bukan sahaja di kalangan ahli-ahli masyarakat kita, tetapi di setengah-setengah pihak kita pun, dia rasa bahawa kalau menggunakan bahasa Inggeris sedikit dalam sebutannya itu, maka tinggi sedikitlah darjahnya, dengan izin, elite dia itu. Ini kita kena hapus, kita tidak boleh terima perkara ini.

Apa yang saya tidak faham kadangkala, penggunaan bahasa Melayu dicampur aduk dengan bahasa Inggeris, ini disebut oleh budak-budak yang muda yang mereka di waktu sekolah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Kalau macam kita dahulu yang sudah berumur sedikit pergi ke sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan, kalau kita bercakap kadangkala kita fikir dalam bahasa Inggeris dahulu, baru kita hendak tukar dalam bahasa Melayu, bolehlah kita faham, sebab dahulu kita bersekolah, di mana sekolah kita itu kita menggunakan bahasa perantaraan bahasa Inggeris. Tetapi sekarang ini yang saya tidak faham masyarakat Malaysia, dalam sekolah guna bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Masa bila dia tersasul cakap bahasa Inggeris ini, saya pun tidak faham, melainkan kalau mengada-ngada.

Sebab itu, saya mahu supaya kita mengambil satu keputusan bahawa seboleh-bolehnya kita mesti menggunakan Bahasa Malaysia bagi semua rang undang-undang ini untuk membawa maksud yang dimahukan oleh rang undang-undang kita ini. Kerana sebagai orang yang mengguna Bahasa Malaysia sebelum kita bertutur, kita kena berfikir dalam Bahasa Malaysia dahulu, baru kita bercakap Bahasa Malaysia. Di mana-mana kita pergi kalau kita hendak belajar bahasa lain, hendak belajar bahasa Thai, dengan izin, dia akan kata, you have to think Thai, baru kita boleh bercakap dalam bahasa Thai. Begitu juga bagi mereka yang menggubal undang-undang

ini harus fikir dalam Bahasa Malaysia dahulu, barulah boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia. Tetapi kalau kita fikir dalam bahasa Inggeris, hendak tukar dalam Bahasa Malaysia, saya ingat ini sudah silap.

Yang Berhormat dari Parit Sulong, saya mengambil berat pandangan daripada Yang Berhormat dalam perkara ini, dan saya bersetuju bersungguh-sungguh kita kena pasti bahawa penggunaan yang benar harus dilakukan dalam pertuturan bahasa dalam negara kita. Saya, insya-Allah, akan memastikan dan membawa perkara ini kepada pihak yang tertinggi supaya di masa-masa yang akan datang tidak lagi berulang perkara seperti ini. Saya sekali lagi menyatakan bahawa sebenarnya kita membuat rujukan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dalam hal-hal tertentu seperti penggunaan bahasa. Tetapi kalau sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat merasa tidak puas hati, bolehlah merujuk perkara ini bukan sahaja kami, tetapi juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat sekalian, setakat ini kita telah menyelesaikan semua rang undang-undang secara licin. [Tepuk] Saya bagi pihak Tan Sri Speaker, diri saya serta rakan sejawat saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat sekalian atas kerjasama dan ketabahan Ahli Yang Berhormat sekalian dalam usaha melicinkan perjalanan persidangan ini.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga suatu tarikh yang belum ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.22 malam.*